

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid II

Bil. 72

Hari Isnin

2hb. Disember 1996

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**USUL MENANGGUHKAN PERATURAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**
Kolej New Era dan Jawapan Timbalan Menteri Pendidikan.
- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) (Ruangan 43)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1997
Jawatankuasa:
Jadual -

Maksud B.34 (Ruangan 50)
Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40 dan B.41 (Ruangan 137)

(bersambung...)

(...sambungan)

USUL-USUL:
Anggaran Pembangunan 1997

Jawatankuasa:

Maksud P.34

(Ruangan 50)

Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40

(Ruangan 137)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat.

(Ruangan 115)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

Yang Berhormat Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

“ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

“ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

Yang Berhormat Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

“ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

“ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

“ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

“ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

“ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

“ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

“ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

“ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

“ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

“ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

“ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

“ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

Yang Berhormat Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

Yang Berhormat Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 2hb. Disember, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

FELDA - HASIL PEWUJUDAN SKIM 'PLANTATION'

1. Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis] minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) apakah pewujudan Skim Felda Plantation di rancangan tanah Felda dapat memberikan kebaikan kepada penduduk setempat;
- (b) berapakah jumlah pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh Felda hasil dari pewujudan Skim Felda Plantation di Felda:
 - (i) Felda Kechau Kuala Lipis - 10 skim
 - (ii) Felda Telang - 1 skim
 - (iii) Felda Chegar Perah - 1 skim

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pewujudan Skim Felda Plantation telah membawa beberapa kebaikan kepada penduduk setempat. Selain daripada digalakkan menyertai skim ini sebagai pekerja yang disediakan dengan rumah yang lengkap dengan bekalan air dan elektrik, mereka juga berpeluang mendapat kontrak kerja atau menjadi pekerja kontraktor yang ditawarkan oleh skim berkenaan. Penempatan berkelompok skim ini memudahkan pihak kerajaan

mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, bekalan air, elektrik, sekolah, klinik dan lain-lain yang turut dinikmati oleh penduduk setempat.

- (b) Gugusan Felda Kechau dan Chegar Perah dibangunkan mulai tahun 1981, manakala Felda Telang mulai tahun 1985 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM160.4 juta. Bagaimanapun, pengeluaran hasil daripada kawasan ladang hanya bermula selepas 3 tahun kawasan berkenaan ditanam dan keuntungan daripada hasil ladang pula lambat diperolehi. Berdasarkan akaun interim, rancangan tersebut kini telah mendapat keuntungan, bagaimanapun keuntungan tersebut digunakan untuk membayar kos pembangunan dan menjelaskan bayaran pinjaman Felda kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kemungkinan untuk penduduk-penduduk di persekitaran dijadikan peserta kepada rancangan tersebut, bukan sahaja sebagai pekerja kerana sebagai peserta nanti akan menambahkan lagi, dengan izin, purchasing power, bagi mereka dan dengan ini akan dapat lagi menambahkan perkembangan atau pertumbuhan pembangunan di Daerah Lipis?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan seperti itu bukan sahaja untuk di sini tetapi di tempat lain juga, setakat ini kerajaan masih belum membuat apa-apa keputusan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan Felda menghadapi permasalahan dalam skim rancangan Felda yang sedia ada iaitu sistem blok menghadapi permasalahan untuk mengisi peserta-peserta bagi tanah-tanah yang telah dikosongkan sama ada peserta dipecat ataupun waris peserta yang meninggal tidak

menuntut hak mereka. Soalnya, adakah cadangan untuk Felda plantation mengambil alih lot-lot yang telah kosong untuk dimiliki dan ditadbirkan oleh pihak Felda plantation? Kalau ada, bolehkah kementerian menyatakan berapakah keluasan yang telah diambil alih dan jika tidak, mengapa?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat ini boleh ditimbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA - PENGGUNAAN ISTILAH DI IKLAN PAPAN TANDA

3. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berjaya menarik kira-kira 20 syarikat sehari bertanyakan tentang istilah iklan, berapa lamakah diperlukan untuk 'membersihkan' semua iklan yang ada dan adakah DBP bercadang untuk membersihkan pula sektor awam selepas kejayaannya terhadap sektor swasta memandangkan banyak juga agensi kerajaan yang tersalah menggunakan istilah, nahu, ejaan dan ayat dalam pelbagai urusan masing-masing, termasuk di institusi-institusi pendidikan sendiri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam hubungan ini, Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan tugas hanya sebagai penasihat dan perunding untuk membantu pengguna dan pelanggan menggunakan bahasa kebangsaan yang berkualiti dalam iklan mereka sedangkan usaha-usaha untuk 'membersih' kesalahan dalam iklan di tempat awam dan papan-papan tanda adalah di bawah tugas pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri.

Bagi sektor awam, Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa memberi perhatian kepada kemajuan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan dan dari masa ke

semasa membantu jabatan-jabatan kerajaan menggunakan bahasa Melayu yang berkualiti tinggi dalam urusan rasmi kerajaan. Kursus-kursus bahasa dan khidmat nasihat bahasa kerap diberikan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan institusi-institusi pendidikan.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan tadi nampaknya yang hendak mengambil tindakan ialah majlis daerah tetapi dalam banyak kali kita bangkitkan, kerajaan-kerajaan tempatan memberitahu mereka tidak mempunyai pakar-pakar bahasa untuk mengatasi masalah ini. Jadi, bagaimana kementerian atau DBP dapat membantu dalam hal ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan untuk penggunaan bahasa, terutama sekali di iklan dan papan tanda untuk membantu pihak berkuasa tempatan dan juga kerajaan-kerajaan negeri menangani masalah bahasa dalam pengiklanan. Semenjak penubuhan tersebut, kerjasama yang erat telah dapat kita wujudkan di antara pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan di seluruh negara. Suka saya maklumkan bahawa sambutan daripada pihak swasta dan juga kerajaan-kerajaan tempatan memberikan perhatian yang lebih teliti kepada penggunaan bahasa untuk tujuan pengiklanan makin meningkat. Dalam pada itu, dalam mesyuarat-mesyuarat yang tertentu di peringkat daerah dan juga negeri, Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang ini dijemput untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut apabila perlu soal-soal bahasa itu diberikan perhatian dan usaha itu akan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat perkembangan pada hari ini, didapati kebanyakan pemilik-pemilik kedai tidak patuh kepada arahan dan saranan kerajaan, dalam masa yang sama majlis daerah tidak boleh

mengambil tindakan dan tidak mampu untuk mengambil tindakan. Jadi, soalan saya adakah cadangan kementerian untuk mengenakan tindakan ataupun denda dan sebagainya kepada mereka yang engkar dengan garis panduan yang telah diedarkan kepada pihak yang berkenaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya fikir apa yang disoal tadi itu tidak bersabit dengan bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Sebaliknya ia lebih bersabit dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ya, Arau.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh mengenai jawapan yang dikemukakan oleh Dato' Timbalan Menteri, saya ingin mendapat penjelasan daripada Dato'. Adakah pihak kementerian ataupun Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang untuk mengadakan buku panduan yang memberi kesenangan kepada pengiklan-pengiklan supaya mereka tidak mendatangkan masalah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, kerana tiap-tiap minit barangkali Dewan Bahasa dan Pustaka akan ditanya? Adakah disediakan buku panduan? Kalau sekiranya tidak ada dalam buku panduan itu barulah pengiklan-iklan boleh menanyakan Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai struktur ayat dan sebagainya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, buku panduan itu tidak ada. Cuma apa yang kita sudah buat selain daripada Jawatankuasa Penggunaan Bahasa ini, kita ada satu lagi jawatankuasa khusus untuk memerhati dan mengawasi pelaksanaan ataupun penggunaan Bahasa Melayu di kalangan sektor swasta dan kedua-dua jawatankuasa ini bertindak serentak. Dalam kedua-dua jawatankuasa itu ada wakil-wakil baik dari kementerian-kementerian yang berkaitan dan dari kalangan swasta dalam jawatankuasa itu. Dan kita menggerakkan kedua-dua jawatankuasa ini bagi membantu baik kalangan swasta ataupun kalangan sektor awam dalam menangani

perkara-perkara yang ada hubung kait dengan pelaksanaan bahasa Melayu, baik dalam urusan rasmi mahupun dalam iklan-iklan dan papan-papan tanda. Kita percaya setakat ini, seperti yang kita perhatikan ianya berjalan dengan baik.

CUKAI JALAN DI SABAH DAN SARAWAK - PERBEZAAN KADAR

4. **Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan kadar cukai jalan di Sabah dan Sarawak yang begitu ketara perbezaannya. Sebagai contoh L/Cruiser (4WD) tanpa permit, cukai jalan di Sabah RM1,500.00 sementara di Sarawak RM835.00. Adakah kerajaan bercadang menyeragamkan kadar ini sedangkan sistem jalan di Sabah lebih buruk dari di Sarawak dan sara hidup di Sabah lebih tinggi di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar cukai jalan di Sabah dan Sarawak merupakan kadar yang telah ditetapkan semasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berada di bawah kuasa kerajaan negeri.

Apabila kedua-dua JPJ negeri ini dipersekutukan pada 12hb. April, 1984, kadar cukai jalan yang telah ditetapkan sebelum itu dimasukkan dalam persetujuan di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan tanpa dibuat apa-apa pindaan. Walau bagaimanapun, semenjak 15hb. Februari, 1991 kadar cukai jalan bagi kenderaan penumpang jenis pacuan empat roda (four wheel drive) dengan izin, yang menggunakan diesel bagi Sabah telah pun diturunkan sebanyak 3.5 kali ganda. Sebagai contoh kadar cukai jalan bagi sebuah Land Rover yang berkuasa enjin 2500 c.c. di Sabah adalah RM528.00 sedangkan di Sarawak adalah RM595.00.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kenderaan perdagangan, kerajaan sedang mengkaji semula kadar cukai jalan bagi kedua-dua negeri tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan

juga mempunyai rancangan dari segi kajian semula bagi semua kenderaan di kedua-dua negeri ini.

POKOK-POKOK BALAK - JUMLAH KUTIPAN WANG BAGI PENANAMAN SEMULA

5. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dari permulaan sampai sekarang apakah jumlah wang yang dikutip daripada syarikat kayu balak untuk menanam semula pokok-pokok di kawasan pembalakan. Sila beri angka mengikut negeri. Berapakah jumlah wang yang telah diguna untuk tujuan tersebut dan berapakah purata kawasan pembalakan itu telah ditanam semula dengan pokok-pokok.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:

Tuan Yang di-Pertua, kutipan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) atau ses di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sehingga awal tahun 1996 adalah berjumlah RM347,517,378.

Jumlah kutipan KWPH mengikut negeri sehingga awal tahun 1996 adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Kutipan</u> <u>(RM)</u>
Johor	35,505,070
Kedah	10,304,320
Kelantan	63,892,999
Negeri Sembilan	11,257,762

Melaka	1,609,716
Pahang	85,982,432
Perak	23,067,513
Pulau Pinang	128,117
Selangor	15,474,801
Terengganu	33,689,169
Sabah	240,000
Sarawak	66,365,479

Projek penanaman semula kawasan hutan yang telah dibalak adalah termasuk Projek Ladang Hutan dan Projek Tanaman Mengaya yang keluasan tanaman-tanaman tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Projek Ladang Hutan - 173,877 hektar
- (ii) Projek Tanaman Mengaya - 148,852 hektar

Sebanyak RM172,857,769 telah dibelanjakan bagi Program Pembangunan Hutan sehingga awal tahun 1996. Selain daripada Projek Ladang Hutan dan Tanaman Mengaya, jumlah juga termasuk perbelanjaan untuk kerja-kerja inventori hutan, mengelang racun dan memotong akar, tanaman tepi pantai, tanaman hutan bandar, tanaman tepi jalan, hutan lipur serta tanaman rotan dan buluh.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jenis pokok yang ditanam dan jangka masa membesar sebelum boleh ditebang? Dan apakah

kadar pertumbuhan perbandingan antara kawasan yang baru ditanam dan keluasan kawasan hutan yang belum ditebang?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, ladang hutan meliputi dua jenis tanaman iaitu Projek Ladang Hutan dan Tanaman Mengaya.

Bagi Projek Ladang Hutan, pokok-pokok yang biasa ditanam ialah seperti akasia magium, yamani, engkabang, arau caria dan batai.

Bagi Tanaman Mengaya pula pokok-pokok yang biasa, yang sedang ditanam ialah pokok-pokok meranti, beberapa jenis meranti, seperti meranti tembaga, meranti sarang punai, meranti kepong, meranti bukit, meranti seraya, meranti rambai daun dan juga engkabang jantung.

Untuk kawasan-kawasan yang belum dibalak, saya tidak ada maklumat, saya minta notis.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA - JUMLAH MILIKAN BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA/USAHA SAMA

6. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai Projek Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) iaitu:

- (a) berapakah jumlah projek-projek Industri (IKS) yang telah dilaksanakan di seluruh negara mengikut negeri-negeri dalam Malaysia; dan
- (b) berapakah jumlah projek-projek Industri (IKS) yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera dan juga jumlah yang dijalankan secara usaha sama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-

sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Karang pada 5hb. Disember oleh kerana kedua-dua soalan saling berkait.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Buat masa ini Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak mendaftar syarikat-syarikat IKS kerana mengikut Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, hanya syarikat-syarikat pembuatan yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta dan pekerja sepenuh masa melebihi 75 orang dikehendaki mendaftar pelesenan dengan kementerian.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyenaraikan dan mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai IKS di seluruh negara dan di antaranya dengan menjalankan banci syarikat IKS tahun 1993/1994. Banci tersebut hanya mengambil kira jumlah syarikat-syarikat IKS yang dimiliki oleh bumiputera, bukan bumiputera, usaha sama bumiputera dan bukan bumiputera, kerajaan dan syarikat-syarikat asing dan tidak merangkumi jumlah projek-projek inudstri IKS yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera dan juga jumlah yang dijalankan secara usaha sama.

Mengikut banci tersebut juga, dari pegangan ekuiti syarikat-syarikat, didapati bahawa 2,258 iaitu 20 peratus syarikat IKS dimiliki 100 peratus oleh bumiputera, manakala syarikat-syarikat IKS milikan 100 peratus bukan bumiputera adalah 8,017 yang merupakan 71 peratus. Sementara itu, bilangan syarikat-syarikat usaha sama milikan bumiputera dan bukan bumiputera adalah 339 iaitu 3 peratus. Syarikat milikan warganegara asing pula adalah 678 iaitu 6 peratus.

Berhubung dengan jumlah usahawan bumiputera yang telah diluluskan untuk menyertai berbagai program pembangunan industri kecil dan sederhana sehingga 3hb. September 1996 yang dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, adalah 265 syarikat. Daripada jumlah ini, 91 buah syarikat menyertai Program Pembangunan

Vendor, 142 syarikat menyertai Program Konsep Payung Perabot (Guthrie) dan 32 buah syarikat menyertai Konsep Payung Makanan (BESTA). Untuk makluman Yang Berhormat, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDC) yang mula beroperasi pada 2hb. Mei 1996, telah turut melancarkan Program Rantaian Industri. Program ini kini dalam peringkat pelaksanaan dan SMIDC sedang berbincang dengan beberapa buah syarikat, bank-bank dan pihak-pihak lain yang dikenal pasti untuk menyertai program ini.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ini tidak ada kena-mengena dengan jawatan dalam parti.

Tahniah kepada MITI khususnya Menteriinya, terutama Setiausaha Parlimen yang begitu komited dengan memprojekkan pembangunan IKS secara proaktif. Soalan saya ialah, apakah usaha yang akan dijalankan oleh pihak MITI untuk menggabungkan semua syarikat-syarikat IKS mengikut sektor atau mengikut bidang yang mereka ceburi untuk menjadi sebuah konglomerat yang besar agar setanding dengan syarikat-syarikat yang tersenarai, kalau tidak pun sebagai sebuah multinational company, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, Yang Berhormat Ketua Pemuda saya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, memang tidak pakat pun. Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian Kedua yang baru-baru ini dilancarkan mengambil kira peranan IKS sebagai industri sokongan yang akan membantu dari segi pencapaian strategi pengilangan Plus-Plus, yang menekankan kepada peningkatan nilai ditambah.

Memandangkan kerajaan akan menggalakkan penglibatan IKS sebagai industri sokongan dan pembekal kepada industri-industri yang dikenal pasti sebagai industri-industri yang diberi tumpuan iaitu industri kelompok dan industri cluster, dengan izin, maka kita akan selaraskan program-program yang akan dikendalikan oleh Perbadanan

Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, bersama-sama dengan penekanan yang diberikan di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua. Maka lapan bidang dan cluster kelompok yang dikenal pasti di bawah IMP II ini akan juga menjadi agenda dan priority yang diberikan di bawah program Industri Kecil dan Sederhana dan di bawah SMIDC. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D adalah amat penting untuk memajukan IKS. Jadi, saya ingin tanya pihak kementerian, apakah program R&D yang telah diusahakan oleh pihak kementerian bagi sektor IKS ini demi mempertingkatkan lagi mutu pengeluaran mereka?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah pun mengenal pasti beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat IKS termasuklah kekurangan tenaga mahir, rangkaian yang lemah dengan industri-industri besar, ketidakupayaan menembusi pasaran terbuka, kekurangan sumber kewangan dan kekurangan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat - kekurangan dari segi teknologi dan reka cipta.

Kerajaan telah mengadakan beberapa program untuk membangunkan IKS dan di antara program-program yang dilaksanakan oleh MITI dan harap dapat dilaksanakan oleh perbadanan IKS yang baru-baru ini diwujudkan, adalah pertamanya program pemasaran bersepadu untuk membantu syarikat IKS milik bumiputera mendapatkan pasaran perolehan kerajaan serta pasaran terbuka untuk keluaran mereka untuk teknologi-teknologi baru supaya juga pemindahan teknologi boleh dibuat melalui usaha sama-usaha sama yang tulen dan juga program-program R&D boleh diberikan penekanan.

Keduanya, program rangkaian perindustrian iaitu program yang merumuskan penjodohan atau match making yang melibatkan penemuan di antara pembeli dan

pembuat untuk memudahkan rangkaian pembekalan secara kontrak di antara syarikat-syarikat besar dan IKS.

Ini juga memberi penekanan peluang dan ruang untuk Industri Kecil dan Sederhana untuk menerokai bidang-bidang baru dan juga mempelajari teknologi yang dapat dipindahkan kepada industri-industri kecil ini.

Selain daripada itu, skim pinjaman bantuan kewangan dan juga pembangunan kawasan-kawasan perindustrian dan selaras dengan soalan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok, penekanan kita di bawah IMT II dan juga yang akan diselaraskan di bawah program-program SMIDC ialah untuk bagaimana kita dapat meningkatkan lagi tahap teknologi dan memang penekanan diberikan untuk kita menerokai teknologi-teknologi dan juga menyelami bidang-bidang baru melalui Research and Development (R&D). Terima kasih.

BADAN DAKWAH - BILANGAN BERDAFTAR

7. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) jumlah badan-badan dakwah yang berdaftar di seluruh Malaysia dan nama-nama badan tersebut; dan
 - (b) apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap kegiatan kumpulan-kumpulan dakwah yang menjalankan kegiatan tanpa berdaftar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia jumlah badan-badan dakwah yang berdaftar di seluruh Malaysia adalah sebanyak 150 buah.

- (a) Di antara badan-badan dakwah tersebut yang besar dan aktif adalah seperti berikut: ABIM, PERKIM, Persatuan Darul Fitrah, Al-Hunafa, RISEAP,

USIA, PERMIM, AL-Jamaiah, PERKODIM, Persatuan Saudara Baru, Persatuan Darus Saadah.

- (b) Kerajaan sememangnya memandang berat dan berwaspada terhadap kumpulan dakwah yang menjalankan kegiatan tanpa berdaftar. Kerajaan sentiasa menasihatkan mereka supaya mendaftarkan pertubuhan mereka disamping memohon tauliah daripada Jabatan Agama Islam negeri-negeri bagi anggota mereka yang terlibat berdakwah dan mengajar agama.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Dato' Menteri. Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat-syarat kepada pendakwah daripada luar negara yang dibawa oleh badan-badan dakwah ini untuk berdakwah di Malaysia? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri, sesiapa juga penceramah atau pensyarah dari luar negara mestilah mendapat tauliah daripada pihak yang berkuasa kerajaan negeri. Dengan ini terjaminlah bahawa pendakwah dari luar negara ini tidak boleh menyebarkan fahaman agama mengikut sesuka hati mereka.

Tuan Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan kerajaan terhadap satu kumpulan dakwah yang mempunyai ramai pengikut di Malaysia ini yang biasa disebut dengan kumpulan Jamaah Tabligh dan apakah yang harus dilakukan oleh kerajaan kepada kumpulan-kumpulan yang kadang-kadang dijemput atas nama dakwah dan ceramah agama tetapi apa yang di dalamnya hanyalah mencaci kerajaan ataupun mencaci individu-individu tertentu?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Bagi bahagian pertama soalan itu, pendekatan kerajaan ialah dengan mendekati mereka dan menasihati supaya cara-cara yang mereka lakukan sesuai dengan kehendak negara.

Penyiasatan dibuat terhadap kumpulan tersebut tetapi didapati dua perkara yang perlu diambil berat oleh mereka. Yang pertama ialah bahawa pendekatan mereka cara dari rumah ke rumah dan cara menggunakan kesempatan di masjid-masjid hingga mengganggu jemaah-jemaah lain, maka perkara ini sudah kita dapat atasi, mereka sudah berubah. Yang kedua ialah unsur-unsur luar, cara-cara pendekatan kumpulan mereka yang ada di luar negara ini tidaklah sepatutnya dijalankan di negara ini.

Bagi bahagian kedua soalan tersebut ialah orang-orang yang berselindung di sebalik kegiatan ceramah dan penerangan agama tetapi diambil kesempatan politik, kita mengawasi mereka ini dan menasihati pihak-pihak yang menganjurkan supaya menjauhi perkara ini dan tidak mengganggu jemaah-jemaah kita. Terima kasih.

KEM TENTERA DAN POLIS HUTAN DIMANSUHKAN - RANCANGAN KERAJAAN

8. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar bahawa beberapa kem tentera dan polis hutan akan dimansuhkan. Jika benar, apakah rancangan kementerian terhadap kegunaan bangunan-bangunan yang sedia ada.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa kem tentera yang mengandungi bangunan-bangunan yang telah usang dan perlu diganti kerana kem-kem lama itu tidak lagi ekonomik untuk disenggarakan. Untuk menangani keadaan ini, kementerian telah merancang untuk membina kem-kem baru bagi menggantikan kem-kem yang lama ini secara penswastan. Selaras dengan itu, terdapat kem-kem yang bertaraf sementara yang telah dibina di atas tanah kerajaan negeri yang mana tanah berkenaan akan diserahkan kembali kepada kerajaan negeri yang berkenaan. Ini disebabkan unit-unit yang ditempatkan di kem-kem tersebut telah dibubarkan bersesuaian dengan perancangan masa kini dan masa hadapan operasi ketenteraan.

Mengenai kem-kem Pasukan Polis Hutan yang sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri, saya ingin menyatakan bahawasanya beberapa kem pasukan polis hutan PPH telah ditutup kerana dasar kerajaan untuk mengecilkan saiz PPH. Kem-kem Pasukan Polis Hutan yang terlibat telah pun dijadikan pusat serenti untuk rawatan dan pemulihan penagih dadah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan banyak juga terdapat markas dan kem tentera ini terletak dalam kawasan bandar atau di pinggiran bandar, persoalannya ialah apakah konsep atau pertimbangan yang digunakan oleh Kementerian Pertahanan atau kerajaan dalam rancangan projek-projek raksasa oleh pihak swasta untuk membangunkan kawasan-kawasan berkenaan menjadi projek perumahan ataupun komersial?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Mengikut pada perancangan yang mana dulu yang mana dikemudiankan, pihak swasta boleh menghantarkan cadangan mereka bagi memajukan mana-mana tanah kepunyaan Kementerian Pertahanan dalam bandar ataupun di pinggiran bandar dibangunkan oleh pihak swasta dan pihak swasta perlu pula mendapatkan balasan ataupun ganti tanah yang bersesuaian juga tidak beberapa jauh daripada bandar dan juga menyediakan segala keperluan kem yang bakal ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, adakah di antara kem-kem yang akan ditutup ini termasuk kem 305 di Bukit Kayu Hitam?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Itu kemudian, Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

**PROGRAM SEMAI INDAH - SEJAUH MANA
MEMBANTU KELUARGA PPRT**

9. **Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah Program Semai Indah yang dilancarkan oleh

Jabatan Landskap dapat membantu keluarga Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin

Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, Projek Tapak Semaian bertujuan mewujudkan pembekalan stok tanaman bagi menampung keperluan landskap seluruh negara. Semaian indah merupakan aktiviti sokongan bagi Program Tapak Semaian yang dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Semaian indah bertujuan melibatkan masyarakat desa dalam aktiviti pengeluaran tanaman landskap khususnya dan program landskap negara umumnya. Di bawah aktiviti ini, subsidi diberikan kepada peserta dalam bentuk benih pokok dan baja beserta bantuan khidmat nasihat dan tunjuk ajar daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Peserta perlu menyediakan tempat dan juga tenaga dan masa untuk menjaga tanaman sehingga cukup besar untuk dipasarkan.

Program Semaian Indah menyumbang kepada Program Pembangunan Rakyat Termiskin dengan mengutamakan penyertaan daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan ini. Melalui penyertaan dalam aktiviti ini, mereka yang terlibat boleh memperolehi pendapatan tambahan. Mereka juga dapat mengambil peluang ini untuk mendalami kaedah pengeluaran tanaman landskap dan di masa akan datang menjadikan bidang yang menguntungkan ini satu sumber pendapatan tetap. Sekian.

Tuan Chia Kwan Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah rancangan atau langkah-langkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mencapai matlamatnya untuk menanam sebanyak 19 juta pokok di seluruh negara dan apakah pencapaian setakat ini jika dibanding dengan sasaran? Maksud saya berapa pokok telah ditanam dan di mana?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, hasrat Jabatan Landskap Negara ialah untuk melaksanakan Program Taman Dalam Negara dan kita akan memulakan dengan Program Semaian Indah ini yang mana saya baru sahaja sebutkan, kita akan gunakan penduduk-penduduk di desa untuk membekalkan tanaman yang mencukupi kepada usaha-usaha di desa, dan di bandar pula Jabatan Landskap Negara akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan dan juga termasuk Jabatan Pertanian untuk melaksanakan cara-cara atau tempat-tempat di mana perlu ditanam pokok lagi.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada kementerian yang telah menganjurkan usaha ini kepada anggota-anggota PPRT yang rasa kerja ini memudahkan dan tidak begitu berat bagi anggota-anggota PPRT. Soalan saya ialah saya ingin mendapat pandangan daripada kementerian sama ada boleh dilanjutkan usaha-usaha Program Semai Indah ini dengan membenarkan anggota ataupun keluarga PPRT itu bergerak daripada rumah ke rumah untuk mencantikkan kawasan tuan-tuan rumah tersebut dan mereka mendapat upah dan bayaran dengan menggunakan subsidi benih pokok dan baja ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah satu variation, dengan izin, daripada program Semai Indah ini. Tetapi hasratnya adalah agak sama kerana dalam program Semai Indah ini, kita menggalakkan peserta-peserta yang kita pilih dalam kawasan kampung atau desa, dan kita akan mengeluarkan satu projek printis di daerah Gerik, Perak, di mana kita akan memulakan program ini. Dalam program ini, pihak keluarga yang dipilih mempunyai satu bidang tanah seluas 0.1 hektar, iaitu 2.6 ekar, di mana kita akan membekalkan 300 benih pokok. Dalam bantuan benih pokok ini mereka mendapat nasihat dan juga bantuan baja dan sebagainya supaya apabila pokok sudah boleh dipasarkan, kita harapkan keluarga

yang kita tolong ini dapat sedikit-sebanyak keuntungan apabila pokok itu dipasarkan. Kita harap dalam program ini, setiap rumah yang jadi peserta itu akan juga dicantikkan dalam programnya.

SEKOLAH RENDAH/MENENGAH DI KAWASAN PENEMPATAN SEMULA BAKUN - PEMBINAAN

10. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) di dalam kawasan penempatan semula penduduk Bakun, adakah pihak tertentu merancang pembinaan sekolah rendah dan menengah untuk menampung pertambahan penduduk di kawasan tersebut dan jika ya, bilakah ianya akan siap; dan
- (b) siapakah yang akan membiayai pembinaan sekolah tersebut - pihak pemaju Bakun HEP atau kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Tiga buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah akan dibina dalam penempatan semula Bakun.
- (b) Peruntukan pembinaan sekolah-sekolah tersebut akan diuruskan oleh kerajaan negeri.

Tuan Billy Abit Joo: Soalan tambahan. Baru-baru ini ada perubahan dari segi rancangan di tempat penempatan semula. Dari tiga kawasan, mereka yang berpindah akan ditempatkan di satu kawasan. Mungkin ini bermakna ada perubahan dari segi perancangan sekolah-sekolah di tempat penempatan semula. Ini berita yang terakhir.

Soalan yang kedua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri, mengapakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, biasanya soalan tambahan itu dibenarkan kepada satu sahaja. Satu sahaja.

Tuan Billy Abit Joo: (b) ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: (b) itu sama juga, Yang Berhormat. Satu sahaja.

Billy Abit Joo: 1(b).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Mengapakah sekolah dibiayai oleh kerajaan, dan bukan pihak pemaju hidro?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita mengikut sahaja keperluan di sana. Apa pandangan daripada negeri kita ikut. Itu sahaja.

TEKNOLOGI KOMUNIKASI INTERNET - MEMBANTERAS BAHAN LUCAH

11. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memahami bahawa teknologi komunikasi zaman ini kian meriah dengan kehadiran sistem jaringan maklumat dunia, Internet; persoalannya apakah caranya, atau adakah sesuatu sistem diadakan oleh kementerian untuk menapis gejala-gejala negatif kepada masyarakat dan negara, seperti:

- (a) unsur-unsur fenomena pornografi yang tidak sihat kepada golongan muda-mudi; dan
- (b) unsur-unsur budaya dan ideologi yang tidak baik serta tidak sehaluan dengan kerajaan dan masyarakat Malaysia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Internet menggunakan teknologi yang membolehkan sesiapa sahaja berhubung dan menyebarkan maklumat tanpa sekatan. Adalah amat sukar bagi mana-mana pihak untuk menapis atau menyekat maklumat melalui Internet secara berkesan. Namun demikian, MIMOS sebagai pengendali Internet utama di Malaysia telah

mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyekat pangkalan maklumat yang diketahui mengandungi bahan lucah atau unsur-unsur yang negatif dan tidak sihat kepada golongan muda-mudi.

- (b) Kerajaan memang bercadang untuk menapis maklumat yang diedarkan melalui Internet, tetapi sebaliknya kerajaan akan menggunakan Internet untuk menangkis maklumat yang berunsur negatif dan berideologi tidak baik serta tidak sehaluan dengan kerajaan dan masyarakat Malaysia.

PELABURAN ASING - LANGKAH MEMPERTINGKATKAN

12. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan lima buah negeri yang paling rendah menerima pelaburan asing pada tahun 1995 dan 1996; serta nyatakan nilainya. Juga nyatakan sebab-sebabnya bersekali dengan langkah bagi mempertingkatkan kehadiran pelabur-pelabur ke negeri-negeri tersebut.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, lima buah negeri yang paling rendah menerima pelaburan asing dalam sektor perkilangan pada tahun 1995 dari segi nilai ialah negeri Kelantan dengan jumlah pelaburan asing diluluskan oleh MITI sebanyak RM1.7 juta, Perlis RM8.9 juta, Wilayah Persekutuan termasuk Labuan RM28.5 juta, Terengganu RM146.1 juta, dan Sarawak RM237.6 juta. Bagi tempoh bulan Januari hingga September 1996 pula, 5 buah negeri yang paling rendah menerima pelaburan asing ialah Perlis RM15.2 juta, Kelantan RM31.2 juta, Wilayah Persekutuan termasuk Labuan RM40.7 juta, Terengganu RM41.3 juta dan Perak RM58.0 juta.

Pelabur-pelabur asing kurang berminat untuk menempatkan projek-projek mereka di Kelantan, Perlis dan Terengganu kerana lokasi negeri-negeri tersebut terletak jauh daripada pasaran tempatan dan industri sokongan yang berpusat di bandar-bandar besar Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan juga daripada pelabuhan-pelabuhan dan

lapangan terbang utama di negara ini. Di samping itu, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosial seperti sekolah antarabangsa yang relatifnya kurang baik atau belum ada lagi di negeri-negeri tersebut turut mempengaruhi keputusan pelabur-pelabur asing menempatkan pelaburan mereka. Kekurangan pelaburan asing di sektor perkilangan di Wilayah Persekutuan termasuk Labuan pula adalah kerana kesukaran mendapatkan tapak kilang serta masalah kekurangan tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menggalakkan pelabur-pelabur asing supaya menempatkan projek-projek mereka di negeri-negeri tersebut dengan:-

- (i) menawarkan satu pakej insentif khas untuk Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (ii) menjemput wakil kerajaan-kerajaan negeri berkenaan menyertai misi pelaburan MITI keluar negeri;
- (iii) bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dalam menganjurkan seminar-seminar pelaburan tempatan;
- (iv) memberikan pengecualian kepada projek yang akan ditempatkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak daripada mematuhi kriteria nisbah modal bagi seorang pekerja atau dengan izin, 'capital investment per employee ratio' melebihi RM55,000 untuk mendapatkan lesen pengilang.

Di samping itu, kerajaan negeri digalakkan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang mencukupi, tapak perindustrian yang harganya kompetitif serta mengurangkan kerenah birokrasi yang boleh menjejaskan keputusan bakal pelabur-pelabur asing melabur di negeri-negeri mereka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan tentang insentif yang telah diberi

kepada pelabur-pelabur asing supaya mereka lebih berminat untuk datang ke negeri Pantai Timur. Namun demikian, kita masih lagi mendapati pelabur-pelabur asing ini masih agak enggan pergi ke negeri-negeri ini. Pada minggu lalu kita telah melihat Perdana Menteri kita melancarkan IMP yang kedua. Dalam IMP yang kedua, adakah satu pendekatan yang baru untuk membawa mereka ini lebih ke negeri-negeri yang disebutkan tadi.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji kembali bukan sekadar lagi insentif tetapi menggunakan sedikit paksaan, sebagai contoh tidak membenarkan syarikat yang labour intensif diletakkan di Kelang Valley, supaya hanya dibenarkan dari segi pemberian lesen syarikat-syarikat yang labour intensif ini hanya dibenarkan diletak di Pantai Timur sebagai contoh.

Adakah kerajaan bersedia mengkaji kembali dalam isu pelaburan untuk pergi ke negeri-negeri ini kerana kita lihat banyak lagi masyarakat di kawasan ini masih dahaga kepada pekerja, dan dahaga juga kepada penglibatan dalam industri negara.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih ahli Yang Berhormat dari Rompin. Kajian IMP II tidak memperakukan sebarang taburan industri mengikut negeri dan setiap kerajaan negeri pula perlu menjalankan kajian lanjutan secara terperinci dalam bidang-bidang industri yang dikenal pasti oleh pelan induk perindustrian itu. Adalah diharapkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri dapat juga mengetengahkan pelan-pelan induk untuk membangunkan negeri masing-masing dan pelan induk perindustrian ini boleh dijadikan rujukan memandangkan ia mengenal pasti kelompok-kelompok industri seperti elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian, kimia, industri berasaskan sumber, bahan-bahan termaju pertanian dan produk makanan, mesin-mesin untuk kelengkapan.

Memang tidak boleh dinafikan, walaupun dengan wujudnya insentif-insentif yang saya sebutkan tadi, pelabur-pelabur asing masih agak kurang minat untuk menempatkan kilang-kilang mereka di Koridor Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak, dan

telah pun membangkitkan isu-isu seperti masalah mendapatkan pekerja, pengangkutan pekerja, kepakaran teknikal, bekalan elektrik, tukar syarat tanah dan bekalan air sebagai faktor-faktor yang menyebabkan mereka kurang senang melabur di negeri-negeri Pantai Timur, Semenanjung Malaysia.

Kerajaan Persekutuan akan meneruskan usaha bagi mengatasi masalah yang dinyatakan tadi bersama-sama dengan kerajaan-kerajaan negeri. Salah satu forum perbincangan yang dibuat ialah melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama Industri di antara MITI dengan kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan yang diadakan dari masa ke semasa. Memang penekanan kerajaan dan penekanan kementerian bahawa kita tidak akan meluluskan lagi industri-industri yang berintensifkan buruh, tetapi seperti yang saya sebutkan di dalam jawapan sebentar tadi, bahawa pengecualian telah diberikan kepada projek-projek yang akan ditempatkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Maka kelonggaran ini diberikan kepada koridor untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, di samping usaha-usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur datang ke negara kita, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan penguatkuasaan ke atas pelabur-pelabur asing ini, supaya mereka mematuhi dasar-dasar industri dan juga peraturan-peraturan yang telah ditetapkan ke atas pelabur-pelabur asing ini dan adakah kita mempunyai penguatkuasa yang cukup untuk memastikan penguatkuasaan ini dijalankan dengan baik.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Sebenarnya, syarat-syarat dikenakan semasa kita mengeluarkan lesen-lesen dan persetujuan untuk membenarkan mereka mewujudkan kilang-kilang, maka, sekiranya permohonan itu dapat memenuhi tumpuan kita, iaitu memberikan penekanan kepada industri-industri yang berteknologi tinggi dan bukan berintensifkan modal, industri-industri dan kilang-kilang yang akan mengeluarkan barangan yang 'value added' (nilai ditambah) atau menggunakan kelonggaran-

kelonggaran yang kita sedia ada untuk koridor-koridor dan di 'pockets, di negeri-negeri, dengan izin, untuk membangunkan industri-industri di kawasan yang perlu dibangunkan, maka penelitian kementerian melalui pengeluaran lesen dan persetujuan ini ialah melalui pengeluaran kelulusan untuk mereka menubuhkan kilang-kilang.

Kita juga perlu kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk mengenal pasti sama ada syarat-syarat dan keputusan yang dikeluarkan itu diikuti oleh syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk di kilang, untuk tindakan kita selanjutnya.

VAN KILANG TANPA PERMIT - PENDAFTARAN SETEMPAT

13. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah melancarkan gerakan pendaftaran setempat operasi van kilang tanpa Permit kerana bertujuan membantu pemilik van tersebut untuk mendapatkan Permit;

- (a) berapakah jumlah permit yang telah dikeluarkan sehingga ke hari ini; dan
- (b) berapa banyak lagi permit yang hendak dikeluarkan oleh LPKP.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Pembangunan Usahawan telah melancarkan beberapa operasi pendaftaran van kilang tanpa permit dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (PJP), Polis dan Pejabat-pejabat Daerah di mana operasi dijalankan. Tujuan gerakan itu ialah untuk menasihatkan mereka yang terlibat supaya memohon permit yang sah di mana pihak LPKP akan menimbangkan kes-kes tersebut dengan segera. Operasi tersebut telah diadakan di beberapa tempat termasuk Kedah dan Johor. Operasi ini akan diteruskan dan ditumpukan di kawasan-kawasan industri dan kilang yang banyak terdapat van-van yang beroperasi secara haram.

- (b) Bilangan permit yang telah dikeluarkan dalam operasi tersebut ialah 130 untuk negeri Kedah dan 213 untuk negeri Johor. Bilangan permit bas kilang yang akan dikeluarkan bergantung kepada permintaan dan maklum balas daripada JPJ, Polis dan pihak kerajaan negeri dan juga daripada Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM).

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Suka saya mendapat penjelasan tambahan. Berapa lamakah selalunya setelah dibuat operasi dan dinasihat, pihak berkenaan memohon untuk mengeluarkan lesen dan mendapat jawapan terutama sekali bagi van-van untuk mengangkut pekerja-pekerja kilang, kerana van-van ini boleh masuk mengutip pekerja sampai ke kampung-kampung dan saya difahamkan bahawa lesen ini lambat didapati dan sukar didapati, maka sebab itulah didapati operator-operator haram masuk ke kampung-kampung.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, untuk mereka yang terlibat dalam operasi ini, kita memastikan bahawa mereka hanya perlu membuktikan ada van, sokongan daripada, sama ada Pegawai Daerah, ADUN ataupun daripada MP sendiri. Mereka tidak perlu membawa surat kilang di mana mereka beroperasi dan tidak perlu juga melalui proses kelulusan Lembaga yang mana sentiasa kita gunakan. Kita hanya perlu tandatangan daripada Pengerusi Lembaga dan seorang ahli sahaja untuk meluluskan permohonan operasi tersebut.

Jangka masa yang kita ambil untuk melesenkan mereka ialah tidak lebih daripada satu bulan sahaja.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Timbalan Menteri tadi, dua buah negeri iaitu Johor dan Kedah, di mana lebih kurang 200 permit dikeluarkan dan di Kedah cuma 100 lebih. Saya ingin tahu sama ada permohonan itu sambutannya begitu baik ataupun daripada 200 permit yang dikeluarkan itu, sebenarnya ada berapa permohonan di kedua-dua buah negeri.

Tuan Idris bin Jusoh: Saya tidak ada angka yang jelas tetapi hampir kesemua daripada permohonan itu mendapat kelulusan oleh Lembaga jika mereka dapat membuktikan bahawa mereka ada dan adanya surat sokongan daripada pegawai daerah ataupun ADUN ataupun MP kawasan tersebut.

Saya ingin menyeru, jika ada di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang mempunyai masalah yang sama bolehlah kemukakan perkara ini kepada pihak kementerian supaya kita boleh mengadakan operasi di tempat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

PEKERJA ASING - MENGURANGKAN KEMASUKAN

14. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah rancangan oleh kementerian beliau untuk mengurangkan kemasukan bilangan pekerja asing yang tidak ada kemahiran atau mempunyai kemahiran yang tidak diperlukan pada masa akan datang; dan
- (b) apakah langkah yang akan diambil untuk menggalakkan kemasukan pekerja asing yang ada kemahiran yang sangat diperlukan untuk Malaysia mencapai kemajuan perindustrian yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian telah pun mempunyai rancangan dan sedang melaksanakan dasar mengurangkan kemasukan pekerja asing tanpa kemahiran dan juga mereka yang mempunyai kemahiran tetapi tidak diperlukan oleh negara.

Antara dasar-dasar itu ialah:-

- (i) membekukan pengambilan pekerja asing dalam semua sektor kecuali pembantu rumah;
- (ii) menggalakkan industri berteknologi tinggi;
- (iii) mengurangkan industri yang terlalu bergantung kepada buruh; dan

- (iv) mempertingkatkan penggunaan automasi dalam sektor perindustrian dan per-khidmatan.
- (b) Kerajaan masih membenarkan kemasukan pekerja asing yang berkemahiran dengan tujuan bahawa pengetahuan dan kemahiran mereka dapat dipindahkan kepada rakyat tempatan. Ini adalah bagi memastikan proses per-industrian tidak akan terjejas.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang melonggarkan syarat-syarat untuk kemasukan pekerja yang mahir, memandangkan kita amat kekurangan tenaga manusia teknikal dan berkemahiran selaras dengan hasrat kerajaan membangunkan industri berteknologi tinggi?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kerajaan telah membekukan kemasukan pekerja mahir atau separuh mahir. Akan tetapi, dalam membuat keputusan, pertimbangan terutamanya diberi kepada sektor perindustrian dengan mengadakan jawatankuasa bersama di mana wakil-wakil dari kementerian-kementerian yang berkenaan ada bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk membuat keputusan. Salurannya masa kini memang telah mengambil kira tentang keperluan perkembangan industri dan teknologi di negara kita.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang levi yang dikenakan kepada pekerja mahir dan tidak mahir kerana saya difahamkan bahawa untuk pekerja yang tidak ada sebarang kemahiran, levi yang dikenakan telah dinaikkan dari RM420 pada tahun lepas kepada RM840 pada tahun ini dan sekarang dinaikkan sehingga RM1,800 lebih. Adakah ini benar dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan rasionalnya serta levi untuk pekerja yang mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk negara kita?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal levi ini, lebih tepat dijawab oleh kementerian yang lain, bukan kementerian saya.

PEMBACA BERITA TV - KEBENARAN MENUTUP AURAT

15. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Penerangan menjelaskan apakah tindakan pembaca berita di TV3 memakai tudung boleh juga dilaksanakan di televisyen milik kerajaan (RTM) dan apakah sikap kerajaan bila stesen TV swasta mendahului kerajaan dalam membenarkan pekerjaanya memakai tudung sesuai dengan hukum Islam.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan pembaca berita wanita beragama Islam memakai tudung kerana ianya adalah merupakan soal peribadi. Ianya adalah selaras dengan tatacara berpakaian kakitangan wanita beragama Islam dalam perkhidmatan awam.

KEMALANGAN JALAN RAYA - USAHA MENGURANGKAN

16. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kesan arahan kementerian dalam hal memasang lampu siang hari oleh penunggang motosikal bertujuan mengurangkan kemalangan di jalan raya tercapai; dan
- (b) apakah program yang dirangka dalam tahun 1997 bagi mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peraturan mewajibkan pemasangan lampu motosikal pada siang hari didapati mencapai objektifnya, iaitu untuk meningkatkan tahap kebolehlihatan penunggang motosikal oleh pengguna jalan raya yang lain. Dalam satu analisa mengenai keberkesanan peraturan tersebut, didapati peratus kemalangan di persimpangan yang melibatkan motosikal dengan kenderaan lain dan motosikal dengan pejalan kaki telah menurun. Ini menunjukkan bahawa dengan

pemasangan lampu motosikal pada siang hari pergerakan motosikal menjadi lebih mudah dan jelas dilihat oleh pengguna jalan raya yang lain dan seterusnya boleh mengurangkan bilangan kemalangan jalan raya yang melibatkan motosikal.

Walau bagaimanapun, bilangan kemalangan yang melibatkan motosikal didapati terus meningkat dari tahun ke tahun. Ini bukan bermakna peraturan tersebut tidak berkesan tetapi adalah disebabkan oleh bilangan kenderaan termasuk motosikal berdaftar yang terus meningkat serta sikap cuai sebahagian penunggang motosikal dan juga pemandu kenderaan.

- (b) Program yang dirangka bagi tahun 1997 untuk mengurangkan kemalangan jalan raya adalah seperti berikut:
- (i) meneruskan Kempen Keselamatan Jalan Raya melalui pelbagai media dan kempen khas pada musim perayaan;
 - (ii) menerapkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan murid sekolah melalui pendidikan kokurikulum;
 - (iii) tindakan untuk memperkenalkan sistem pelesenan percubaan selama dua tahun bagi pemandu dan penunggang motosikal;
 - (iv) mempertingkatkan kefahaman dan kecekapan pemandu kenderaan perkhid-matan awam dan kenderaan berat melalui penganjuran kursus pemanduan berhemat;

- (v) merancang bagi pembinaan lorong khas untuk motosikal di lebuhraya dan di mana sesuai;
- (vi) memastikan kontraktor mengambil tindakan yang wajar dengan meletakkan tanda amaran di mana jalan-jalan yang sedang dalam proses pembinaan dan pembaikan semasa musim perayaan;
- (vii) mengkaji dan mengemas kini perundangan dan peraturan lalu lintas di mana perlu; dan
- (viii) meningkatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang lalu lintas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 17 hingga 40 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Kolej New Era dan Jawapan Timbalan Menteri Pendidikan -
Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]**

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusulkan yang berikut:

Bahawa Dewan ini membenar Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Tuan Lim Kit Siang, untuk menangguhkan Dewan dan membincangkan satu perkara tertentu kepentingan orang ramai, yang berkehendakkan disegerakan mengenai keengganan Kementerian Pendidikan untuk meluluskan permohonan penubuhan Kolej New Era [*Tepuk*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Tak sokong?yang dikemukakan oleh Dong Jiao Zhong sungguhpun permohonan berkenaan telah berulang kali dipinda dan dikaji semula atas sebab-sebab berikut:

Hari Rabu yang lepas, semasa menggulung perbincangan Belanjawan 1997 peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Khalid membuat suatu pengumuman yang memeranjatkan mengenai status permohonan Dong Jiao Zhong untuk menubuhkan Kolej New Era apabila beliau berkata, dan saya petik:

*“Kertas cadangan permohonan penubuhan Kolej New Era di
Kajang diterima pada 8hb. Oktober, 1996. Dalam memproses kertas
cadangan, didapati permohonan tidak menepati salah satu syarat penting*

penubuhan IPTS, iaitu syarikat hendaklah mempunyai 30% ekuiti bumiputera. Syarikat yang memiliki Kolej New Era, iaitu Dong Jiao Zhong Higher Learning Sdn. Berhad dilaporkan sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan tidak mempunyai pemegang saham. Oleh yang demikian, permohonan penubuhan Kolej New Era agak sukar dipertimbangkan setakat ini.”

Apabila saya bertanya mengenai syarat-syarat baru ini dan sama ada wujudnya fleksibiliti supaya dikecualikan dari ikatan syarat-syarat berkenaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan berkata bahawa IPTS yang telah ditubuhkan sebelum Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 berkuatkuasa tidak diikat oleh syarat-syarat sekurang-kurang 30% pemegang saham terdiri dari bumiputera ini, tetapi semua IPTS baru yang ditubuhkan di bawah akta ini akan terikat.

Apabila saya bertanya lagi menurut peraturan yang manakah syarat sedemikian telah dikenakan dan bagaimanakah parti-parti komponen Barisan Nasional boleh bersetuju dengan syarat yang tidak adil bagi penubuhan IPTS ini? Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, bahawa syarat-syarat berkenaan adalah terkandung di dalam Akta IPTS 1996 serta peraturan yang digubal di bawah akta berkenaan.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ini adalah tidak benar, kerana saya telah merujuk perkara ini kepada Kementerian Pendidikan yang mengesahkan bahawa sungguhpun peraturan di bawah Akta IPTS 1996 sedang dalam proses penggubalan, tetapi belum ada lagi sebarang peraturan yang telah dimuktamadkan, dilulus mahupun diwartakan.

Tambahan lagi, Akta IPTS 1996 juga tidak mengandungi sebarang syarat yang mengkehendaki semua IPTS yang ditubuhkan itu terdiri dari 30% penyertaan saham Bumiputera.

Ini merupakan alasan terbaru yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan untuk menolak permohonan penubuhan Kolej New Era, yang telah dikemukakan sebelum pilihan raya umum 1995, dan perkara ini telah membongkarkan sikap tidak menunaikan janji Timbalan Menteri Pendidikan yang lain, Datuk Dr. Fong Chan Onn, yang pernah berkata pada 31 Oktober 1996 bahawa tidak akan wujud sebarang masalah dalam mendapatkan kelulusan dari Kementerian Pendidikan, selepas permohonan Kolej New Era berkenaan telah dipinda semula mengikut nasihat beliau.

Parlimen harus menyedari tentang isu ini kerana keengganan Kementerian Pendidikan meluluskan penubuhan Kolej New Era adalah bertentangan dengan objektif Pelan Induk Perindustrian Kedua yang telah lancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Khamis yang lepas, di mana salah satu dari lima elemen batu asas ekonomi kritikal adalah pembangunan sumber-sumber manusia, dan Dewan harus mengadakan perbincangan segera untuk meminta kerajaan meluluskan penubuhan Kolej New Era atas empat sebab yang lain;

Pertama, Kolej New Era merupakan satu kolej bukan bertujuan keuntungan yang disokong oleh masyarakat Cina dan merupakan satu sumbangan penting terhadap pendidikan tinggi dan latihan sumber-sumber manusia mahir di dalam negara ini - sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta pemimpin-pemimpin kerajaan Barisan Nasional yang lain, selepas sekian lama ditunggu-tunggukan iaitu semasa pilihan raya umum 1995 bahawa 60 buah Sekolah Menengah Cina Persendirian di Malaysia telah menyumbang besar ke atas kerja-kerja pembangunan negara selama ini.

Kedua, mengiktiraf secara sepenuhnya ciri-ciri Malaysia yang berbilang kaum, bahasa dan budaya dengan menggalakkan pendidikan bahasa ibunda sehingga ke peringkat universiti dan menjadi pusat pendidikan cemerlang serantau bagi pendidikan bahasa ibunda.

Ketiga, kerajaan tidak harus memungkiri janjinya dengan menolak permohonan Kolej New Era atas alasan peraturan baru mengkehendaki peryertaan Bumiputera sebanyak 30% oleh kerana Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Dr. Fong Chan Onn, telah secara terbuka mengatakan bahawa Kolej New Era akan diluluskan. Mungkin lain kali jangan keluar negeri.

Keempat, Kementerian Pendidikan tidak boleh menggunakan peraturan yang tidak ada asas undang-undang, semasa dalam Akta IPTS mahupun di bawah peraturannya untuk menolak permohonan penubuhan Kolej New Era.

Memandangkan Dong Jiao Zhong telah mengemukakan permohonan untuk menubuhkan Kolej New Era sebelum pilihan raya umum 1995 - jauh sebelum Akta IPTS 1996 diperkenalkan di Parlimen bulan Januari ini - maka ia tidak harus diikat oleh sebarang peraturan baru yang tidak adil. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tanjong pada 30hb. November 1996 jam 12.06 tengah hari. Faks usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat berkenaan. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat;

Syarat pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu, syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga, ia berkehendak disegerakan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sabar, Yang Berhormat. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu. Ianya adalah bagi kepentingan orang ramai. Namun demikian, pada fikiran saya, perkara ini bukanlah perkara yang perlu disegerakan. Masih terdapat banyak masa untuk menyelesaikan perkara ini dengan tidak memerlukan dibahas di dalam Dewan ini. Lebih-lebih lagi, saya difahamkan bahawa permohonan baru bagi penubuhan Kolej New Era ini sedang dalam pertimbangan Kementerian Pendidikan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. *[Tepuk]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kesembilan]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: *mempengerusikan*

Jawatankuasa]

Maksud B.34 [Jadual]-

Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan, 1997]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat , Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Petaling Jaya Utara.

3.47 ptg.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara ringkas yang saya ingin sentuh di dalam perbincangan Kementerian Kesihatan. Pertama, tentang Butiran 030000 - Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah membiayai banyak wang untuk memastikan kesihatan rakyat Malaysia adalah terpelihara dengan sepenuhnya. Dalam perkara

tersebut, saya amat memberi pujian kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan kakitangannya yang bekerja bersama-sama dengannya dalam membawakan perkara baru dalam sistem kesihatan. Saya sesungguhnya berasa amat menyenangkan ke atas keputusan baru-baru ini oleh Menteri Kesihatan yang telah menambahkan jumlah zon-zon dilarang merokok di pusat membeli-belah, perhentian pengangkutan, kedai-kedai berhawa dingin termasuk restoran-restoran dan tempat-tempat makan dan juga termasuk kafetaria Parlimen.

Saya mesti beri pujian kepada Kabinet yang telah meluluskan langkah ini. Seperti mana yang telah dikatakan oleh seorang doktor dalam artikel yang disiarkan dalam *British Medical Journal* baru-baru ini dengan izin, '*to allocate a non-smoking zone in a confine area, is as good as to put up a non-urinating zone in a swimming pool*'.

Pada waktu ini, saya berharap menteri yang berkenaan akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan dilarang merokok dikuatkuasakan kerana telah beberapa kali diperhatikan pelanggaran peraturan-peraturan tersebut di panggung wayang dan restoran-restoran yang berhawa dingin.

Saya telah bercakap dengan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, dan kami adalah bersedia untuk menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan dan saya minta supaya ahli Parlimen digazetkan untuk tujuan ini. Saya telah difahamkan oleh satu sumber yang dipercayai bahawa kebanyakan, jikalau bukan semua penagih dadah memulakan penagihan dengan dadah lembut iaitu dengan izin, 'soft drugs' yang dikeluarkan syarikat-syarikat tembakau dan rokok. Seterusnya, menuju ke dadah keras, 'hard drugs'. Adalah ternyata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengakui fakta ini.

Tuan Pengerusi, jikalau masalah mengenai penagihan dadah dan masalah kesihatan berkaitan dengan merokok telah diiktiraf sepenuhnya oleh kerajaan, saya risau

perhatikan bahawa kerajaan masih membenarkan iklan-iklan tembakau dan rokok secara tidak langsung disiarkan di televisyen.

Tuan Pengerusi, saya telah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini, mengenai kesan-kesan yang buruk kepada negara akibat dari iklan-iklan ini. Kementerian Penerangan telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa jumlah hasil yang diterima oleh iklan secara tidak langsung dari syarikat-syarikat tembakau dan rokok pada tahun 1995 adalah RM150 juta.

Dewan yang mulia ini juga diberitahu bahawa salah satu sebab-sebab yang membenarkan iklan tembakau dan rokok secara tidak langsung ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat tersebut mengalihkan bidang perniagaan ke bidang-bidang lain dan menghindarkan syarikat tersebut daripada bergantung sepenuhnya kepada tembakau dan rokok sebagai hasil pendapatannya.

Saya telah diberitahu oleh seorang dari PEMADAM bahawa jawapan yang tersebut di atas akan dianggap bahawa masyarakat adalah 'naif' dan bagi setengah-setengah masyarakat bahawa ia telah menghinakan kecerdasan ahli-ahli di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya harus mengisytiharkan perang ke atas pengedar dadah, dengan izin, 'let us declare war on the cigarette companies who are nothing more than soft drug peddlers'.

Kerosakan yang dibuat kepada negara adalah amat ketara, keluarga yang berpecah-belah, kesihatan jenayah, kehilangan tenaga pengeluaran, kos perubatan dan lain-lain.

Negara seharusnya mampu kehilangan RM150 juta dalam bentuk iklan sedemikian dan sememangnya dalam jangka panjang akan memungut hasil di dalam satu negara yang sihat.

Saya mendesak kerajaan supaya melarang iklan rokok secara tidak langsung di televisyen dan sebagai analogi ia adalah lebih bijak mengajar seorang supaya jalan berkaki ayam, jika tidak perlu dan dari membekalkannya dengan kotak-kotak ubat anti-ulat kemudian.

Tuan Pengerusi, ada lagi satu perkara, yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar perubatan. Tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan dengan mengambil lebih banyak doktor asing sebagai pegawai perubatan kontrak serta menambahkan bilangan out-put graduan perubatan di universiti-universiti tempatan. Namun demikian, rungutan masih banyak diterima. Antara lain ialah kelembapan dan kelengahan Majlis Perubatan Malaysia memperoses pengiktirafan dan perakuan ijazah perubatan dari universiti-universiti luar negeri seperti Taiwan yang dikategorikan dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 seperti di lain-lain negara. Adakah ini satu usaha untuk mengatasi kekurangan pegawai perubatan di negara ini?

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir saya ingin membangkitkan adalah berkenaan dengan hospital dan klinik swasta. Kami telah mendengar dan melihat aduan-aduan berkenaan dengan tingkah laku yang tidak mengikut ethics, dengan izin, hippocratic oath.

Saya ingin memberi beberapa contoh, ada hospital swasta yang tidak memberi perubatan kepada pesakit HIV dan memilih supaya menghantar mereka ke hospital kerajaan. Ada juga satu klinik di Bangsar yang tidak mahu mengubat mangsa sehingga deposit besar dibayarkan terdahulu. Anak saya sendiri dilanggar oleh motorbike telah ditolak pengubatan di sebuah klinik di Bangsar.

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya ingin mengatakan bahawa terdapatnya juga satu hospital swasta yang masih belum siap dibina iaitu Damansara Specialist Medical Centre

yang dijalankan oleh Kumpulan Perubatan Johor, subsidiari dari Johor SEDC yang telah diberikan beberapa notis oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) berkenaan dengan perintah runtuh tingkat tempat letak kereta yang tidak mengikut undang-undang (illegal structure), dengan izin. Walaupun rayuan telah ditolak dua kali oleh MPPJ, ia sehingga kini dalam keingkaran perintah MPPJ tersebut masih belum meruntuh tingkat tempat letak kereta tersebut.

Saya menegur Kementerian Kesihatan supaya mengkaji semua Akta Perubatan 1971 serta Akta Hospital Swasta 1971 untuk memastikan bahawa sebarang jalan keluar dari undang-undang (loop-hole in the law), dalam mengambil tindakan adalah tertutup.

Dalam kes Damansara Specialist Medical Centre, saya menegur supaya Kementerian Kesihatan tidak mengeluarkan satu lesen hospital swasta kepada mereka, kerana ia telah mengingkari atau menentang pihak berkuasa tempatan, apa lagi jaminan yang ada bahawa mereka akan mengikut peraturan-peraturan Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, sehingga kedua-dua akta tersebut dipindakan, saya menegur supaya orang awam memboikot doktor-doktor hospital swasta yang menyimpang dari jalan yang benar.

Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau:akhir sekali, saya ingin menegaskan bahawa saya mempunyai sanjungan yang tinggi bagi profesion perubatan dan rujukan saya hanya terhadap yang minoriti sahaja, dengan izin, 'only the black sheep in the noblest of all professions.'

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kapar.

3.57 ptg.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, Program 030900 - Ortopidik dan 032000 - Radiologi.

Saya ingin membangkitkan tentang kemudahan awam yang masih berada pada tahap yang tidak memuaskan terutamanya di kawasan luar bandar. Dengan jumlah penduduk luar bandar yang semakin meningkat didapati kawasan-kawasan tersebut masih tidak mempunyai kemudahan perubatan yang mencukupi, sedangkan kehidupan mereka yang mungkin lebih terdedah dengan kemalangan bekerja sebagai buruh di estet, memerlukan rawatan atau kemudahan perubatan secara segera.

Penduduk di kawasan Parlimen Kapar misalnya terpaksa ke Klang untuk mendapatkan kemudahan perubatan. Di kawasan Kapar juga masih tidak mempunyai kemudahan X-ray dan Unit Traumatic.

Tuan Pengerusi, kadangkala kemalangan tidak terduga yang menyebabkan mangsa menjadi parah, tidak dapat diselamatkan, hanya disebabkan pusat rawatan atau hospital yang lengkap kemudahannya terletak jauh daripada kejadian sesuatu kemalangan ataupun kecederaan ringan dan patah tulang yang tidak serius menjadi lebih teruk kerana tidak dapat diberikan rawatan lanjut. Ini kerana bukan semua penduduk luar bandar mampu untuk pergi jauh dari kawasan mereka untuk mendapatkan rawatan. Dengan kos pengangkutan dan rawatan yang tinggi, memungkinan lagi kesukaran mereka untuk mendapatkan rawatan. Jadi, diharapkan Kementerian Kesihatan dapat mengambil sesuatu inisiatif bagi menangani masalah ini di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.
3.59 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw Kepong]: Tuan Pengerusi, muka surat 271, Butiran 010000. Muka surat 272, Butiran 020000 dan muka surat 273, Butiran 030000.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang diumumkan oleh kementerian, kita dapati bahawa angka-angka untuk kesihatan di negara ini adalah bertambah baik dan kita mengucapkan syabas kepada orang-orang yang bertungkus-lumus untuk memperbaiki dengan izin, life expectancy, infant mortality rate dan juga maternal mortality rate. Semua ini ada ke tahap yang lebih baik dan life expectancy misalnya, untuk perempuan 74 tahun dan lelaki hampir 70 tahun kerana lelaki sebenarnya lebih lemah daripada perempuan. Dan infant mortality sekarang 10.5% dan maternal mortality hanya 0.2% dan ini menunjukkan satu parameter yang baik.

Walau bagaimanapun saya nampak peruntukan untuk kesihatan menurut DDP adalah rendah hanya 2.4 peratus sahaja iaitu RM3.4 bilion berbanding dengan jumlah belanjawannya hampir RM60 bilion. Walhal kalau mengikut World Health Organization (WHO) mereka menetapkan peruntukan mengikut DDP ialah 5 peratus. Kita tidak sampai separuh daripada yang ditetapkan oleh pihak WHO.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Jawatankuasa].

Tetapi nampaknya bagi setengah-setengah individu di Malaysia ini terutamanya pihak swasta, mereka dapat memperbaiki keadaan. Walaupun peruntukan daripada pihak kerajaan kurang tetapi rakyat Malaysia masih boleh mempertingkatkan kesihatan. Ini menunjukkan orang Malaysia itu sangat baik, sangat kuat, tidak bergantung 100 peratus kepada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyebutkan satu perkara yang penting iaitu pada masa sekarang masalah terutamanya di kampung dan juga di kawasan-kawasan bandar yang lebih mundur iaitu penyakit-penyakit seperti anemia iaitu kekurangan darah masih ada sampai di setengah-setengah tempat 15 ataupun 20 peratus dan di tempat-tempat lain di kawasan pedalaman ada yang sampai 30 hingga 40 peratus.

Ini walaupun lebih daripada masa yang lampau tetapi masih tinggi dan iodine deficiency pun masih ada di negara ini dan goiter dan sebagainya memang mesti kita mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan. Ini menunjukkan walaupun ada usaha untuk memperbaiki kesihatan awam tetapi usaha-usaha yang diambil ini tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah. Tatkala kita berusaha untuk menjadikan negara perindustrian, negara yang maju maka kita mestilah menghapuskan semua insiden anemia, goiter dan iodine deficiency dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menyebutkan mengenai skim perubatan yang terdapat di negara ini. Ada ura-ura untuk mengadakan skim insurans tetapi butiran itu belum diumumkan lagi. Walau bagaimanapun dalam usaha untuk memperbaiki keadaan perubatan di negara ini, saya berharap pihak kerajaan dapat mengumumkan National Health Insurance and Financing yang keputusan sudah pun dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan saya berharap kementerian dapat mengumumkan bagaimana skim ini dapat dilaksanakan.

Kami berpendapat bahawa satu skim yang comprehensive, skim perubatan yang perlu diadakan berdasarkan kepada keperluan, 'based on needs', dengan izin, Tuan Pengerusi, bukan kita hendak menyeru apa yang berlaku di negara-negara lain seperti United Kingdom - National Health Service. Kita tidak perlu meniru negara-negara seumpama ini kerana ada penyalahgunaan skim National Health Service di United Kingdom di mana saya pernah bekerja beberapa tahun. Saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji dengan teliti sistem-sistem yang ada di negara-negara yang lain supaya kita tidak akan mengulangi kelemahan. Saya tidak mahu kita meniru skim seumpama ini dan cuma kita berdasarkan kepada keperluan.

Tuan Pengerusi, di dalam pelan kerajaan untuk meswastakan iaitu secondary dan social care termasuk hospital, saya nampak ada lebih 70 buah hospital akan diswastakan

di bawah Renong. Di sini, Renong dapat semualah. Lebih 70 peratus hospital konon akan diswastakan di bawah Renong. Saya pun hairan juga, kepakaran Renong untuk hospital-hospital. Saya berharap pihak kementerian dapat menjawab, mengapa kita golongan lebih 70 buah hospital untuk diswastakan di bawah Renong.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, sudah beberapa kali kita beritahu di Dewan yang mulia ini, kita tidak swastakan hospital. Apa yang kita sudah beritahu ialah pengkorporatan hospital-hospital, bukan swastakan hospital.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, terima kasihlah Yang Berhormat. Cuma apakah erti pengkorporatan dan erti penswastakan? Adakah perbezaan? Kalau ada, apakah perbezaannya di sistem hospital sekarang?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, penswastakan ada keluarkan saham-saham. Pengkorporatan tidak ada. Itulah perbezaannya.

Dr. Tan Seng Giaw: Nampaknya Yang Berhormat kurang mengerti mengenai masalah pengkorporatan dan penswastakan hospital-hospital secondary dan social care di negara ini. Tetapi saya berharap Yang Berhormat dapat mendalami masalah-masalah ini. Walaupun kita tidak mahu meniru National Health Service atau health service yang lain, tetapi kita mesti memastikan pesakit-pesakit yang miskin, yang kurang berupaya dapat menerima rawatan yang baik.

Tuan Pengerusi, satu lagi perlu diadakan, saya mencadangkan satu National Health Education Board diadakan untuk memberi pendidikan kepada orang awam kerana pendidikan kepada orang awam ini sangat kurang. Walaupun ada sesetengah usaha oleh pihak kementerian tetapi belum mencukupi sebab itulah kita perlu adakan National Health Education Board untuk menangani semua aktiviti pendidikan supaya kesedaran dan keinsafan warganegara Malaysia dapat dipertingkatkan.

Saya nampak kempen-kempen termasuk anti AIDS dan sebagainya, anti-dadah, pencegahan dadah, kempen-kempen primary care yang lain, yang dilakukan oleh kementerian itu tidak mencukupi, sebab itulah kita perlukan satu education board.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah mengenai management health care - Health Care Management Organization (HMO). Kebimbangan wujud kerana kita takut sistem kontrak seperti ini dengan peraturan untuk membayar dengan terlebih dahulu dan dengan demikian pihak HMO ini akan menetapkan prosedur-prosedur untuk doktor dan doktor perlu buat mengikut arahan daripada sistem HMO. Ini adalah tidak baik, dan bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini pelaksanaan HMO di negara ini, berapakah peratusan doktor yang terlibat di dalam HMO nya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa cukup tetapi masalah banyak ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang lain-lain pula hendak bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Primary, secondary dan theasury care sangat kurang dan pihak kerajaan mesti mengambil perhatian yang lebih prihatin.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: kepada masalah HMO ini yang kalau tidak dikawal dengan baik akan menjejaskan sistem kesihatan di negara ini. Tetapi, banyak lagilah Tuan Pengerusi kerana ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, yang lain-lain ini pun ada point juga, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang.

4.11 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 00301 Kemudahan Kesihatan dan Butiran 00400 Hospital-hospital.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak RM578,538,000 telah diuntukkan supaya Kementerian Kesihatan dapat melancarkan atau merancang projek-projek atau program-program perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di negara kita ini, akan juga menambahkan dan meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan perubatan di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, dengan adanya peruntukan yang begitu besar yang diperuntukkan pada tahun hadapan, maka saya berharap Kementerian Kesihatan dapatlah merancang dengan teliti dalam menentukan kawasan-kawasan mana yang memerlukan perkhidmatan perubatan supaya penduduk-penduduk di kawasan tersebut mendapat perkhidmatan rawatan atau perubatan yang lebih memuaskan di situ.

Saya hendak membangkitkan satu perkara. Masalah yang sedang dihadapi di kawasan yang begitu besar tanpa pusat kesihatan atau apa-apa perkhidmatan perubatan diwujudkan di kawasan tersebut seperti di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras Perdana, Sri Bahagia, Cheras Utama, Desa Baiduri dan lebih 15 projek perumahan di kawasan tersebut di dalam Mukim Cheras ini masih tidak ada sebuah pusat kesihatan atau agensi atau perkhidmatan perubatan diwujudkan di kawasan tersebut.

Dengan adanya bilangan penduduk lebih 20,000 hingga 30,000 orang di situ, maka rayuan-rayuan daripada kawasan tersebut telah diterima supaya pihak kementerian dapatlah mewujudkan pusat kesihatan di kawasan tersebut. Oleh kerana tapak kesihatan memang telah ada dan hanya menunggu peruntukan di mana pihak kementerian akan

timbangkan supaya projek perkhidmatan perubatan dapat diwujudkan di kawasan tersebut, bukan sahaja untuk menjaga orang-orang dewasa tetapi yang penting sekali ialah kanak-kanak dan kaum wanita di kawasan tersebut.

Jadi, oleh kerana kawasan ini begitu besar dan juga oleh kerana bilangan penduduk yang begitu ramai di situ, pihak kementerian sepatutnya menimbangkan dengan teliti supaya kawasan tersebut dapat wujud pusat perkhidmatan perubatan itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak meminta pandangan daripada pihak kementerian di mana klinik desa yang wujud di Kampung Balakong beberapa tahun yang lalu. Oleh kerana kawasan Jalan Balakong ini telah menjadi sebuah kawasan yang pesat membangun dengan beribu-ribu rumah dan kilang telah wujud di kawasan tersebut, maka klinik desa ini tidak sesuai pada ketika ini. Sepatutnya klinik desa ini patut dinaikkan taraf supaya dapat memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di situ.

Satu lagi saya hendak sentuh ialah rumah panjang KTM yang dekat dengan Taman Tanming Jaya di mana Ahli Yang Berhormat dari Subang, merangkap Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat memang pernah melakukan lawatan ke kawasan tersebut di mana rumah panjang sebanyak 1,000 unit rumah, penduduk-penduduk di situ berpendapatan rendah yang kurang bernasib baik, yang telah tinggal di situ beberapa tahun yang lalu tanpa diberikan perkhidmatan perubatan di situ.

Jadi, saya kemukakan cadangan untuk meminta hanya klinik bidan sahaja dahulu untuk menjamin memberi perkhidmatan kepada kaum wanita dan kanak-kanak di situ. Tetapi, setakat ini sudah satu tahun, Tuan Pengerusi, saya masih belum mendapat jawapan. Saya juga berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah menaung kawasan ini, berilah satu jaminan supaya klinik bidan dapat wujud di kawasan rumah panjang buat masa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendaklah menuntut dengan, iaitu di Batu 8, Puchong. Kawasan ini memang membangun dengan pesatnya dengan adanya Bandar Kinrara sebanyak 20,000 unit rumah dan tambahan rumah di sekitar kawasan sebanyak 10,000 unit rumah. Penduduk di kawasan ini bertambah tetapi tidak ada langsung diwujudkan pusat kesihatan, mungkin pihak kementerian anggap bahawa kawasan ini tidak jauh dari Petaling Jaya tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana kesesakan lalu lintas, maka kalau berlakulah kemalangan jalan raya dan di hantar ke Petaling Jaya, memang susah, sampai Hospital Universiti itu mungkin sampai ajalnya.

Jadi, saya minta Kementerian Kesihatan mengambil tindakan lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari Subang juga berasal dari Puchong, yang memang faham keadaan dan kedudukan yang sebenarnya. Jadi, itu sebab saya mintalah Ahli Yang Berhormat dari Subang merangkap Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan memberi pertimbangan dan keutamaan kepada Batu 8, Puchong ini. Saya harap jaminan ini dapat diberikan semasa menggulung. Walaupun Hospital Kinrara masih wujud tetapi hanya dua tahun sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah memberi tempoh dua tahun sahaja sebelum mengalihkan Hospital Kinrara. Bila masa sampai, Kementerian Pertahanan akan memberi sokongan yang telah dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, maka Ahli Yang Berhormat dari Subang yang berasal dari Puchong akan memberilah satu jaminan, bukan untuk kepentingan peribadi tetapi untuk semua lapisan masyarakat di kawasan Puchong ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya hendak bangkitkan iaitu, bilakah hospital di Serdang akan didirikan, walaupun pengumuman telah dibuat pada tahun lalu tetapi bilakah hospital di Serdang akan dibina untuk memberi perkhidmatan lebih berkesan di kawasan tersebut dan juga bilakah pusat kesihatan di Sungai Chua yang telah diumumkan akan didirikan kerana kedua-dua projek ini telah diumumkan oleh kementerian dan dia

tahu orang ramai sentiasa bertanya, bilakah projek akan dilancarkan? Dengan adanya peruntukan sebegitu besar, saya yakin dan percaya Kementerian Kesihatan akan memberi keutamaan dan juga beri penjelasan lebih lanjut semasa menggulung perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang.

4.19 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di bawah Kepala B.34, 010400 iaitu Rancangan Tenaga Manusia dan Latihan, kemudian di bawah 020300 - Kawalan Penyakit, 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan akhir sekali penswastaan.

Kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana negara kita sekarang ini telah maju sebanding dengan negara-negara maju yang lain dari segi pencapaian kesihatan. Indek-indek nasional menunjukkan bahawa pencapaian kita begitu membanggakan dan kita merupakan negara contoh di kalangan negara-negara membangun.

Begitu juga di Parlimen saya, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah sekian lama meminta sebuah hospital daerah, akhirnya lulus sebuah hospital daerah di Sipitang iaitu sebuah hospital nukleus yang bernilai RM50 juta. Ini adalah satu hadiah yang begitu besar ertinya kepada penduduk luar bandar seperti di Parlimen sayalah.

Tuan Pengerusi, masalah yang sering dilaung-laungkan dari segi tenaga manusia adalah masalah kekurangan tenaga profesional, iaitu doktor-doktor, doktor pakar dan juga pakar-pakar kaji penyakit seperti pathologist di negara kita. Kalau kita kaji bahawa masalah ini sudah lama sepatutnya kerajaan berunding membuat penilaian dan juga response ataupun tindakan-tindakan tegas mestilah diambil, terutamanya pihak JPA.

Mengapa perkara kekurangan tenaga manusia profesional seperti doktor, jururawat dan pathologist ini berkurangan di negara kita. Dari segi bilangan keseluruhan sebenarnya tidak berkurangan, tetapi keupayaan kerajaan menahan supaya tenaga-tenaga profesional ini terus berkhidmat dengan kerajaan, itu kurang dari segi kebolehan kerajaan.

Jadi, akhir sekali kerajaan dari masa ke semasa walaupun banyak graduan doktor perubatan baru yang dimestikan berkhidmat dengan kerajaan, akhirnya mereka ini memilih jalan berhenti daripada jabatan kerajaan dan beralih kepada swasta ataupun pindah ke negara lain, di mana masalah-masalah peribadi mereka mungkin dapat diselesaikan. Kalau kita lihat, di Sabah misalnya kita banyak tenaga, tetapi tiap-tiap tahun mereka yang keluar atau secara migrasi ataupun kepada swasta begitu ramai. Salah satu sebab ialah skim perkhidmatan yang kurang baik di jabatan kerajaan. Kalau kita lihat dari segi keperluan, manusia perlukan skim gaji yang lebih baik. Kalau dibandingkan dengan tenaga-tenaga profesional yang lain, doktor perubatan merupakan salah satu bidang yang terkebelakang.

Ada satu laporan di *Asia Week* keluaran bulan November, saya ingat banyak orang kita membaca. Itu sebagai perbandingan walaupun itu data kasar, pada muka surat 60 *Asia Week* melaporkan bahawa doktor kerajaan di Malaysia secara puratanya mempunyai pendapatan lebih kurang US\$720 ataupun RM1,800 duit kita. Berbanding dengan doktor di swasta secara puratanya mempunyai pendapatan US\$4,800 ataupun RM12,000. Ini macam lantai dengan atap, macam bumi dengan langit, begitu jauh melambung. Sebagai doktor perubatan yang pernah bertugas memang begitulah keadaannya.

Jadi, bagaimanakah kalau kawan-kawan mereka yang berada di sekeliling mereka mempunyai pendapatan yang lebih tinggi dan mereka dengan keadaan tugas yang begitu hebat juga berbanding dengan rakan-rakan yang lain mempunyai gaji yang kurang? Kalau kita banding dengan gaji rakan-rakan doktor perubatan di negara-negara lain,

jikalau kita tukar kepada Ringgit Malaysia, misalnya di Australia seorang doktor kerajaan mendapat gaji RM11,200. Di Hong Kong seorang doktor kerajaan mendapat gaji RM32,300 lebih kurang. Kemudian di Indonesia, walaupun dikatakan rendah, tetapi mereka mendapat gaji RM4,800 dan di Singapura purata RM7,500. Di Thailand purata RM4,750 dan di Korea Selatan RM4,000.

Jadi, berbanding dengan gaji pegawai kerajaan atau doktor kerajaan kita cuma RM1,800. Kalau yang pakar itu mungkin lebih tinggi sedikit. Tetapi kalau dibandingkan pakar di dalam kerajaan dengan pakar di swasta, tentunya jauh lebih tinggi. Itulah sebab-sebab tarikan. Jadi, kerajaan mesti mengambil tindakan, mengkaji perkara ini supaya merapatkan jurang di antara doktor kerajaan dengan doktor swasta supaya mereka ini bertahan di jabatan kerajaan. Jadi, inilah yang kita mesti kaji. JPA janganlah terlampau memikirkan sangat Budget negara ataupun dikatakan bahawa membebankan. Tetapi sebenarnya masalah kita tidak boleh selesai. Sepatutnya kita mesti memikirkan juga soal kenaikan gaji mereka ini, barulah mereka boleh menunggu.

Yang kedua, kalau misalnya gaji sukar untuk kita naikkan begitu mendadak, tinggi sebanding dengan swasta, sepatutnya diberi juga kelonggaran. Satu masa dahulu kita laung-laungkan bahawa kerajaan akan memberi kelonggaran supaya doktor-doktor kerajaan ini boleh membuat praktis ataupun merawat pesakit di klinik-klinik swasta selepas waktu pejabat mereka. Tetapi sekarang ini saya tidak nampak satu yang dihalalkan ataupun legalized. Kebanyakan mereka mencuri-curi secara locum di klinik-klinik swasta untuk menambahkan pendapatan. Ini perlu juga kita tekankan supaya mereka diberi peluang seperti negara-negara lain, selepas waktu pejabat mereka boleh bertugas di klinik swasta untuk mendapat pendapatan lebih. Jadi, ini boleh menahan mereka daripada keluar dari kerajaan.

Kemudian yang ketiga, mestilah juga kerajaan atau JPA memikirkan skim kenaikan pangkat yang lebih baik kepada doktor-doktor ini, iaitu di mana mereka boleh - setelah beberapa tahun mereka secara automatik, misalnya skim yang dahulu setelah 5 tahun automatik kepada tingkatan kanan, dan mungkin selepas itu peringkat tertinggi. Jadi, mesti ada tahap-tahap supaya mereka ini boleh menunggu. Saya dapat tahu ada beberapa kawan, dia interview masih lagi senior time scale ataupun saya tidak tahu sekarang kerana tidak begitu jelas. Sistem yang ada sekarang ini masih lagi senior time scale. Sepatutnya dia layak sudah mendapat super scale, kalau sistem lama. Jadi, inilah yang mereka rasakan mereka ketinggalan jika dibandingkan dengan rakan-rakan.

Yang keempat, kerajaan mestilah memikirkan soal doktor-doktor yang berkhidmat di kerajaan ini, pengiktirafan, kelulusan diploma public health dan master public health ini sebagai kumpulan specialist ataupun pakar. Kerana walaupun mereka ini kebanyakannya bertugas dalam bidang pencegahan, tetapi kita juga melaung-laungkan bahawa pencegahan itu lebih baik daripada rawatan, atau dengan izin, 'prevention is better than cure.' Jadi, kehampaan mereka ini untuk bertugas dengan lebih gigih dalam peringkat kawalan, pencegahan mereka lebih bersungguh-sungguh kerana ada pengiktirafan kerajaan dalam kelulusan yang mereka perolehi. Bukan cuma MRCOG, FRCSH ataupun MRCP yang ada taraf specialist. Jadi, sepatutnya MPH ataupun MSCPH dan lain-lain yang seimbang juga diiktiraf sebagai pakar dalam bidang mereka. Jadi, inilah yang kita ingin lihat. Kalau ini semua dapat dipenuhi, saya ingat saya minta Timbalan Menteri Kesihatan atau Setiausaha Parlimen menjelaskan kedudukan keadaan sekarang ini supaya dapat diberitahu kepada kakitangan kita supaya mereka ini lebih ada peluang menunggu di jabatan kerajaan.

Tuan Pengerusi, di bawah kawalan penyakit berjangkit, bahawa sekarang ini kejadian penyakit berjangkit seperti malaria semakin berleluasa. Memang seluruh dunia

penyakit ini is a disease ataupun satu penyakit yang mempunyai masa depan yang cerah. A disease of future, macam AIDS, Tuan Pengerusi. Oleh itu, kawalan di Malaysia ini kita mestilah juga mempertingkatkan. Berbagai-bagai usaha telah dibuat, terutamanya di Sabah sebagai satu negeri yang paling tinggi dari segi kejadian penyakit malaria ini. Jadi, kalau boleh kementerian harus mempunyai satu program yang menyeluruh, mempunyai peruntukan untuk secara habis-habisan kita mengawal penyakit-berjangkit ini, kerana di negara-negara maju yang lain, penyakit berjangkit ini dapat kita turunkan. Saya tidaklah memberi secara terperinci, tetapi cukup sekadar supaya satu pusat penyelidikan walaupun tidak IMR, tetapi di tempat-tempat ada kes yang banyak seperti di Sabah, satu pusat penyelidikan penyakit malaria harus ditubuhkan untuk memastikan bahawa penyakit ini dapat dikawal di kawasan sebelah yang banyak kes malaria.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya gulung yang ini, Tuan Pengerusi. Sedikit lagi.

Yang penghabisan ialah mengenai dengan klinik-klinik luar bandar. Saya mintalah Kementerian Kesihatan, sama ada di kawasan luar bandar di Semenanjung dan juga di Sabah, banyak kawasan yang belum mencukupi dari segi klinik luar bandar seperti pusat kesihatan dan klinik desa. Ini mestilah dibuat secara menyeluruh kerana rakyat berhak mendapat rawatan yang lebih baik supaya mereka membangun.

Tuan Pengerusi, penghabisan ialah soal penswastan. Pada masa ini kerajaan telah menswastakan iaitu sistem kejuruteraan sokongan, sistem dobi, sistem pelupusan bahan buangan hospital dan juga pembersihan dalam dan luar. Pada masa dahulu, sebelum diswastakan atau diambil alih oleh syarikat besar, kontraktor-kontraktor tempatan diberi peluang untuk mendapat kontrak membuat kerja-kerja ini, tetapi apabila syarikat gergasi sudah ambil, dia telan semua. Kalau boleh gergasi-gergasi ini mengenal pasti kontraktor-kontraktor kecil tempatan supaya menurunkan, apa yang mereka ambil itu, diberi kepada kontraktor-kontraktor berkenaan. Contohnya, pembersihan dalam dan

luar bangunan. Kalau masa dahulu, mereka mengambil tender terus kepada hospital ataupun Jabatan Kesihatan Negeri, ataupun Jabatan Perubatan Negeri, tetapi sekarang ini tidak lagi. Gergasi ini telah ambil dan mereka cuma tengok kalau diberi peluang. Jadi, kita mintalah jangan gergasi ini makan sendiri, kalau boleh gergasi-gergasi ini beri peluang kepada mereka yang telah membuat kontrak-kontrak yang lalu dan agar mereka dapat terus hidup walaupun margin keuntungan agak kecil.

Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin.

4.31 ptg.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Takkan Kota Melaka hendak bercakap, mesti Kepong - apa yang Kota Melaka tahu tentang hospital ini? Dia ambil alih kerja Kepongkah?

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak turut menyertai dalam Butiran 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Butiran 00400 - Hospital-hospital.

Tuan Pengerusi, dalam pengurusan hospital-hospital, saya bersama rakan-rakan mungkin telah menghadapi permasalahan yang sama. Kita kadang-kadang dihantar pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital daerah, yang kadangkalanya, dari segi keputusan akademiknya kita tidak ada komen kerana itu atas budi bicara profesion medical, tetapi yang membimbangkan ialah dari segi perkhidmatan yang diberi. Mutu dan kualiti perkhidmatan di luar bandar amat penting sekali.

Saya hendak memberi saranan sedikit. Kadang-kadang, mutu perkhidmatan yang diberi, terutama sekali daripada pegawai perubatan yang baru, kadang-kadang mereka lupa bahawa pelanggan (customer) mereka ialah orang-orang luar bandar. Saya ingin membawa satu kes, selalunya di kawasan luar bandar ia menjadi satu perkara yang

merunsingkan dan mendatangkan masalah kepada kita - Wakil Rakyat. Kadang-kadang ada kematian, selalunya accident, dan selalunya keluarga ingin mengeluarkan jenazah itu dengan secepat mungkin. Dalam Islam kita mesti kebumikan sebelum matahari turun at the next day, dengan izin, tetapi kadangkala ada prosedur untuk mengadakan post mortem. Ini kadang-kadang cara pegawai-pegawai perubatan menerangkan kes-kes yang perlu dipost mortem ini dengan masyarakat luar bandar, saya agak bimbang.

Saya ada satu kes di Rompin - Hospital Muazam Shah, sampai saya sendiri kena telefon dari Kuala Lumpur, macam hendak bertaki dengan pegawai-pegawai perubatan. Kadang-kadang pegawai perubatan tidak tahu bahawa dalam, masyarakat Islam post-mortem ini, dari segi agama adalah satu pandangan yang kadang-kadang berbeza dengan pandangan pegawai perubatan itu sendiri. Kadang-kadang pegawai perubatan tidak menghayati dari segi kehendak agama ini, terutama sekali hendak mengebumikan jenazah ini dengan secepat mungkin.

Jadi, saya minta kementerian menerangkan sedikit tentang perkara-perkara yang begini. Kadang-kadang perkara ini yang berlaku di kawasan kita sendiri akan membuatkan atau merunsingkan kita sendiri. Saya tidak mahulah bercakap secara detail, saya minta Dato' Setiausaha Parlimen menghubungi sedikit pegawai kesihatan negeri dan melihat sedikit kes-kes yang saya sebutkan tadi. Kes-kes yang sebegini terjadi kepada seorang anak peneroka di Rompin, kena accident dengan motor, dari segi jenazah itu kita tahu bahawa - saya bukanlah pakar perubatan, tetapi sekurang-kurangnya saya rasa, from the visual check, dengan izin, boleh mengesahkan kematian. Namun demikian doktor itu kata dia tidak membuat post-mortem malam. Dia kata post-mortem tunggu pagi besok.

Jenazah ini hendak dikebumikan di Kelantan, accidentnya pukul 5.00 petang. Ini saya katakan tadi, kalau ditunggu sehingga pagi besok, bila pula jenazah boleh dihantar ke Kota Bharu. Saya minta supaya pegawai-pegawai perubatan ini ada sensitiviti sedikit

dalam mengendalikan hospital daerah ini, tentang masalah yang dihadapi oleh pelanggan mereka. Kalau kita lihat dari segi khidmat service, ia diberi kepada pelanggan, pelanggan itu ialah masyarakat yang berhampiran, jadi, mestilah sensitif juga kepada kehendak-kehendak yang begini.

Jadi, saya bimbang, nanti perkara-perkara yang baik, yang diusahakan, dikendalikan oleh kerajaan dan dikendalikan oleh pegawai itu dengan satu perkara yang begini boleh merosakkan hubungan masyarakat dengan hospital. Itu yang pertama.

Perkara kedua yang saya ingin bawa juga - ini minta maaf, saya mulanya bimbang juga hendak bawakan perkara kawasan ini, tetapi oleh kerana kawan-kawan sudah bawa saya tumpang jugalah. Di Hospital Rompin ini, kita ada hospital baru iaitu Hospital Muazam Shah. Tetapi masyarakat umumnya bertabur di dua tempat, satu di kawasan Muazam Shah dan satu di kawasan Rompin. Di Hospital Rompin itu, saya ingat kalau Dato' Setiausaha Parlimen melawat kawasan MIC Rompin, mungkin Dato' sendiri pun tidak mahu masuk hospital itu. Kalau anak isterinya bersalin, di luar hospital pun kita dengar masalah yang dihadapi oleh isteri kita yang hendak bersalin. Masalah kemudahan di kawasan Rompin, saya minta sedikit Dato' Setiausaha Parlimen tolong tengok sedikit. Saya bimbang kalau kita lihat hospital itu serupa juga dengan hospital sebelum merdeka - sebenarnya.

Perkara ketiga, saya ingin membawa sedikit tentang bayaran hospital swasta. Kita sudah mendengar keluhan daripada masyarakat umum yang menggunakan perkhidmatan hospital swasta. Saya ingin hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Setakat ini bagaimana pengawasan ataupun badan pengawal selia, sebab Kepong, misalnya, saya dengar cerita ada seorang pelanggan dia yang sakit kulit, dia caj repair kulit macam dia caj harga kulit baru - ini Kepong, saya tidak tahulah. *[Ketawa]* Betul. Dia mesti ada, kadang-kadang digantinya kulit kambing

tetapi dicajnya kulit manusia. Ini dia Kepong. Dia kata dia sosialistik, dia kata dia sensitive kepada kehendak rakyat dan kehendak masyarakat - ini yang sebenarnya, bila hendak mendapat duit, dia lupa, dia macam orang lain juga.

Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen, setakat ini bagaimana pengawasan dari segi kadar caj bilik? Sebagai contoh, kadang-kadang kita dengar kadar caj bilik di hospital-hospital yang 5 star ini lebih mahal daripada hospital 5 star sendiri. Dan juga kadar-kadar service, tarif ataupun kadar-kadar yang dikenakan, bayaran ubat, bayaran service, ini juga tinggi kita dengar. Bagaimana kementerian sendiri dari segi pengawasan caj-caj atau tentang perkhidmatan yang dikenakan oleh hospital swasta. Adakah kerajaan bercadang mengadakan kadar tertentu, misalnya dalam bayaran guaman, ada kadarnya, bayaran dalam khidmat engineering atau perunding ada kadarnya (rate). Semua bayaran profesional ada kadar-kadar tertentu sebagai satu panduan. Adakah kerajaan juga akan mengeluarkan satu kadar sebagai bench marking untuk mengenakan kepada masyarakat tentang khidmat-khidmat medical yang dikenakan oleh syarikat-syarikat swasta ini.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon menyokong dan saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuan.

4.38 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan peruntukan B.34 untuk Kementerian Kesihatan.

Sebagaimana kita faham bahawa kementerian sedang berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan, tetapi ini bukan bererti semuanya sudah diambil kira ataupun dipercepatkan. Tahniah kepada Kementerian Kesihatan, terutama

kepada Menteri yang baru dan juga timbalan beliau yang telah melawat ke Hospital Kota Kinabalu sehingga lif untuk pesakit sekarang berfungsi dengan baik dan nampaknya bangunan hospital baru juga sedang giat di bina.

Tuan Pengerusi, tetapi, satu perkara yang saya difahamkan ialah rumah untuk kakitangan yang tidak begitu memuaskan sehingga kakitangan terpaksa menyewa rumah untuk mereka dan di mana tidak ada pula telefon, tidak ada bekalan kemudahan yang sewajarnya dan bila ada keperluan untuk 'on call', dengan izin, tidak dapat dihubungi. Jadi, mintalah kementerian menyediakan rumah untuk jururawat ataupun pembantu hospital di sekitar kawasan Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang rawatan pesakit jantung untuk Sabah, kita tahu di situ tidak ada rawatan untuk pesakit jantung, maka yang demikian, mintalah kementerian merancang sebuah hospital untuk pesakit jantung memandangkan untuk menghantar pesakit jantung ke Kuala Lumpur, bukan sahaja mahal, tetapi pesakit jantung ini perlu juga ditemani oleh keluarga untuk tinggal beberapa lama di hospital, sebelum dan selepas pesakit itu mendapat rawatan.

Jadi, ini memerlukan kewangan yang banyak dan untuk rakyat yang termiskin di Sabah, ini tidak munasabah dan mintalah perhatian dari kementerian.

Seperti yang saya difahamkan, kementerian sedang merancang untuk melaksanakan sebuah hospital daerah di Tuaran dan saya harap ini akan dapat dipercepatkan dan kalau boleh Hospital Daerah Tuaran itu bolehlah dirancang untuk menyediakan rawatan pesakit jantung untuk seluruh Sabah, oleh kerana walaupun ia jauh di lain-lain tempat, tetapi tidaklah sejauh dari menghantar mereka ke Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin sentuhkan ialah tentang alat-alat untuk mengesan HIV positif di Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu, saya difahamkan tidak ada equipments, dengan izin, untuk mengesan HIV positif dan test

ataupun rawatan itu perlu dihantar ke Kuala Lumpur yang memakan masa hingga tiga minggu untuk mendapat keputusan dan satu perkara yang malang, yang dilaporkan ataupun saya difahamkan ialah tentang pekerja asing ini yang diminta untuk mendapat test HIV positif. Dan di Kota Kinabalu tidak ada rawatan ataupun pengesanan yang cepat dan baru-baru ini didapati ada beberapa pendatang asing yang dikesan oleh private clinic, bahawa mereka ini HIV positif, tetapi oleh kerana tidak ada confirmation dari Queen Elizabeth Hospital, maka orang yang dikesan itu terpaksa diminta balik ke tempatnya ataupun di tempat kediamannya.

Sesudah dikesan bahawa orang itu HIV positif, tidak lagi pula dapat dikesan di mana orang ini dan tidak tahu masihkah ia berada lagi di Sabah ataupun di mana sekarang ia berada dan ini satu perkara yang malang kerana ia seharusnya diberi rawatan supaya dia tidak akan menjangkiti lain-lain rakyat di Sabah. Dan saya harap perkara ini akan diambil perhatian khusus oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah mengenai mutu makanan kita di masa ini. Baru-baru ini pihak kementerian telah membuat satu kejutan bila membuat pengumuman bahawa bahan-bahan yang digunakan untuk membesarkan ayam ini, yang mempunyai chemicals yang boleh menyebabkan cancer. Jadi, yang malangnya, pihak kementerian menyeru pula pihak pengusaha ayam ini mengeksport bekalan yang mereka ada itu. Saya fikir ini tidak wajar dilakukan, walaupun pihak pengusaha akan mengalami kerugian, tetapi seharusnya perkara ini, *the first place should not have happen and they should not imported these chemicals*, dengan izin, dan kalau kita biarkan mereka mengeksport ke luar negara dan kita mengimport balik ayam yang dikeluarkan oleh negara yang berdekatan, mungkin masalahnya tidak akan selesai. Jadi, saya fikir yang wajar dilakukan ialah kita *ban the import and export of these chemicals*, supaya kita jangan terus menghadapi masalah ini.

Dan dalam pengawalan mutu makanan ini, saya harap pihak kementerian akan mempergiatkan kawalan makanan di sekolah-sekolah, oleh kerana kita sering mendengar bahawa banyak keracunan makanan di sekolah-sekolah, baik di kantin sekolah ataupun di kantin asrama sehingga banyak yang kita dengar kanak-kanak menderita dan masuk ke hospital. Jadi, saya fikir pihak kementerian perlu mempergiatkan lagi kawalan mutu makanan di sekolah-sekolah supaya anak-anak kita bukan sahaja terdedah kepada ancaman penyakit ataupun makanan yang tidak bermutu tetapi pelajaran mereka tidak akan terjejas.

Tuan Pengerusi, yang akhir saya ingin sentuh ialah mengenai klinik desa. Saya harap klinik desa terutama di seluruh Sabah dan mungkin juga terutama di kawasan Datuk Pengerusi sendiri yang begitu besar sekali kawasannya dan belum ada pun hospital daerah, maka klinik desalah yang boleh memainkan peranan yang lebih berkesan.

Jadi, mintalah kementerian mempergiatkan dan mengadakan lebih banyak klinik desa di seluruh Sabah dan untuk maksud itu, sudah semestinya kakitangan yang mempunyai kemahiran juga diperlukan seperti yang diutarakan oleh sahabat saya dari Sipitang awal tadi dan saya menyokong segala yang diutarakan oleh beliau itu tadi.

Tuan Pengerusi, di dalam konteks ini, saya ingin meminta pertimbangan dari kementerian agar mempertimbangkan sebuah klinik desa di Kampung Porrein dalam daerah Kiulu. Saya telah mengemukakan perkara ini dan dalam jawapan kementerian belum dapat dipertimbangkan oleh kerana disebabkan kampung ini lebih kurang 36 kilometer dari Kota Kinabalu dan ada rawatan untuk doktor udara satu kali sebulan.

Tetapi, tidak pula diketahui bahawa di dalam 36 kilometer itu ada lagi satu masalah yang besar iaitu berjalan kaki sehingga 4 jam, tidak ada jalan raya dan tidak ada juga rawatan doktor udara yang boleh dipanggil pada bila-bila masa yang diperlukan.

Jadi, saya mohonlah agar pihak kementerian akan mempertimbangkan satu klinik desa di kawasan yang saya katakan tadi, oleh kerana banyak kampung sekitar yang boleh mendapat manfaat daripada klinik desa itu nanti. Jadi, saya harap pihak kementerian akan mengambil kira segala yang saya katakan tadi. Dan dengan kata-kata demikian, Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lumut.

4.51 ptg.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020300 Kawalan Penyakit dan Butiran 032700 Psikiatri.

Tuan Pengerusi, berkenaan pendatang asing, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang kesahihan prosedur yang menghendaki pendatang sebelum mendarat di Malaysia mesti terlebih dahulu diperiksa oleh pegawai perubatan di negara asal mereka. Kalau satu pemeriksaan perubatan dibuat 6 bulan sebelum seorang pekerja asing mendarat di Malaysia, kemungkinan mereka akan mendapat penyakit berjangkit pada masa tempoh 6 bulan ini adalah tinggi.

Satu lagi, penyakit-penyakit berjangkit dengan 'incubation period' dengan izin, yang panjang seperti penyakit siplis, AIDS dan HIV pada masa dengan izin, 'window period' tidak boleh dikenalpastikan. Saya khuatir, Tuan Pengerusi, mengenai kejituan laporan perubatan mereka. Tidak keterlaluan jika terdapat kemungkinan ada di antara laporan perubatan itu tidak sah di mana darah dan 'urine' dengan izin, orang lain digunakan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya ditambah dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada supaya dimasukkan arahan setiap pendatang yang mendarat di Malaysia mestilah diperiksa oleh pegawai perubatan tempatan untuk memastikan mereka benar-benar tidak membawa penyakit merbahaya.

Tuan Pengerusi, berkenaan kesihatan mental. Satu aspek pembangunan kesihatan yang agak kurang ditekan, ialah langkah pencegahan dan penyelidikan penyakit mental, dengan izin, 'mental sickness'. Adalah dianggarkan dari 15% pesakit yang datang ke klinik dan hospital swasta adalah mereka yang mengalami gangguan saraf dengan izin, 'psychotic in origin'. Statistik ini dijangka akan meningkat pada masa akan datang memandangkan banyaknya dengan izin, 'psycho social stress' yang akan dialami oleh penduduk negara di bawah ekonomi yang sedang berkembang pesat.

Oleh itu, adalah diharap kerajaan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk mempromosikan amalan dan gaya hidup yang kurang tekanan untuk meningkatkan lagi tahap kesihatan mental sama ada di kalangan pekerja awam mahupun pekerja swasta. Dalam konteks ini, adalah diharap kerajaan akan meminda, dengan izin, Mental Patient Ordinance 1962 kerana akta tersebut sudah 'out-dated' dengan keperluan masa kini.

Saya ingin mencadangkan bahawa setiap hospital besar dan hospital daerah memberi rawatan dan perkhidmatan psikiatri supaya seorang pesakit tidak perlu menerima perubatan daripada Hospital Bahagia Ulu Kinta atau Hospital Tampoi di Johor.

Selain daripada membawa perkhidmatan ke 'door step', desentralisasi seperti ini bermakna pesakit jiwa yang malu menerima rawatan daripada hospital mental boleh mendapat rawatan di hospital-hospital lain, kerana rawatan di hospital mental adalah satu sosial stigma yang sangat memalukan. Desentralisasikan perkhidmatan psikiatri bermakna bilangan doktor pakar psikiatri perlu ditambah. Masa kini negara kita sangat memerlukan doktor pakar psikiatri.

Sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan perkhidmatan psikiatri, latihan untuk doktor yang berminat dalam bidang psikiatri hendaklah diperluaskan dan digalakkan. Pada masa ini, nisbah doktor psikiatri kepada penduduk-penduduk di negara kita ialah satu doktor psikiatri kepada 200,000 penduduk. Ini dibandingkan dengan negara-negara

yang telah membangun, iaitu 1 doktor psikiatri kepada 10,000 hingga 40,000 penduduk. Ini bermakna, bilangan doktor psikiatri kena bertambah 5 kali ganda di negara kita.

Tuan Pengerusi, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin memohon penjelasan dari kementerian mengenai kajian yang dijalankan berkaitan dengan HMO atau MCO, Manage Care Organisation, baru-baru ini. Saya ingin kepastian, apakah pandangan dari pengamal perubatan, adakah kementerian bercadang untuk memberi kelulusan kepada mana-mana syarikat untuk mengendalikan Manage Care Organisation ini? Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Senai.

4.57 ptg.

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 34, Butiran 030300.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum, 23 buah hospital baru dan 77 buah klinik kesihatan baru dijangka akan dibina pada tahun 1997 dalam negara kita. Selain daripada itu, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan juga akan memastikan klinik-klinik kesihatan terutamanya di desa dan kawasan pedalaman akan dilengkapi dengan peralatan dan perkhidmatan makmal yang lebih moden dan kemas kini untuk menjadi nadi bagi jagaan asas kesihatan. Hasrat dan cita-cita kerajaan kita ini memang baik dan perlu dipuji.

Akan tetapi saya rasa Kementerian Kesihatan perlu mengambil langkah yang lebih positif bagi memastikan ke semua hospital ataupun klinik perubatan dibekalkan dengan pegawai perubatan yang mencukupi. Kini terdapat hanya seorang pegawai perubatan ditempatkan di sesebuah pusat kesihatan untuk memberi layanan kepada lebih kurang 200 orang pesakit luar sehari adalah satu perkara yang biasa. Pusat kesihatan yang terletak di Pekan Pulau di kawasan pilihan raya saya bolehlah dianggap sebagai satu contoh.

Terdapat lebih kurang 200 orang pesakit luar datang ke pusat kesihatan ini untuk mendapatkan rawatan perubatan setiap hari. Seorang doktor yang ditempatkan ini perlu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang dan hanya dapat memberikan 2 atau 3 minit sahaja bagi setiap pesakit. Saya rasa kerja ini berat, kerja ini hebat, sudah tentu 'quality of service', dengan izin, tidak akan memuaskan. Adakah ini salah satu sebab menjadikan pegawai perubatan tidak memberi perkhidmatannya di hospital kerajaan?

Tuan Pengerusi, adakah kementerian berhasrat membuat cadangan pembaikan ke atas Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan dengan beberapa kemudahan serta insentif dan bilakah cadangan ini dapat diluluskan oleh pihak kerajaan sama ada kerajaan merancang untuk mewujudkan lebih peluang untuk pelajar-pelajar kita mengikuti kursus perubatan dan sama ada kerajaan atau Kementerian Kesihatan bersedia untuk membuat kajian terhadap sistem pengambilan dalam pengajian perubatan di universiti-universiti tempatan?

Bilakah tindakan kementerian terhadap pengiktirafan kelayakan-kelayakan perubatan dari universiti Taiwan dan sebagainya dapat diselesaikan?

Tuan Pengerusi, inilah beberapa perkara yang saya rasa penting dan ingin saya sampaikan dan mohon mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi, akhirnya bagi ubat yang lazimnya digunakan oleh kebanyakan klinik dan hospital. Saya ingin cadangkan supaya perkara ini kementerian dapat mengambil tindakan untuk dijadikan barangan kawalan bagi mengelakkan eksploitasi dan kenaikan harga yang berterusan, yang telah banyak membebankan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Libaran.

5.02 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta membahaskan Maksud B.34, Butiran 010000, 050300; 00301 dan 00302.

Tuan Pengerusi, masalah aksesibiliti kepada kemudahan kesihatan masih lagi berlaku. Bagi penduduk yang tinggal terlalu jauh dari kemudahan tersebut dan tidak dihubungi dengan rangkaian jalan raya aksesibiliti ini adalah masalah utama dan untuk pergi mendapatkan rawatan mereka mungkin membelanjakan sejumlah wang untuk maksud tambang-menambang atau terpaksa berjalan kaki berpuluh-puluh batu jauhnya.

Selain daripada itu, kemudahan perubatan canggih dan moden di kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan miskin masih berlaku. Sebagai contoh, seorang bayi kanak-kanak tidak sempat menjalankan pembedahan berasaskan nasihat doktor pakar kerana masalah kewangan.

Tuan Pengerusi, bayaran yang dikenakan oleh hospital-hospital kerajaan dan kemudahan-kemudahan perubatan untuk maksud mendapatkan rawatan pesakit luar dan kelahiran telah dipersoalkan oleh rakyat jelata di kawasan luar bandar. Alasan yang dikemukakan ialah mereka tidak berkemampuan untuk membayar.

Saya mencadangkan agar bayaran perubatan yang dikenakan kepada masyarakat luar bandar yang miskin dan daif dikecualikan. Jika langkah ini tidak diberikan perhatian sewajarnya, adalah diragui banyak nyawa akan terkorban.

Tuan Pengerusi, sistem sanitasi di kawasan luar bandar terutamanya yang terpencil harus dipertingkatkan kerana kemudahan sanitasi yang disediakan masih lagi pada tahap yang tidak memuaskan. Malahan kesedaran betapa pentingnya menggunakan kemudahan sanitasi masih lagi rendah di setengah-setengah tempat telah mengakibatkan kebersihan kawasan persekitarannya tidak terjaga dan menjadi satu punca kepada terjadinya sesuatu penyakit yang berjangkit. Ada di kalangan penduduk yang tinggal di atas rumah-rumah air sama ada di sungai atau laut masih lagi terus membuang sampah-

sarap, najis dan sebagainya ke dalam air di sekitar tempat kediaman mereka. Saya mencadangkan agar kementerian memperluaskan perkhidmatan ini ke kawasan luar bandar dan pedalaman negeri Sabah.

Masalah kekurangan doktor di negeri Sabah juga adalah satu faktor penting yang harus dipertimbangkan. Kekurangan doktor biasa dan doktor pakar masih merupakan masalah yang serius, yang dihadapi oleh hospital-hospital di Sabah. Orang awam kerap merungut kerana mereka hanya dirawat oleh pembantu-pembantu perubatan, bukannya seorang doktor yang bertauliah.

Pada masa ini dispensari-dispensari di Sabah masih dikendalikan oleh pembantu kesihatan, sedangkan jawatan tersebut seharusnya dipegang oleh para doktor yang bertauliah.

Saya ingin juga menceritakan tentang masalah di kawasan saya iaitu di Pulau Libaran dan Nunuyan serta Pulau Bembangan. Klinik desanya perlulah diperbaiki kerana keadaannya amat buruk. Di Pulau Libaran ada klinik desa, tetapi kakitangan kliniknya tidak ada. Perkara ini telah berlanjutan selama satu tahun, jadi saya mohon penjelasan daripada Setiausaha Parlimen apakah sebab-sebabnya perkara ini tidak dapat diselesaikan? Di pulau-pulau di kawasan saya, mereka ini tidak dibekalkan dengan bot-bot untuk kakitangan dan juga pesakit-pesakit untuk dibawa ke hospital di Sandakan. Di daerah saya belum ada lagi hospital daerah, ini yang menyebabkan rakyat di luar bandar amat terkilang.

Akhirnya, saya memohon agar kementerian meluluskan sebuah poliklinik di Sungai Batang, kerana lebih kurang 15,000 orang penduduk yang tinggal di tempat ini, yang memerlukan rawatan sekiranya mereka sakit. Saya harap pihak kementerian akan dapat memberi perhatian mengenai perkara yang telah saya suarakan, lebih kurang 3-4 kali, tetapi belum ada lagi tindakan yang positif.

Pada masa ini kawasan ini cuma mempunyai sebuah klinik desa sahaja, itupun lebih kurang 7 kilometer jauhnya daripada kawasan yang saya sebutkan tadi. Jadi, adalah menjadi harapan saya agar pihak kementerian memberi pertimbangan yang sewajar mungkin terhadap perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi. Jadi, saya mohon penjelasan dari pihak kementerian dan seterusnya saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

5.57 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.34, Butiran 010000 - Pengurusan.

Saya juga ingin melahirkan perasaan tidak puas hati saya terhadap kegagalan Yang Berhormat Menteri untuk menghadiri Parlimen baru-baru ini, kerana nampaknya beliau mengikut jejak langkah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Sungguhpun apabila menjadi menteri, beliau rajin dan sering datang ke Parlimen, tetapi kebelakangan ini bukan sahaja saya yang mengeluarkan pendapat, tetapi Ahli-ahli Parlimen lain pun serupa bahawa beliau jarang datang. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menyampaikan perkara ini kepada beliau supaya lebih kerap untuk menjawab perkara-perkara berkaitan dengan kementeriannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada keputusan pihak kementerian untuk menswastakan sokongan perubatan dan juga kejuruteraan kepada tiga buah syarikat. Penswastan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, yang belum muncul saya rasa pada tahun ini ke Parlimen, merupakan satu penswastan yang paling besar di dunia. Sebanyak RM3.5 bilion diberikan kepada 3 syarikat iaitu Readycare Health Centre, Faber Mediserve, dan juga Tongkah Mediwest. Ketiga-tiga syarikat ini sebanyak RM7.5 bilion untuk tempoh masa 15 tahun, memberikan sokongan perubatan kepada 123 hospital kerajaan mulai 1hb. Januari tahun hadapan. Memandangkan bahawa ini

merupakan satu konsesi yang amat besar, di mana Faber Mediserve mendapat bahagian bernilai RM269.8 juta, Readycare RM149.6 juta dan Tongkah Mediwest RM79.6 juta untuk peringkat permulaannya.

Di sini saya ingin bertanya apakah kos perbelanjaan oleh pihak kerajaan untuk kesemua bahagian sokongan perubatan ini, sama ada dari segi penyelenggaraan sisa-sisa klinikal, perkhidmatan dobi, kejuruteraan dan juga penyelenggaraan kejuruteraan bio-medical. Apakah kos perbelanjaan oleh pihak kerajaan sepanjang ini, kerana saya difahamkan oleh beberapa kakitangan yang terjejas oleh penswastan tersebut. Mereka mengatakan kos perbelanjaan oleh pihak kerajaan adalah jauh lebih rendah kalau berbanding dengan apa yang kerajaan telah memberikan atau membayar oleh syarikat-syarikat tersebut.

Kalau begitu, saya rasa ini tidak menepati hasrat penswastan kerana penswastan sepatutnya mengurangkan kos, meningkatkan efficiency dan produktiviti. Tetapi kalau sungguhpun perbelanjaan yang dibiayai oleh kerajaan sepanjang ini adalah jauh lebih rendah dari apa yang berlaku selepas penswastan ini diberikan. Saya rasa ini bercanggah dengan tujuan asal konsep penswastan.

Oleh sebab itu saya harap pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, kos sebenarnya yang dibelanjakan oleh kerajaan sebelum ini dan selepas ini. Juga faedah yang boleh diperolehi oleh negara selepas penswastan ini dijalankan mulai tahun depan. Ini yang pertama.

Yang kedua, tentang faedah kepada para pengguna. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri, apabila upacara tandatangan kontrak ini dijalankan, menyatakan buat masa ini kos bayaran perkhidmatan di hospital tidak akan dinaikkan tetapi dia kata untuk jangka masa panjang tetap akan dinaikkan. Saya ingin tahu sejauh manakah kenaikan ini akan diluluskan atau adakah ia termaktub dalam apa-apa rancangan oleh pihak kerajaan?

Adakah ia dijalankan secara berperingkat-peringkat atau secara mendadak dengan satu kali?

Ketiga, ialah tentang masa depan hampir 2,680 kakitangan hospital yang terjejas oleh kerana penswastaaan ini. Adakah mereka akan menerima galakan dan layanan serupa, yang sama baik dengan apa yang mereka perolehi apabila mereka berkhidmat dalam kerajaan? Saya rasa satu perkara yang paling utama yang sering dibangkit oleh kakitangan tersebut ialah tentang faedah pinjaman perumahan. Kalau boleh, saya harap pihak kerajaan atau kementerian boleh memastikan mereka mendapat insentif atau layanan atau faedah yang sama.

Khususnya dari segi faedah dan pinjaman perumahan di mana sekarang kalau pinjaman daripada kerajaan, mereka hanya dikenakan faedah sebanyak 4 peratus. Tetapi tidak ada jaminan mereka boleh dapat faedah serendah ini kalau mereka berkhidmat atau menerima opsyen untuk berkhidmat dengan ketiga-tiga syarikat swasta ini. Oleh yang demikian, saya harap pihak kementerian boleh memastikan bahawa faedah yang diterima oleh kakitangan-kakitangan tersebut tidak akan lebih teruk apabila mereka memilih opsyen untuk menyertai ketiga-tiga syarikat tersebut.

Selain daripada itu, saya ingin juga bertanya tentang proses penswastaaan yang diberikan kepada ketiga-tiga syarikat.

- (i) adakah ia dibuat secara tender terbuka;
- (ii) berapakah syarikat yang telah menender untuk perkhidmatan perkhidmatan tersebut; dan
- (iii) adakah tawaran yang paling baik sekali dipilih oleh pihak kementerian, kalau tidak mengapa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*].

Tuan Pengerusi, apabila saya membuat pertanyaan tentang perkara ini dalam Dewan yang mulia ini, sama ada apabila perkara ini dibincangkan dalam Kabinet, saya telah mendapat jawapan oleh pihak kementerian bahawa semasa perkara ini dibincangkan dalam Kabinet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak hadir. Ini memang satu tindakan yang betul kerana salah satu syarikat yang mendapat penswastan ini dimiliki oleh anaknya sendiri iaitu Mohzani Mahathir sebagai pengerusi Tongkah Holdings.

Kalau ini dibenarkan, saya ingin bertanya tentang pencanggahan yang berlaku apabila Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa, boleh meluluskan dan menghadiri mesyuarat saham-saham kepada menantunya. Di sini saya ingin meminta bahawa kerajaan mengikut undang-undang. Mematuhi undang-undang seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana anaknya terlibat dalam penswastan ini, dia tidak hadir dalam mesyuarat Kabinet yang meluluskan tender ini kepada syarikat anaknya.

Tetapi untuk Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa nampaknya lain pula. Ini merupakan satu pencanggahan, ini melanggar undang-undang yang sedia ada dan saya rasa tidak konsisten, memberikan gambaran double standard yang sangat tidak sihat kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga ingin bertanya tentang perkhidmatan atau faedah yang diberikan kepada para doktor dan juga jururawat-jururawat. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kementerian, bahawa di hospital-hospital kita memang sangat kurang bukan sahaja pakar-pakar tetapi juga dari segi doktor-doktor yang dalam peringkat pertengahan. Ini menyulitkan proses pengurusan hospital-hospital di negara kita dan saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun maklum tentang masalah ini. Di sini bolehkah saya meminta bahawa insentif untuk doktor-doktor yang kadangkala bekerja, saya rasa satu minggu - bekerja setiap hari, boleh dinaikkan.

Dan juga kepada para jururawat kerana seperti di Melaka, sebagai satu contoh, di mana ada lima hospital swasta dan ada rancangan untuk membina dua hospital swasta lagi. Saya rasa dari segi insentif yang akan diberikan oleh hospital swasta jauh lebih menarik daripada apa yang diberikan oleh pihak kerajaan. Mungkin bukan sahaja sekali, dua kali ganda - empat kali, lima kali ganda. Kalau ini berlaku, saya amat risau bahawa Hospital Melaka akan bukan sahaja, pertama, kekurangan doktor-doktor dan kakitangan-kakitangan klinikal tetapi kekurangan kakitangan yang berpengalaman.

Ini adalah satu masalah besar, kerana saya difahami bahawa hospital swasta di Melaka yang berusaha untuk menjadi pusat perubatan di negara kita kerana mereka kekurangan doktor, mereka akan mencuba sedaya upaya untuk menarik doktor-doktor daripada hospital kerajaan dan tentu sekali sasaran utama adalah yang paling dekat - Hospital Besar Melaka, dan kalau begitu saya.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya gulung, dan kerana masa tidak cukup. Saya ada beberapa aduan yang saya telah buat tentang masalah yang berlaku di Hospital Besar Melaka oleh pesakit-pesakit yang tidak puas hati tentang layanan yang mereka berikan. Harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh tunjuk dan kalau boleh beri jawapan sekarang, tidak boleh, beri jawapan bertulis. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, Parit Buntar.

5.18 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, dalam membahaskan maksud B.34 ini, saya ingin menyentuh Program 030700 di bawah tajuk Ostetrik dan Ginekologi.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini, tentang kemudahan-kemudahan di wad-wad bersalin di hospital-hospital luar bandar yang kebanyakannya masih lagi berada dalam keadaan yang amat daif. Walaupun yang sebenar dari segi kadar kematian bayi,

infant mortality rate, sejak kebelakangan ini telah berkurangan. Kita dapat meningkatkan kesihatan ibu-ibu yang mengandung di luar bandar tetapi masih banyak perkara yang perlu diperbaiki terutama sekali seperti mana yang saya sebutkan tadi - di hospital-hospital luar bandar.

Satu contoh yang ingin saya sebut ialah kekurangan yang amat ketara yang dihadapi oleh Hospital Daerah Parit Buntar iaitu tempat yang saya wakili. Akibat kekurangan kemudahan ini, maka satu peristiwa yang amat mendukacitakan khususnya kepada diri saya sendiri telah berlaku pada 23hb. November, 1996 iaitu hari Sabtu, 10 hari yang lalu.

Seorang suri rumah bernama Maznah binti Adam yang mengandung 7 bulan telah mengalami pendarahan. Akibat pendarahan itu, beliau telah dikejarkan ke Hospital Daerah Parit Buntar dan beliau hanya disuruh berehat sehingga hari Isnin kerana hospital tersebut tidak mempunyai kemudahan ataupun alat ultra sound ataupun mesin untuk scanning. Jadi, doktor di situ hanya, walaupun doktor di situ sebenarnya berusaha seberapa daya untuk memberi kepuasan kepada beliau tetapi mereka hanya membuat cerakinan menerusi manual tanpa bantuan scanning machine dan akhirnya pada hari Isnin, 25hb. November, dua hari selepas itu apabila pesakit atau ibu ini dibawa ke klinik swasta di tempat yang sama dan apabila doktor yang merawat itu menggunakan scanning machine, barulah didapati bahawa bayi dalam kandungan itu telah meninggal dunia dan ibu berkenaan terpaksa dikejarkan ke Hospital Besar Taiping untuk menjalani pembedahan darurat.

Tuan Pengerusi, sebenarnya ibu yang saya maksudkan ini tidak lain dan tidak bukan adalah isteri saya sendiri dan walaupun sebenarnya saya menerima keadaan ini sebagai kehendak takdir tetapi kita tidak dapat lari daripada memikirkan tentang kekurangan-kekurangan yang dihadapi di hospital yang berkenaan. Kita tidak dapat

memisahkan diri kita dari bertanya, andainya Hospital Daerah Parit Buntar mempunyai mesin ultra sound, apakah perkara yang begini boleh berlaku, apakah tidak bayi tersebut boleh diselamatkan kerana ia telah pun berada dalam kandungan selama 7 bulan?

Jadi, seperti mana yang saya katakan tadi, saya timbulkan perkara ini hanya sebagai contoh tentang betapa kekurangan-kekurangan yang terdapat di hospital-hospital luar bandar boleh menjejaskan orang ramai dan secara kebetulan isteri saya adalah mangsa yang baru mengalami keadaan ini dan mungkin saja berpuluh-puluh, mungkin banyak lagi ibu-ibu yang mengalami keadaan yang sama dan perkara-perkara ini tidak di ketengahkan. Jadi, saya merasa bertanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat dan oleh kerana peristiwa ini baru sahaja berlaku, saya merasa bertanggungjawab untuk mengetengahkan perkara ini supaya ia dapat dijadikan sebagai satu pengajaran oleh kementerian semoga mereka dapat mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk memberikan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya terutama sekali kepada hospital-hospital di luar bandar.

Dan saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kakitangan di Hospital Daerah Parit Buntar dan di Hospital Besar Taiping khususnya pakar bedah Dr. Chandran yang telah berusaha bersusah payah untuk membantu isteri saya dan saya sebenarnya tidak mempunyai perkara-perkara lain, cuma itu sahaja dan dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Tambun.

5.25 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada perkara ringkas yang saya hendak sentuh di bawah B.34 iaitu tentang Rawatan Perubatan. Apa yang ingin saya sentuhkan soal pengkorporatan dan penswastaaan hospital. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen,

bilakah ini akan dijalankan dan juga beberapa isu yang berkaitan menjadi kebimbangan kepada rakyat terutama tentang kos perubatan. Kita ketahui di sektor swasta, bahawa kos perubatan meningkat setiap tahun antara 15% hingga 20%. Bagaimanakah di bawah konsep baru ini kenaikan kos ini dapat dipertahankan?

Kedua, tentang asses kepada rawatan-rawatan serta perubatan-perubatan tersebut.

Ketiga, tentang kualiti kerana kita sedia maklum setor perubatan di Petaling Jaya telah diswastakan oleh kementerian kepada Remedy Medical Store PJ pada tahun 1993. Selepas ia diswastakan, harga ubat menjadi lebih tinggi dan perbekalan ubat menjadi tidak efisien berbanding dengan semasa ia di bawah kerajaan.

Di samping itu juga antara rasional pengkorporatan dan penswastaan ini adalah untuk menjaga kepentingan doktor dari segi perkhidmatan mereka tetapi adakah ini akan berlaku di mana kita sedia maklum bahawa Institut Jantung Negara telah pun ditubuhkan secara korporat tetapi masih lagi kehilangan doktor-doktor specialist yang saya tahu sejak akhir-akhir ini ada lebih kurang

7 orang doktor specialist yang telah meninggalkan institut tersebut walaupun di bawah pengkorporatan. Akibat daripada itu, pesakit-pesakit yang tidak membayar yang dimaksudkan pesakit-pesakit yang tidak membayar adalah pesakit-pesakit miskin dan sebagainya terpaksa menunggu dengan begitu lama.

Dan akhir sekali akibat daripada pengkorporatan tersebut saya difahamkan bahawa kerajaan akan mewujudkan Skim Insurans Kesihatan. Adakah dengan pewujudan skim ini nanti di dalam kemampuan rakyat biasa untuk membayar. Kita mengambil contoh di bawah IWK, walaupun bayaran antara RM2 hingga RM10 untuk satu rumah, ini membangkitkan masalah kepada rakyat. Tetapi, kalau di bawah Skim Insurans Kesihatan, katalah seorang dikenakan RM7 setahun, kalau dalam keluarga seramai 15

orang dalam satu rumah, dia akan membayar jumlah yang begitu banyak dan tentunya rakyat akan merasa tidak berpuas hati. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Tanjong Karang.

5.28 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama, 050600 Meningkatkan Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Jadi, sebagai wakil rakyat di luar bandar dan kawasan saya juga ada Hospital Tanjong Karang yang telah lama dibina dengan serba kekurangan, maka saya rasa bertanggungjawab untuk menyuarakan hasrat dan juga pandangan daripada pengundi-pengundi saya di kawasan Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi, sepatutnya hospital-hospital di luar bandar ini mesti diberi keutamaan kerana di luar-luar bandar ini kita dapati bukan sahaja hospitalnya kekurangan peralatan, malah di luar bandar juga tidak terdapat klinik-klinik ataupun hospital-hospital swasta yang boleh kita banggakan. Kalau kita bandingkan di dalam bandar, dalam bandar pada hari ini kita dapati ramai orang yang telah mampu menghantar keluarga mereka ataupun pesakit-pesakit ini ke hospital swasta. Seandainya didapati rawatan di hospital kerajaan ini tidak memuaskan hati ataupun walaupun mereka ini kadang-kadang tiada wang, tetapi oleh kerana ada kemudahan hospital-hospital swasta, maka pesakit-pesakit di dalam bandar ini banyak pilihan mereka. Mereka boleh menghantar ke hospital-hospital swasta dengan apa cara sekali pun.

Tetapi, di luar bandar ini, Tuan Pengerusi, kita amat sedih, macam di Tanjong Karang. Hospital yang paling dekat ialah Hospital Klang, hampir 35 batu. Sakit sedikit sahaja, kadang-kadang bukan sakit teruk sangat tetapi oleh kerana di Tanjong Karang tidak ada peralatan maka doktor pun rekomen hantar ke Hospital Klang. Orang-orang

kampung, bila dengar pesakit ini dihantar ke Hospital Klang, bagi mereka satu penyakit yang serius. Orang-orang kampung yang mana sedang menanam padi atau kopek kelapa terpaksa tinggal kerja dan berkejar ke Kelang kerana apabila mereka mendapati keluarga mereka sudah dihantar ke Klang bagi mereka itu sudah satu penyakit yang serius.

Tetapi apabila sampai di Klang, kita dapati pesakit ini tidaklah berapa serius. Ini kerana rata-rata di Tanjong Karang, dia tidak begitu berani untuk menahan pesakit ini lebih lama kerana mereka kekurangan peralatan. Jadi, oleh itu sudah sampai masanya pada hari ini kita mesti melebihi kepada hospital-hospital di luar bandar ini bukan sahaja di Tanjong Karang, di lain-lain tempat pun kerana kita dapati di luar-luar bandar ini, klinik-klinik swasta yang ada di luar bandar ini, ia tidak selengkap seperti mana klinik-klinik ataupun hospital-hospital yang ada di dalam bandar.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di luar bandar juga bukan sahaja peralatannya kurang, tetapi kekurangan doktor lagi. Oleh kerana kekurangan doktor, maka pesakit-pesakit di luar bandar ini tidak ada pilihan, walaupun mereka terpaksa tunggu sampai setengah hari baru hendak dapat rawatan, mereka tidak ada pilihan. Mereka terpaksa juga berduyun-duyun ke hospital kerajaan. Sedangkan doktor di Tanjong Karang sebagai contoh kekurangan doktor. Jadi, sudah tentu rawatan-rawatan yang mereka dapat ini kurang memuaskan. Kalau mereka hendak pergi ke klinik swasta pun walaupun doktornya ada, tetapi peralatannya seperti mana yang saya nyatakan tadi tidak lengkap. Jadi, sudah tentu orang-orang luar bandar ini akan sentiasa mendapat rawatan yang tidak memuaskan.

Kalau sahabat saya dari Parit Buntar tadi memberi satu contoh yang terkena kepada diri beliau sendiri. Saya pun boleh buat contoh kepada arwah bapa saya yang meninggal pada 16hb. September. Ini sudah ajal, tetapi cara. Salah satunya ini ialah cara ajal kita pertikaikan. Saya hendak ucapkan terima kasih tidak terhingga kepada

pengurusan Hospital Tanjong Karang yang telah berusaha untuk menyelamatkan arwah bapa saya. Tetapi malangnya, sebabnya apabila ayah saya sudah kritikal, dia diletakkan dalam bilik kecemasan, mereka letak oksigen. Apabila arwah bapa saya dari bilik kecemasan hendak dibawa ke wad, hendak masuk wad, mereka terpaksa buka oksigen, kerana saya diberitahu di Hospital Tanjong Karang tidak ada portable oxygen. Jadi, jauh daripada bilik kecemasan hendak pergi ke wad ini memakan masa hampir lima-enam minit. Sudahlah arwah ayah saya sesak nafas, dibukanya oksigen, bila sampai ke wad hendak masuk oksigen, sudah sampai saat nazak.

Jadi, ini satu contoh kritikal. Ini yang terkena kepada keluarga saya. Bagaimana dengan orang-orang lain yang saya nyatakan tadi kadang-kadang perkara ini boleh kita selamatkan, seandainya peralatan kita cukup. Di Tanjong Karang sebagai contoh, ada hospital yang besar, ada kelengkapan yang lengkap, sudah tentu kita akan hantar ke hospital yang lengkap ini. Oleh kerana di Tanjong Karang kliniknya pun kekurangan, klinik swasta pun tidak lengkap, hospitalnya tidak lengkap, doktor pun kurang, maka kita dapati pada hari ini orang-orang di luar bandar kasihan apabila mereka sakit mereka terpaksa pergi ke Klang dari tempat saya, terpaksa meninggalkan kerja dan sebagainya. Oleh itu, saya merayu kepada pihak kementerian ini supaya mengutamakan kepada hospital luar bandar.

Yang ketiganya, apabila saya berbincang dengan doktor, salah satu sebab yang saya diberitahu oleh doktor kerana ramai doktor yang tak mahu berkhidmat di luar bandar, mereka ini berhenti, kerana mereka pergi di luar bandar tidak ada kemudahan. Ada seorang doktor, dia terpaksa minta tukar ke Hospital Johor Bahru kerana dia hendak lanjutkan pelajaran. Dia kata di Tanjong Karang tidak ada peralatan yang cukup yang dia hendak sambung pelajaran dia, kecuali ada di hospital bandar-bandar. Jadi, kalau hospital di luar bandar lengkap, sudah tentu doktor-doktor pun berminat untuk pergi ke luar

bandar, dan saya yakin kerana mereka di luar bandar ini mereka juga berpeluang lagi untuk melanjutkan pelajaran dengan syarat peralatannya mestilah dilengkapi.

Tuan Pengerusi, yang keempat saya hendak menyentuh Butiran 030300 - Rawatan Pesakit Luar. Tentang rawatan pesakit luar, di Hospital Tanjong Karang memang tak cukup. Maka kita telah bersetuju untuk mengubahsuai klinik pergigian di Tanjong Karang untuk dijadikan sebagai pusat pesakit luar. Jadi, saya harap permohonan ini telah pun diajukan oleh pihak hospital sejak tahun lepas, dan saya harap pihak kementerian dapat memberi perhatian supaya kekurangan hospital di Tanjong Karang ini dapat diatasi sekurang-kurangnya dengan adanya pusat pesakit luar yang berasingan di kawasan hospital yang pada hari ini begitu teruk keadaannya dan juga kita dapati dia tak ada kelas. Hospital ini kelas dua atau tiga saya pun tak tahu, sama semuanya standard. Saya harap sekali lagi kita maju ke peringkat kementerian supaya dapat memberi perhatian yang lebih kepada kelengkapan peralatan di hospital-hospital luar bandar. Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong.

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang.

5.35 ptg.

Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Butiran 010000, Program 010200 - Perkhidmatan. Saya hendak membangkitkan satu isu yang amat penting dan serius untuk memperbetulkan keadaan bekalan ubat-ubat manusia dan haiwan demi kebaikan orang ramai. Kerana mengikut undang-undang kita pada masa kini semua perubatan, termasuk ubat-ubat haiwan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan melalui para ahli farmasi.

Tadi Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan isu berkenaan dengan mutu bahan-bahan makanan di negara kita dan saya menyokong 100% untuk mengekalkan mutu barang-barang makanan di Malaysia berkualiti. Oleh sebab itu, baru-

baru ini isu nitrofurantoin di bidang ternakan adalah satu contoh bahawa ubat-ubat ternakan yang diimport, diedar dan dijual oleh para ahli farmasi kepada para penternak tidak melalui para pakar veterinar. Masalah timbul kerana penggunaan alat-alat ini tidak dikawal oleh doktor veterinar. Oleh itu, saya ingin mencadangkan bahawa Akta Racun 1952 atau Poison Ordinance 1952 perlulah diubahsuai untuk membolehkan para pakar veterinar bertanggungjawab kepada semua isu berkaitan dengan bidang ternakan. Saya berpendapat bahawa sebelum semua binatang disembelih untuk dijual kepada para pengguna, adalah tanggungjawab para doktor veterinar yang berpengetahuan yang betul untuk memastikan bahawa apakah jenis ubat-ubatan yang boleh digunakan di bidang ternakan. Mereka mestilah bertanggungjawab bahawa semua jenis daging yang dijual kepada orang ramai adalah dalam kawalan Maximum Residual Limit (MRL) yang diperlukan oleh semua negara-negara maju.

Tuan Pengerusi, jikalau daging yang dijual di pasar mengandungi ubat residual yang berbahaya kepada orang ramai, inilah tanggungjawab Kementerian Kesihatan untuk mendakwa sesiapa yang bertanggungjawab. Selaku dengan ini, saya harap akta yang lama patutlah diperbaharui. Saya mencadangkan bahawa doktor veterinar bolehlah dikuatkuasakan oleh Menteri Kesihatan untuk mengimport, menjual, menasihatkan para penternak. Ini akan menjamin bahawa langkah-langkah yang betul dan tepat dijalankan. Para ahli farmasi bolehlah diberi tanggungjawab kepada ubat-ubatan manusia sahaja, kerana pasaran ini sangatlah luas. Negara kita mempunyai 20 juta rakyat dan jumlah ini semakin bertambah lagi. Jadi, saya harap bahawa semua kementerian yang terlibat di dalam isu ini bolehlah berunding dan membuat satu keputusan yang adil untuk kebaikan semua profesion, termasuk doktor-doktor manusia, ahli-ahli farmasi dan doktor veterinar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Selangau.

5.37ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Maksud Bekalan B.34 - Kementerian Kesihatan di bawah Butiran 020000 - Kesihatan Awam, 030000 - Rawatan Perubatan dan Program 030200 - Pengurusan Hospital. Rakyat jelata di negara ini patut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membekalkan RM3.4 bilion untuk kesihatan dan untuk memperbaiki taraf mutu perkhidmatan perubatan dengan alat-alat perubatan yang baru dan canggih di seluruh negara kita, sama ada di hospital besar, klinik desa atau mini klinik desa di luar bandar.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, 23 buah hospital baru dan 7 buah pusat kesihatan dan klinik desa baru dijangka akan dibina dalam tahun 1997. Saya yakin dan percaya semua hospital dan klinik desa yang baru ini akan dilengkapi dengan facilities perubatan yang moden di tiap-tiap negeri di Malaysia supaya para pesakit sama ada dari negeri Sarawak atau Sabah atau dari negeri-negeri yang lain tidak perlu pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur, kerana tiap-tiap hospital besar di negeri masing-masing ada alat-alat perubatan dan pakar-pakar tertentu yang sama dengan alat-alat perubatan dan pakar di hospital besar kita di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini, kerana pesakit-pesakit dari Negeri Sarawak, misalnya pesakit buah pinggang, apabila mereka tidak dapat di rawat di Hospital Besar Kuching, pesakit-pesakit itu terpaksa dirujuk kepada Hospital Besar Kuala Lumpur. Apabila pesakit-pesakit itu dirujuk ke Kuala Lumpur, mereka menghadapi banyak masalah. Pertama, masalah kewangan dan masalah tempat tinggal penjaga pesakit itu kerana saya difahamkan mereka hanya boleh tinggal di Rumah Sarawak, di mana tempat itu tidak cukup dan jauh dari Hospital Besar Kuala Lumpur.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan untuk menyediakan rumah khas bagi penjaga pesakit-pesakit yang datang jauh dari negeri-negeri di Malaysia terutama dari Sarawak dan Sabah yang dibina dalam kawasan Hospital Kuala Lumpur atau tempat tinggal yang berdekatan dengannya.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya Selangau, iaitu kawasan luar bandar di Sarawak amatlah berkurangan pusat-pusat kesihatan. Jadi, di sini, saya ingin memohon kepada Kementerian Kesihatan supaya beberapa buah klinik di kawasan saya akan dibina pada tahun 1977, kerana tempoh hari, kalau tidak salah ingatan saya, 2 buah klinik desa di kawasan saya di Selangau iaitu Klinik Desa Nanga Tepus, Balangian, Daerah Mukah dan Klinik Desa Ulu Penyarai, Daerah Kakus telah dibekalkan dengan peruntukan RM600,000 dan saya rasa ini telah dua tahun, iaitu pada tahun 1995 dan rakyat di kawasan saya amatlah menunggu-menunggu pembinaan klinik desa tersebut.

Akhir sekali, saya memohon supaya klinik desa di kawasan Selangau akan dinaikkan taraf kepada hospital baru kerana penduduk di kawasan itu telah bertambah.

Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Bagan, selepas itu Kementerian akan menjawab.

5.42 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma ringkas sahaja iaitu mengenai Butiran 030000 - Rawatan Perubatan. Sungguhpun ada sejumlah RM1,280,000 diperuntukkan untuk tujuan ini, tetapi kami hari-hari membaca dalam surat khabar, khasnya surat khabar Cina di mana pesakit-pesakit kanser, pesakit jantung dan juga pesakit buah pinggang merayu kepada masyarakat untuk menderma untuk pesakit menjalani perubatan.

Tuan Pengerusi, kita boleh faham bahawa tenaga dan kuasa kerajaan adalah terhad, tetapi apa yang menyusahkan hati kami ialah kerana pesakit-pesakit ini bukan

semuanya dari golongan yang mampu, kadang-kadang mereka mengidap penyakit ini dan mereka mempunyai anak-anak yang masih kecil, masih bersekolah dan tidak boleh berdikari sendiri. Jadi, saya haraplah kerajaan, khasnya Kementerian Kesihatan boleh menubuhkan satu bahagian atau satu tabung di mana bantuan perubatan boleh diberi kepada pesakit-pesakit yang selalu ada dipamer atau muncul di dalam surat khabar untuk meminta derma dari orang ramai.

Tuan Pengerusi, sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada membangkitkan berkenaan dengan nitrofurantoin, iaitu suatu ubat haiwan. Saya mendapati atau membaca dalam surat khabar bahawa di negara kita ada beratus-ratus tong ubat nitrofurantoin ini dan pengimport-pengimport atau farmasi-farmasi ini bercadang untuk mengeksportkan nitrofurantoin ini ke negara asing (negara lain). Saya fikir, fikiran yang dikeluarkan oleh pengimport-pengimport ini memang tidak bertanggungjawab. Jikalau nitrofurantoin di dapati mengancam kesihatan manusia, mengapa ia dapat dieksport ke negara lain? Ini akan menyebabkan orang lain turut terancam. Saya berharap kerajaan boleh menasihati pengimport-pengimport nitrofurantoin ini supaya ubat-ubat ini dapat dihapuskan sama sekali, atau jikalau tidak kerajaan boleh merampas ubat ini dan seterusnya menghapuskannya dan bukan semata-mata untuk mengaut balik apa yang mereka laburkan dengan mengeksportkan ubat ini ke negara asing.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Majlis Bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

5.46 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri

bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul yang berbunyi iaitu:-

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada

hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Perbahasan disambung semula.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.34 [Jadual] -

Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan, 1997] -

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen, sila.

5.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan ‘Dato’ M. Mahalingam]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada 21 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia di peringkat Jawatankuasa.

Ingin saya memberi jaminan bahawa setiap pandangan dan teguran-teguran yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian serta tindakan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, saya ingin mengulas beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang dan Petaling Jaya Utara telah menyentuh mengenai program anti-merokok iaitu isu-isu mengenai kekurangan pegawai penguatkuasa; isu mengenai jumlah kompaun yang dikeluarkan dan jumlah kes yang dibawa ke mahkamah; isu mengenai pengharaman iklan rokok, isu mengenai “no

smoking” sign yang tidak dihiraukan; isu mengenai menghisap rokok di dalam kereta sendiri dan menghentikan pembekalan alat-alat berkaitan dengan penghisapan rokok seperti lighter dan tempat habuk rokok dalam kereta; isu mengenai peningkatan pengetahuan orang awam berkaitan dengan bahaya merokok dengan menggunakan media secara agresif.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang dan Petaling Jaya Utara, adalah dimaklumkan bahawa memandangkan bilangan pegawai penguatkuasa adalah tidak mencukupi, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan telah mengambil keputusan untuk melantik lebih ramai pegawai penguatkuasa.

Beberapa orang kakitangan dari setiap hospital kerajaan di Malaysia akan diberi kuasa untuk menguatkuasa peraturan tersebut. Bilangan kompaun yang dikeluarkan melalui 15hb. Mei, 1994 sehingga 31hb. Ogos, 1996 adalah 10,823, manakala jumlah kes yang di bawa ke mahkamah adalah 646. Buat masa ini, kerajaan telah pun mengharamkan pengiklanan rokok secara langsung, tetapi pengiklanan secara tidak langsung adalah masih dibenarkan.

Kementerian Kesihatan memang bercadang untuk mengharamkan pengiklanan rokok secara tidak langsung ini bagi menguatkan lagi usaha Kementerian Kesihatan mencegah orang awam dari amalan merokok.

Kementerian Kesihatan akan mengkaji cadangan mengenai isu menghisap rokok di dalam kereta sendiri dan menghentikan pembekalan alat-alat menghisap rokok di dalam kereta seperti lighter dan tempat habuk rokok.

Kempen Anti Merokok yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya merokok ke atas kesihatan. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha menjalankan Kempen Anti

Merokok dengan lebih giat lagi melalui aktiviti pendidikan kesihatan, dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi yang berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pula menyentuhkan berhubung dengan perkhidmatan obstetrik dan gynaecology (O&G) iaitu adakah undang-undang sedia ada mencukupi untuk melindungi kepentingan ibu dan anak-anak yang menghadapi masalah kecuaiian pengamal perubatan? Adakah pengawalan atau garis panduan yang dikenakan bagi pembukaan klinik sedemikian bagi menjagakan kepentingan dan kebaikan pengguna, kerana jumlah pampasan kes kecuaiian yang terlibat amatlah besar dan kemungkinan general practitioner, dengan izin, tidak mampu menggunanya?

Beberapa banyak kes kecuaiian O&G yang telah dilaporkan pada tahun 1995 dan 1996, beberapa jumlah pampasan yang telah dibayar. Adakah dicadangkan pakar O&G harus ditempatkan di setiap hospital daerah dan tidak sahaja ditempatkan di bandar-bandar besar memandangkan banyak kes kecuaiian yang berlaku di klinik perbidanan dan hospital daerah yang tidak mempunyai pakar sedemikian.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kemaman dan lain-lain Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Akta Perubatan 1991 memastikan hanya pengamal perubatan yang berkelayakan sahaja dibenarkan mengamal di negara ini. Akta tersebut telah dipinda pada tahun 1991 untuk memastikan semua doktor siswazah atau house officer, dengan izin, dikehendaki menjalani latihan dalam bidang obstetrik dan gynaecology sebelum beliau diberi pendaftaran penuh untuk mengawal di negara ini sama ada di sektor awam ataupun sektor swasta.

Selain daripada Akta Perubatan, pengamal perubatan di sektor swasta dikehendaki mematuhi Akta Hospital Persendirian yang mengenakan standard minimum ke atas perkhidmatan dan kemudahan sektor swasta. Pada masa ini akta tersebut meliputi hospital-hospital swasta dan maternity homes, dengan izin, di mana premis-premis yang

mempunyai dua atau lebih daripada dua katil tertakluk kepada undang-undang tersebut. Akta ini sedang digubal semula untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan standard minimum bagi klinik-klinik swasta juga sedang di bawah pertimbangan.

Undang-undang tersebut memberi perlindungan kepada pesakit dalam menentukan kualiti perkhidmatan pengamal perubatan sentiasa diawasi, sementara undang-undang sivil dan jenayah negara ini melindungi kepentingan pesakit termasuk ibu dan anak-anak yang menghadapi masalah kecuiaan pengamal perubatan.

Pada masa kini, pengamal-pengamal perubatan swasta digalakkan mendapatkan medical indemnity insurance, dengan izin, bagi melindungi diri masing-masing dalam kes-kes kecuiaan. Kes kecuiaan dan pampasan yang melibatkan perbidanan dan sakit puan di hospital-hospital kerajaan, ialah bagi tahun 1995 - lima kes kecuiaan berlaku dan jumlah pampasan yang diberi ialah sebanyak RM27,400 dan pada tahun 1996 - tiga kes kecuiaan berlaku dan jumlah pampasan yang dibayar ialah RM471,000.

Kementerian Kesihatan memang bercadang untuk menempatkan pakar perbidanan dan sakit puan di hospital-hospital daerah dan setakat ini 19 buah hospital daerah sudah mempunyai pakar dalam bidang tersebut. Perkhidmatan pakar ini akan diperluaskan dan juga pakar-pakar lain ke lebih banyak hospital apabila bilangan pakar yang bertugas di Kementerian Kesihatan bertambah.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perbidanan dan sakit puan di hospital-hospital dan klinik-klinik melalui beberapa langkah seperti meningkatkan kemahiran pegawai perubatan dan jururawat melalui program latihan yang berterusan. Memperolehi alat-alat diagnostic dan monitoring untuk mengenal pasti kehamilan yang berisiko tinggi dan memberi pengawasan yang lebih rapi bagi mengelakkan komplikasi semasa kelahiran bayi.

Protokol rawatan juga disediakan sebagai panduan bagi memberi penjagaan yang betul dan baik sekali semasa ibu-ibu dimasukkan ke wad. Jawatankuasa kematian ibu mengandung dan jawatankuasa kematian premetal juga ditubuhkan di setiap hospital untuk mengkaji setiap kematian yang berlaku supaya tindakan segera dapat diambil untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga menyentuh mengenai program warga tua iaitu berapa ramai pakar geriatric yang ada di instituti warga tua dalam negara dan terdapat banyak rumah jagaan warga tua di bawah pihak swasta yang tidak diuruskan dengan baik. Adakah kementerian mempunyai polisi berkenaan dengan warga tua?

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, Kementerian Kesihatan kini mempunyai seorang pakar geriatric, pakar perubatan yang mempunyai ijazah lanjutan dalam bidang geriatric dan dua orang pakar gerantologist iaitu pakar kesihatan awam yang mempunyai ijazah dalam bidang yang sama. Perkhidmatan geriatric kini cuma disediakan di Hospital Seremban, tetapi ia akan diperluaskan ke hospital-hospital negeri yang lain pada masa yang akan datang.

Satu mesyuarat akan dijadualkan pada esok untuk membincangkan pelan pembangunan perkhidmatan warga tua di negeri ini sehingga tahun 2000. Dasar berkaitan dengan penubuhan rumah penjagaan warga tua adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah menyentuh mengenai isu pemakanan iaitu mempertingkatkan pemeriksaan premis makanan dan pemeriksaan premis makanan perlu dilakukan mengikut jaduan dan bulan enam bulan atau satu tahun sekali. Mewujudkan food safety act, persampelan makanan untuk analisis kimia dan microbiology perlu dipertingkatkan. Pihak berkuasa tempatan yang membantu dalam persampelan makanan

kurang aktif disebabkan tugas ini; Kementerian Kesihatan perlu mempertingkatkan persampelan.

Bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, premis-premis makanan sentiasa diperiksa dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap kebersihannya pada tahap yang memuaskan. Pada tahun 1995, sebanyak 36,178 premis telah diperiksa, manakala pada tahun ini hingga tahun 1996 sebanyak 19,781 premis telah diperiksa, manakala bilangan premis yang telah ditutup adalah sebanyak 593 sehingga bulan Oktober, 1996.

Kementerian telah merangka satu format penilaian premis yang lebih komprehensif menggantikan format lama supaya penilaian premis dapat dijalankan dengan lebih ketat dan berkesan. Kementerian tidak menyediakan jadual khusus untuk menjalankan pemeriksaan premis.

Premis-premis makanan sentiasa diperiksa melalui program rutin yang berterusan dengan berasaskan kepada panduan minimum dua kali pemeriksaan setahun bagi setiap premis. Kekerapan premis ini dipertingkatkan lagi setelah dikenal pasti sesuatu premis makanan itu mempunyai tahap kebersihan yang tidak memuaskan berasaskan kepada jadual penilaian premis atau premise valuation schedule, dengan izin.

Akta Makanan tahun 1983 dan peraturan-peraturan makanan tahun 1985 telah pun dikuatkuasakan untuk mengawal keselamatan makanan dan penipuan. Di samping itu, Malaysia melalui Kementerian Kesihatan adalah ahli dalam Suruhanjaya CODACS yang bertanggungjawab dalam penyediaan standard makanan antarabangsa. Standard CODACS menjadi rujukan dalam perumusan peraturan makanan dalam tahun 1985.

Kementerian Kesihatan telah mengambil alih COPACS Contact Point Malaysia dari SIRIM sejak tahun 1996. Program persampelan makanan sentiasa dipertingkatkan memandangkan bertambahnya jenis dan bentuk makanan yang ada di pasaran. Ini

dilakukan bagi mengawal dan menjamin makanan-makanan tersebut selamat, mematuhi standard dan sebagainya.

Untuk menampung peningkatan ini, cadangan telah dibuat di bawah dasar baru tahun 1990 bagi memperkukuhkan lagi makmal kawalan mutu makanan di seluruh negara dari segi kemudahan peralatan serta juga penggubalan akta juruanalisa bagi mewartakan ke semua makmal tersebut. Pihak berkuasa tempatan telah diberikan sasaran persampelan. Kerjasama dari pihak berkuasa tempatan diperolehi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa tempatan setiap 3 bulan. Pada masa yang sama, aktiviti persampelan akan dipertingkatkan dengan peningkatan keupayaan makmal-makmal kawalan mutu makanan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah juga menyentuh mengenai perkara berhubung Hospital Batu Gajah iaitu memandangkan Hospital Daerah Batu Gajah hanya 10 km dari Bandaraya Ipoh dengan jaringan jalan raya yang amat selesa. Adalah dicadangkan kementerian mempertingkatkan potensi Hospital Batu Gajah untuk dialihkan daripada perkhidmatan perubatan pakar ke Batu Gajah dan pada masa kini penduduk Batu Gajah hanya dapat rawatan dari pakar sekali dalam seminggu. Ini adalah tidak mencukupi dan lebih ramai doktor pakar haruslah ditempatkan di Hospital Batu Gajah. Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun menyuarakan pendapat seperti ini.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses merancang pelaksanaan konsep 'hospital network' di antara hospital-hospital negeri atau hospital besar dengan hospital-hospital daerah yang berhampiran seluruh negara. Konsep ini adalah sebagai strategi untuk mengatasi masalah kesesakan di hospital negeri dan penggunaan kemudahan yang kurang optima di hospital-hospital daerah. Langkah ini juga bagi tujuan desentralisasi perkhidmatan-perkhidmatan

pakar ke hospital-hospital daerah serta untuk mengoptimalkan penggunaan kemudahan tenaga anggota dan sumber-sumber yang lain di antara hospital-hospital yang berdekatan.

Hospital Batu Gajah adalah salah satu hospital yang akan terlibat dalam projek 'hospital network' yang melibatkan Hospital Ipoh, Hospital Kuala Kangsar, Hospital Tapah dan Hospital Batu Gajah. Beberapa perkhidmatan khusus telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di Hospital Batu Gajah dan projek dijangka dilaksanakan dalam tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Tambun mempersoalkan dengan menswastakan atau mengkorporatkan hospital dan skim insurans. Kerajaan bercadang untuk mengkorporatkan hospital-hospital kerajaan seperti yang telah dirancang di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah melantik sebuah syarikat perunding untuk menjalankan kajian lengkap mengenai cadangan mengkorporatkan hospital-hospital tersebut. Kajian tersebut juga akan mencadangkan skim-skim pembiayaan atau 'health financing' dengan izin, yang perlu dilaksanakan serentak dengan korporatasasi hospital-hospital tersebut.

Skim tersebut adalah untuk memastikan bahawa semua golongan rakyat akan mempunyai akses kepada perkhidmatan perubatan serta memastikan bahawa golongan rakyat yang kurang kemampuan akan terus menikmati perkhidmatan perubatan yang sempurna.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sipitang, Senai dan Kota Melaka ada menyentuh mengenai dengan insentif yang tidak cukup bagi doktor-doktor, bayaran gaji dan lain-lain. Bagi mengelakkan mereka daripada meninggalkan perkhidmatan kerajaan, Kementerian Kesihatan telah pun mengemukakan cadangan pbaikan ke atas Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan dan beberapa kemudahan serta insentif yang lebih baik untuk kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara dan Sipitang juga menyentuh mengenai kekurangan doktor yang tidak mencukupi dan tindakan yang akan kementerian ambil. Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor adalah:

- (i) menambahkan bilangan penuntut jurusan perubatan di universiti tempatan;
- (ii) menghantar pelajar mengikuti kursus-kursus perubatan di luar negara;
- (iii) menambahkan fakulti perubatan di universiti-universiti baru seperti UNIMAS, UIA sebagai tambahan kepada fakulti perubatan yang telah wujud di UKM, UM dan USM;
- (iv) menggalakkan doktor untuk terus berkhidmat dengan kerajaan melalui kemudahan hadiah cuti belajar, memberi elaun bekerja di luar waktu biasa, elaun pakar, elaun 'on calls' serta insentif-insentif lain seperti peluang menghadiri kursus atau seminar sama ada di dalam atau di luar negeri.

Pegawai-pegawai perubatan juga kini berpeluang untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan dengan lebih awal melalui 'open system' yang akan dimulakan;

- (v) mengambil pegawai-pegawai perubatan pakar luar negeri berkhidmat dengan kerajaan secara kontrak; dan
- (vi) mengambil semua pegawai perubatan pakar yang telah bersara untuk berkhidmat secara kontrak.

Dalam pada itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk menggalakkan doktor-doktor warganegara yang berkhidmat di luar negara untuk kembali bertugas secara kontrak melalui tawaran emolumen yang lebih berpatutan dengan pengalaman masing-masing. Di samping itu, kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti mempercepatkan urusan kenaikan pangkat dan juga proses perlantikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mempersoalkan keperluan terhadap Health Education Board untuk meningkatkan proses perkhidmatan kepada orang ramai. Kementerian fikir ini adalah tidak perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh mengenai dengan Manage Health Care Scheme. Saya mahu beritahu di sini bahawa dalam beberapa sesi soal dan jawab, saya sudah beri keterangan dalam perkara ini, jadi saya tidak mahu beri jawapan mengenai perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh mengenai dasar penswastan lima perkhidmatan sokongan hospital dan juga 120 buah hospital dan 4 buah institusi perubatan. Perkhidmatan sokongan ialah pengurusan pembuangan sisa-sisa klinikal, perkhidmatan pembersihan luar dan dalam bangunan kawasan hospital, perkhidmatan linen dan dobi, kemudahan perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan dan perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan biokimikal.

Penswastan perkhidmatan sokongan hospital diberi kepada tiga buah syarikat konsesi untuk 15 tahun, iaitu:

- (i) Syarikat Faber Medicare Sdn. Bhd. untuk negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Sarawak dengan nilai kontrak sebanyak RM269 juta setahun;
- (ii) Syarikat Redicare Malaysia Sdn. Bhd untuk negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Terengganu, Kelantan dan empat buah institusi perubatan iaitu Institusi Penyelidikan Perubatan (IMR), Institut Kesihatan Umum (IKU), Biro Pengawalan Pharmaceutical Kebangsaan dan Pusat Penyelidikan Kesihatan dan Komunikasi dengan nilai kontrak sebanyak RM149 juta setahun; dan

(iii) Syarikat Medivest Sdn. Bhd. untuk negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dengan nilai kontrak sebanyak RM79 juta.

Di bawah penswastaaan tersebut, seramai 2,680 kakitangan akan diberi opsyen untuk menyertai syarikat-syarikat konsesi dan bilangan jawatan yang akan dimansuhkan berikutan penswastaaan perkhidmatan tersebut adalah 3,844.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi Yang Berhormat ingat saya tidak ada, saya masih dengar di luar. Tidak mahu jawab! Tetapi tadi beliau mengatakan bahawa semua ini dikorporatkan sahaja, bukan diswastakan. Jadi, ini keliru sedikit, sekarang dia kata oh... ini akan diswastakan untuk ketiga-tiga syarikat. Jadi, Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengumumkan kepada semua supaya kita tahu, macam mana cara penswastaaan ataupun pengkorporatannya akan menjejaskan orang ramai? Kerana semua rakyat bimbang dengan pengkorporatan ataupun penswastaaan ini, iaitu rakyat yang berpendapatan rendah akan menderita, akan 'dikorbankan' sama sekali.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong salah faham, penswastaaan ialah 'services' seperti yang apa yang saya sebutkan tadi. Penswastaaan hospital tidak ada. Apa yang kita akan adakan pada satu masa yang akan datang ialah pengkorporatan hospital-hospital. Seperti yang diterangkan tadi Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini, boleh lihat dari *Hansard* dan baca, boleh tahu apa yang saya beritahu di situ.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia bangun pula.

Dato' M. Mahalingam: Tidak, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Tidak beri.

Dato' M. Mahalingam: Tidak payah, masa sudah....

Tuan Pengerusi: Tidak beri jalan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Lumut telah menyentuh berkenaan dengan sakit jiwa.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Nanti, dia bercakap fasal Lumut.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana sebelum dia berpindah ke Lumut. Saya hendak tahu pengkorporatan perkhidmatan sokongan seperti Medinvest, Faber Merlin,.....

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalankah?

Dato' M. Mahalingam: Tidak payahlah Yang Berhormat - cukup. Saya sudah sebut beberapa kali di Dewan yang mulia ini, di dalam sesi soal jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum minta jalan, satu kali sahaja.

Dato' M. Mahalingam: Tidak payahlah Yang Berhormat, masa tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Apa yang *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat....

Dato' M. Mahalingam: Okaylah. Satu.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya tahu, kerana saya ada tanya apakah kos, kerana Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa pihak kerajaan membayar RM269 juta, RM149 juta dan RM79 juta kepada ketiga-tiga syarikat ini. Apakah kos sebenarnya perbelanjaan oleh pihak kerajaan? Saya difahamkan kos oleh pihak kerajaan adalah lebih rendah. Kalau begitu, ini merupakan percanggahan dengan penswastan.

Yang kedua, adakah tender terbuka dijalankan dan kalau ia dijalankan, adakah ketiga-tiga syarikat yang mendapat tawaran ini merupakan tender yang paling baik?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, angka-angka yang diminta, saya tidak pegang sekarang, saya boleh beri jawapan secara bertulis mengenai perkara itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Lumut menyentuh mengenai pesakit jiwa di negara kita. Jumlah pesakit jiwa yang mendapat rawatan di hospital atau pusat kesihatan, Kementerian Kesihatan pada tahun 1995 ialah 36,022 dengan 9,935 pesakit.....

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:
[Bangun] [Meninggalkan Dewan]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bangun, ya, hendak bertanyakah? *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam:dimasukkan ke wad-wad.....

Tuan Pengerusi: Dia bangun lama sangat.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah reorganization of mental health and psychiatrist service, dengan izin, yang telah berjalan semenjak beberapa tahun telah dapat meningkatkan, pengendalian masalah berkaitan kesihatan mental dan pesakit-pesakit psikiatri. Ini termasuk pindaan kepada undang-undang yang sedia ada iaitu Mental Disorders Act 1992 dan lain-lain akan digantikan dengan Mental Health Act 1996 yang dalam peringkat akhir pengendaliannya.
- (ii) mengadakan Kempen Kemudahan Kesihatan Mental dengan pelbagai aktiviti di kalangan masyarakat yang bertujuan meningkatkan kesedaran berkaitan penyakit-penyakit psikiatri, pengesanan tanda-tanda dan sebagainya;

- (iii) peningkatan kesihatan mental bagi individu, keluarga dan masyarakat;
- (iv) memperbaiki salah anggap terhadap pesakit-pesakit psikiatri dan lain-lain;
- (v) menambahkan kemudahan kesihatan mental dan psikiatri di hospital-hospital besar dan daerah di seluruh negara; dan
- (vi) memperkenalkan program Community Mental Health melalui Bahagian Kesihatan, Kementerian Kesihatan di mana aktiviti-aktiviti kesihatan mental akan dilaksanakan di peringkat pusat-pusat kesihatan dan masyarakat.

Dengan pendekatan ini pesakit-pesakit yang memerlukan akan lebih mudah mendapat rawatan, bantuan maklumat dan lain-lain dari pusat berhampiran. Dalam program ini juga tumpuan kesihatan mental di sekolah-sekolah akan dipertingkatkan melalui adolescence mental health. Pendekatan ini juga akan meningkatkan penglibatan masyarakat.

Menjelang tahun 1999 dan 2000, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengadakan kempen secara besar-besaran yang bertemakan 'Mental Health'. Kempen 'Healthy Style' yang telah dijalankan dengan cara tidak langsung dapat membantu menangani masalah tekanan dan kesihatan mental.

Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat iaitu perkara kecil dan besar dan pegawai-pegawai ada membuat nota-nota. Jadi, kementerian akan mengambil perhatian serta tindakan. Itulah sahaja jawapan saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,868,400,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,868,400,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM578,538,000 untuk Maksud P.34 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM578,538,000 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40 dan B.41 [Jadual] -
Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 [Anggaran Pembangunan, 1997] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.35 hingga B.41 dan Kepala Pembangunan P.35 hingga P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Gelang Patah.

6.18 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Maksud Bekalan B.35 dan B.36 - Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia sekali gus.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas kesungguhan dan kejayaan pihak Kementerian Dalam Negeri dalam memerangi ancaman bahan bacaan dan video lucah baru-baru ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kebelakangan ini bahan lucah sama ada dalam bentuk bercetak mahupun dalam bentuk video nampaknya telah dikeluarkan secara besar-besaran oleh sindiket atau individu tertentu, sehingga menjadi begitu mudah diperolehi oleh mereka yang berminat. Oleh kerana percetakan atau pengeluarannya yang dilakukan secara besar-besaran, harga jualan buku-buku lucah dan video lucah ini telah

berkurangan kepada paras yang mampu dibeli atau disewa oleh pelajar-pelajar sekolah menengah.

Melimpahnya bahan lucah dalam negara kita merupakan satu gejala sosial yang perlu diambil berat dan harus ditangani dengan serius. Ini adalah kerana masalah ini berkaitan rapat dengan gejala hubungan seks yang tidak terkawal khasnya di kalangan generasi muda sehingga mencetuskan satu siri masalah sosial yang lain, termasuklah kes-kes rogol, masalah pembuangan bayi luar nikah yang baru lahir, masalah merebaknya penyakit AIDS dan seumpamanya.

Tuan Pengerusi, kita perlu sedar bahawa kelangsungan pembangunan dan pencapaian yang kita kecapai pada hari ini bergantung kepada kecemerlangan generasi akan datang. Justeru itu, kita mempunyai tanggungjawab untuk melindungi rakyat Malaysia amnya dan pemuda-pemudi khasnya daripada diracuni pemikiran mereka oleh buku-buku atau video-video yang memaparkan elemen-elemen yang tidak bermoral ini.

Memandangkan buku-buku dan video-video lucah ini bukan sahaja mendatangkan pengaruh negatif terhadap perkembangan personaliti seorang individu, bahan-bahan ini juga menjejaskan masa depan bangsa dan negara. Maka kita tidak harus bertoleransi terhadap sebarang aktiviti mencetak, mengedar, membekal atau menjual bahan-bahan lucah dalam negara kita. Nampaknya apa yang dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan ancaman bahan-bahan lucah kebelakangan ini berada dalam landasan yang betul dan saya menyokong sepenuhnya tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa dengan semakin popularnya Internet, bahan lucah dalam bentuk elektronik juga semakin mudah diperolehi oleh golongan yang celik komputer. Sehubungan itu saya menyarankan supaya strategi pihak berkuasa dalam menangani masalah ini dapat turut diperkemaskan supaya sebarang saluran yang

berpotensi menyajikan elemen-elemen yang bertentangan dengan nilai moral masyarakat kita dapat ditutup dengan sebaik mungkin.

Di samping itu, tentulah rakyat tempatan juga perlu dididik sama ada dalam kelas agama atau kelas tatasusila di sekolah mahupun melalui kempen umum untuk mereka yang telah dewasa, supaya pandai memilih apa yang baik untuk mereka dan menjauhkan diri dari sebarang sumber yang akan merosakkan akhlak mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin ambil kesempatan ini membangkitkan satu lagi isu yang pada pendapat saya, amat memudaratkan masa depan generasi muda. Kebelakangan ini saya telah menerima banyak aduan daripada penduduk di kawasan saya dan juga daripada penduduk di sekitar Johor Bahru mengenai kegiatan pusat hiburan mesin-mesin permainan haram di sekitar Johor Bahru. Menurut jangkakan para ibu bapa yang amat mengambil berat tentang perkara ini terdapat hampir 100 pusat hiburan mesin-mesin permainan yang beroperasi secara haram di sekitar daerah Johor Bahru. Kebanyakan pusat hiburan haram ini beroperasi dalam premis jenis kedai atau rumah yang berdekatan dengan sekolah-sekolah. Walaupun pusat-pusat hiburan haram ini tidak mempunyai papan tanda perniagaan tetapi oleh kerana lokasi mereka yang dekat dengan kawasan sekolah maka terdapat pusat-pusat hiburan haram yang sedemikian tidak susah diketahui oleh pelajar-pelajar yang berminat.

Menurut apa yang dimaklumkan kepada saya, pelajar-pelajar khasnya pelajar sekolah menengah akan berkunjung ke pusat-pusat hiburan sedemikian apabila mereka sampai awal di sekolah atau selepas waktu sekolah. Terdapat juga aduan yang mengatakan pelajar-pelajar ponteng sekolah secara beramai-ramai untuk bermain di pusat-pusat hiburan haram itu. Saya menyatakan bilangan pelajar yang menghabiskan masa dan wang di tempat-tempat itu akan bertambah selepas musim peperiksaan dan musim cuti sekolah tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, terdapat beberapa sebab yang menjadikan saya cukup risau dengan kegiatan sedemikian. Yang pertama, menurut apa yang didedahkan oleh seorang pegawai kanan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor dalam satu ceramah baru-baru ini, kegiatan pertubuhan haram atau gangsterisme telah meresapi hampir semua sekolah menengah di negeri Johor dan pada hemat saya pusat-pusat hiburan yang haram ini akan menjadi pemangkin kepada masalah gangsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah.

Yang kedua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa kebelakangan ini pil-pil khayal ecstasy telah banyak diedarkan secara haram dalam pasaran terutamanya dijual kepada pemuda pemudi yang suka mencuba apa yang mereka sifatkan sebagai sensasi yang luar biasa dan saya percaya pusat-pusat hiburan yang haram ini juga menjadi tempat pembekal-pembekal atau agen-agen pil ecstasy, menjual dadah ini kepada pemuda dan pemudi.

Yang ketiga, oleh kerana pusat-pusat hiburan haram ini beroperasi tanpa memiliki sebarang lesen maka saya percaya tentulah susun atur dalam premis kedai atau rumah itu tidak mematuhi kehendak peraturan bomba dari segi pencegahan kebakaran dan laluan keluar kecemasan ketika kebakaran. Kita juga tidak tahu berapa ramaikah bilangan pelajar atau pemuda yang berada dalam bangunan tersebut pada satu-satu masa kerana pintu pusat-pusat hiburan sedemikian ditutup hampir setiap waktu.

Sekiranya berlaku kebakaran tentulah apa yang terjadi adalah seperti mana keadaan yang terjadi dalam satu kes kebakaran baru-baru ini yang melibatkan sebuah rumah di Petaling Jaya yang diubahsuai secara haram. Iaitu banyak nyawa yang akan terkorban kerana mereka yang berada dalam bangunan ini tidak sempat melarikan diri.

Tuan Pengerusi, menurut seorang penjaga yang telah lama memerhatikan kegiatan pusat-pusat hiburan yang haram ini. Beliau pernah melihat polis menyerbu salah satu

pusat hiburan haram dan nampak beberapa buah mesin permainan dikeluarkan daripada tempat itu. Namun, apa yang cukup memelikkan beliau ialah beberapa hari kemudian, mesin-mesin permainan tersebut telah dipindahkan ke satu pusat hiburan haram lain yang berdekatan.

Menurut logik beliau, kegiatan sedemikian dilakukan oleh satu sindiket yang agak besar dan berkemungkinan besar melibatkan beberapa orang pegawai polis yang menyalahgunakan kuasa. Sehubungan dengan itu saya berharap pihak Jabatan Polis dapat mengambil berat tentang perkara ini. Dengan kata-kata demikian, saya sokong maksud bekalan ini dan sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Klang.

Dr. Tan Yee Kew [Klang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin memperkatakan tentang B.35, Program 031100 - Pembentukan Pasukan Petugas Pekerja Asing.

Sebanyak RM11.6 bilion telah diperuntukkan untuk membentuk pasukan petugas tersebut. Jika diambil kira jumlah pekerja asing yang berada di dalam negara dan keperluan masa depan serta tenaga yang diperlukan untuk pengambilan dan memproses permohonan, jumlah ini adalah sewajarnya tetapi pembentukan pasukan petugas ini di bawah Kementerian Dalam Negeri telah pun menimbulkan kekeliruan. Saya ingin kemukakan beberapa soalan yang memerlukan penerangan daripada pihak menteri.

Pertama sekali, saya ingin tahu, adakah ianya akan menjadi sesuatu yang kekal kerana nama 'pasukan petugas' adalah memberi maksud sesuatu yang tidak kekal? Keduaanya, saya ingin mengetahui, mengapakah pasukan petugas bagi pekerja asing ini tidak diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang sepatutnya merancang dan mengawasi polisi dan masalah buruh di negara ini?

Tuan Pengerusi, Malaysia sedang pesat membangun menuju ke arah menjadi sebuah negara perindustrian. Seperti juga negara-negara maju dan negara-negara perindustrian yang lain di dunia ini sama ada kita bersetuju atau tidak, keperluan dan kehadiran pekerja-pekerja asing tidak dapat dielakkan khususnya dalam sektor industri pembinaan dan perladangan. Oleh itu kita harus lebih realistik dalam pendekatan dan usaha menghadapi isu pekerja asing kita.

Walaupun kita bertujuan mengurangkan angka pekerja asing ke tahap minimum, kita masih memerlukan perancangan jangka panjang dan pembentukan sebuah jabatan yang tepat, tetap untuk mengendalikannya.

Buat masa sekarang apa sahaja yang melibatkan isu pekerja asing adalah diselesaikan secara *ad hoc*. Peraturan-peraturan sering berubah sehinggakan bukan sahaja pihak majikan yang menghadapi kesukaran, bahkan kadangkala pegawai-pegawai yang terlibat juga menghadapi kekeliruan. Umpamanya, apabila kerajaan baru-baru ini membuat pengumuman bahawa majikan tidak dibenarkan membuat permohonan untuk mendapatkan pekerja asing dari negara asal mereka tetapi harus mendapatkan mereka daripada kem tahanan pendatang asing, ianya telah menimbulkan sedikit kekeliruan.

Beberapa pengusaha kilang di Klang telah pun pergi ke kem tersebut untuk membuat permohonan bagi mendapatkan pekerja-pekerja asing tetapi telah diberitahu tidak ada yang boleh dipohon. Saya sendiri telah cuba menghubungi melalui telefon pihak pasukan petugas lebih daripada 10 kali, tetapi malangnya tiap kali, sama ada telefon tidak berjawab ataupun saya diberitahu pegawai yang bertanggungjawab tidak ada. Saya faham bahawa pasukan petugas ini menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Dengan peruntukan yang baru ini, saya jangka segala kelemahan dalam pentadbiran akan dapat diatasi terutama sekali apabila pasukan petugas ini telah dibentuk dengan baik.

Walau bagaimanapun, soal pokoknya ialah sama ada Kementerian Dalam Negeri harus diberi tanggungjawab dalam soal permohonan dan pengawasan pekerja-pekerja asing ataupun tidak masih perlu dibahaskan. Saya berpendapat bahawa Kementerian Dalam Negeri seharusnya diberi kuasa dalam aspek-aspek imigresen dan keselamatan negara akibat kemasukan pekerja asing, manakala keseluruhan perkembangan polisi, perancangan jangka panjang, mengatur dan memproses permohonan pekerja asing harus diselenggarakan oleh Kementerian Sumber Manusia yang telah sedia ada kemahiran dan pengalaman dalam bidang ini. Sememangnya pekerja asing juga adalah sebahagian daripada sumber manusia. Saya harap kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya atas cadangan ini.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tenom.

6.33 ptg.

Tuan Radin Malleh [Tenom]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya merujuk kepada Butiran 050000 dan 060000 dalam Maksud Bekalan 36 Polis DiRaja Malaysia.

Kerap kali terdengar keluhan daripada kalangan pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis, begitu juga daripada Ahli-ahli Parlimen yang prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan hidup pegawai-pegawai dan anggota-anggota Polis DiRaja Malaysia di negara kita ini.

Kita semua tahu bahawa pasukan polis adalah berlainan daripada jabatan-jabatan kerajaan yang lain dari segi jenis tugas dan juga tanggungjawabnya terhadap menangani keselamatan dalam negeri. Namun, kita kasihan melihat dan mengetahui bahawa keadaan kehidupan mereka tidak begitu dijaga ataupun kesejahteraan hidup mereka kurang mendapat perhatian. Pasukan polis menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka tidak mengira

hari dan waktu, seperti juga pekerja-pekerja di hospital ataupun rumah sakit. Pihak polis juga terdedah kepada ancaman keselamatan terhadap diri mereka yang juga keluarga mereka sama ada mereka bertugas di dalam bahagian Jenayah, Cawangan Khas, Trafik dan sebagainya.

Keselamatan mereka boleh dikatakan tidak terjamin. Tugas mereka sungguh berlainan sekali dengan tugas-tugas yang duduk diam di dalam pejabat sahaja. Menyedari hakikat ini, maka saya memohon kepada kerajaan supaya memberi insentif kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis seperti menyediakan rumah yang selesa didiami, elaun ataupun gaji yang lumayan setimpal dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Begitu juga risiko yang mereka hadapi. Sekarang ini ramai pegawai dan anggota polis yang merungut tidak ada tempat tinggal, gaji terlalu rendah, lebih rendah daripada lain-lain jabatan.

Sehubungan dengan itu, saya juga difahamkan bahawa pegawai-pegawai polis yang ditukar bertugas dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung diberi elaun yang lebih rendah berbanding mereka yang ditukarkan bertugas dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Begitu juga tempat tinggal ataupun rumah kediaman tidak disediakan kepada mereka yang ditukar ke Semenanjung. Ini bukan sahaja menafikan mereka daripada kelayakan elaun yang seimbang tetapi ini juga akan menjejaskan efisiensi dan produktiviti mereka, seterusnya akan dapat menimbulkan perasaan kurang minat terhadap kerjaya di dalam pasukan polis.

Seperkara lagi ialah berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang oleh Cawangan Trafik di jalan raya. Saya berpendapat penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk mengurangkan ataupun membendung kadar kemalangan jalan raya. Matlamat pokok ialah mengurangkan kadar kemalangan jalan raya serendah yang

mungkin tetapi dengan mengeluarkan saman yang beribu-ribu banyaknya sehari terhadap pesalah trafik, bukanlah suatu penyelesaian terhadap masalah ini.

Saya berpendapat adalah lebih baik tindakan bersepadu di antara Cawangan Trafik, JPJ dan penguatkuasa tempatan serta agensi-agensi yang berkaitan harus dilaksanakan. Saya fikir memberi pembelajaran kepada pengguna jalan raya adalah lebih berkesan daripada mengeluarkan beribu-beribu saman sehari. Para pengguna jalan raya mestilah diberi pembelajaran terhadap tanggungjawab dan peranan mereka apabila berada di jalan raya.

Begitu juga papan-papan tanda (road furniture) dan tanda-tanda jalan raya (road marking) mestilah dilengkapi ataupun dikemaskinikan. Dalam masa yang sama mungkin pameran-pameran kemalangan jalan raya harus diadakan di daerah-daerah di mana kemalangan jalan raya sering berlaku. Dengan adanya tindakan bersepadu ini, maka saya percaya dan yakin bahawa akan timbul kesedaran dan keinsafan di antara para pengguna jalan raya.

Akhir sekali di dalam maksud bekalan ini saya memohon kepada pihak polis supaya membolehkan seperti sedia kala penjualan peluru di kedai-kedai yang berlesen di Sabah kerana semenjak kes Vincent Teo dan juga Alfred Chin pada tahun lalu, penjualan peluru di kedai yang berlesen telah dihentikan sehingga sekarang. Malah, saya difahamkan bahawa ada sesetengah kedai yang berlesen di Kota Kinabalu, Keningau, Sandakan dan Tawau sekarang ini secara senyap-senyap menjual peluru terlalu mahal harganya sehingga satu biji peluru RM5 iaitu peluru bagi senapang patah. Oleh itu, saya memohon kepada pihak polis supaya membolehkan penjualan peluru seperti sedia kala di Sabah dengan kepentingan rakyat keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000 bagi Maksud Bekalan 39, menurut Pegawai Perhubungan JPN, Puan Rosilawati binti Alias semasa ditemuramah di ruangan MHI TV3

27hb. November 1996 bahawa ada lebih kurang 1 juta lagi kad pengenalan biru belum lagi ditukar kepada KPT. Oleh kerana tidak sampai sebulan lagi tempoh yang ditetapkan untuk memperbaharui kad pengenalan ini, maka kita memohon kerajaan akan menimbang untuk melanjutkan tempoh ini bagi mereka yang mempunyai sebab-sebab yang konkrit dan munasabah supaya dibenarkan memperbaharui kad-kad pengenalan mereka tanpa dikenakan denda apa-apa. Ini akan memberikan manfaat kepada mereka terutama sekali yang tinggal jauh terpencil di luar bandar.

Dalam hubungan ini juga saya juga mengingatkan JPN supaya lebih berhati-hati terutama sekali di Sabah agar tidak tersalah membaharui kad-kad pengenalan palsu yang dimiliki oleh pendatang-pendatang asing kerana banyak sudah contoh dan bukti bahawa ramai pendatang asing telah memiliki kad pengenalan yang bermutu tinggi ataupun KPT. Dalam hubungan ini, saya minta pihak kementerian untuk memeriksa dan menyiasat lebih terperinci bagaimana orang yang ditahan di bawah ISA iaitu Abjan Mohamad dan Basit Kadatuan boleh memiliki kad pengenalan biru dan seterusnya KPT.

Begitu juga kita meminta kepada kerajaan supaya jangan membenarkan resit JPN1/9 dan JPN1/11 digunakan sebagai pengenalan diri apabila pergi mengundi semasa pilihan raya. Sepatutnya hanya kad pengenalan, iaitu sekarang ini KPT ataupun passport sahaja yang dibenarkan kerana penggunaan resit JPN1/9 dan juga JPN1/11 ini boleh dibuatkan untuk tujuan menipu. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Mas.

6.41 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin serta membahas dalam peringkat Jawatankuasa mengenai Kementerian Dalam Negeri. Empat perkara yang ingin saya bangkitkan, iaitu yang pertama Pengurusan

Keselamatan, dalam Program Aktiviti 020100 - Keselamatan dan Ketenteraman Awam muka surat 288..

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan banyak terima kasih oleh kerana pasukan polis ataupun Kementerian Dalam Negeri adalah satu kementerian yang penting sekali di mana kementerian ini dapat mengawal keadaan keselamatan di dalam negara secara keseluruhan. Di kawasan saya di Bukit Mas, sebagai Wakil Rakyat di sana saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih oleh kerana pasukan polis sentiasa bekerjasama dengan wakil rakyat, baik wakil rakyat biasa seperti saya dan juga menteri-menteri di kawasan itu, khususnya oleh kerana di kawasan Bukit Mas ada empat sempadan; dua sempadan di negara Brunei Darussalam, satu sempadan di Kalimantan, Indonesia dan satu di sebelah Sarawak.

Bermakna sekiranya keadaan keselamatan ataupun kawalan ini tidak dapat dikawal dengan baik, mungkin banyak masalah sosial seperti yang dihadapi oleh rakan saya di sebelah sana daripada Sabah. Tetapi kita mengucapkan banyak terima kasih kepada polis oleh kerana apabila kita mengutarakan apa-apa segala masalah spesifik, mereka akan bergerak dengan tidak ada apa-apa alasan. Di dalam pilihan raya yang sudah lalu juga kita mengucapkan banyak terima kasih oleh kerana pihak polis pun bekerjasama sebelum pilihan raya dan sampai habis pilihan raya. Itulah sebab di kawasan saya ketiga-tiga ADUN menang tanpa bertanding kerana keadaan aman sekarang. Terima kasihlah kepada pihak polis. Inilah suara kita dari Barisan Nasional kalau ada kredit, dengan izin, we give credit where credit is due.

Sehubungan dengan perkara ini, dengan keselamatan dan ketenteraman awam tadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sendiri mengenai seorang rakyat saya dari kawasan Bukit Mas, dengan izin, environmentalist, Anderson Mutang Urut. Beliau sekarang saya difahamkan berada di British Columbia di Kanada. Sebetulnya, di

dalam penggal pertama, saya banyak kali berusaha untuk berbincang mengenai beliau dan pernah berjumpa dengan Menteri Luar Negeri sendiri. Tetapi malangnya, baru-baru ini pihak rakan sebelah sana, pembangkang DAP khususnya di Sarawak, pihak kita di sana ingin menyatakan kepada kerajaan negeri Sarawak menjadi hubungan di antara kerajaan negeri dan Anderson Mutang Urut. Untuk maklumat Tuan Pengerusi, Anderson Mutang datangnya daripada Long Napir, di kawasan Bukit Mas, kawasan di mana Bruno Munser sebelum saya menjadi Ahli Parlimen sentiasa berada.

Tujuan saya bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri bagaimanakah kedudukan sekarang? Saya difahamkan waktu saya ada perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, pasport Anderson Mutang belum diperbaharui, dan juga beliau ada kes mahkamah di negeri Sarawak. Saya ingin bertanya soalan spesifik, bagaimanakah kedudukan sekarang? Kalau kita boleh bantu sebagai Wakil Rakyat, kita bantu, tetapi mengikut cara undang-undang yang betullah. Tidak payah DAP bercakap menjadi jambatan kepada Anderson Mutang dengan kerajaan negeri Sarawak sebab saya masih ada sebagai Wakil Rakyat Bukit Mas. Saya sentiasa balik ke kampung. Yang kedua, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab secara terperinci supaya kita dapat beritahu kepada DAP jangan suarakan masalah yang tidak ada kaitan dengan mereka.

Mengenai P.35, di bawah Tajuk - Rela, Butiran 00500, muka surat 293. Saya ingin bertanya di sini, pada tahun akan datang, iaitu 1997 berapakah peruntukan yang diagihkan atau khas untuk negeri Sarawak? Dan saya juga ingin bertanya kepada kementerian, berapakah unit Rela di Sarawak sekarang ini, secara khusus dan spesifik di kawasan Bukit Mas? Saya ingin bertanya juga sebab memang saya tahu apa yang berlaku di sana. Saya ingin bertanya apakah kriteria ataupun ciri-ciri yang diambil kira oleh kementerian ataupun Pengarah Rela untuk menubuhkan satu unit Rela? Tujuan saya bertanya oleh kerana apabila saya berjumpa dengan pegawai-pegawai Rela di kawasan

saya, Bukit Mas, oleh kerana kawasan ini juga betul-betul memerlukan pasukan Rela oleh kerana banyak sempadan yang kita jaga. Kita menjaga sempadan negeri Brunei dua sempadan. Sabah, seperti yang saya katakan tadi, Kalimantan, Indonesia juga, di Bario, di Ba Kelalan.

Oleh kerana itu, kalau boleh tambah lagi unit. Ini permintaan spesifik di Bukit Mas. Sekarang ini saya difahamkan hanya dua unit Rela di Limbang dan Lawas. Saya minta spesifik, kalau tidak ada peruntukan kewangan, beri peruntukan kewangan, tambah dua unit untuk sempadan Sabah dan Sarawak di Merapok dan di sempadan Brunei dengan Sarawak, di Tedungan. Kalau boleh, tolong minta. Ini untuk memudahkan kawalan keselamatan di kawasan-kawasan tertentu.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 00200 di bawah Tajuk - - Bangunan, iaitu Balai-balai dan Pondok Polis. Dan juga sehubungan dengan ini, saya ingin membangkitkan perkara yang sama, Butiran 00700 - Pasukan Polis Hutan, iaitu di bawah Tajuk - Bangunan. Saya ingin bertanya satu soalan spesifik di sini, iaitu memandangkan pasukan polis ataupun pegawai-pegawai polis dan staf-staf, kita harus mengambil kira keadaan dan kedudukan ataupun suasana yang mereka menjalankan tugas. Seperti yang saya katakan tadi, saya berterima kasih kepada pasukan polis. Malangnya, Tuan Pengerusi, tempat mereka yang bertugas, tempat kediaman, balai-balai dan pondok-pondok itu boleh dikatakan tidak begitu standard.

Kadang-kadang kita pun kasihan juga kepada mereka yang bertugas betul-betul untuk mengawal keselamatan. Secara spesifik saya ingin bertanya, misal kata di kawasan sempadan Sabah dan Sarawak banyak kali saya utarakan masalah ini. Baru-baru ini saya balik mengikut Kota Kinabalu, 3 jam setengah sampai ke kawasan saya di Lawas. Terpaksa di sempadan Merapok dan Sindumin, iaitu Sabah dan Sarawak seperti yang

dibangkitkan oleh rakan saya dahulu Yang Berhormat dari Sipitang, dalam jarak jauh 10 yards, ada pasukan polis Sabah dan Sarawak.

Saya tidak setuju ini, kalau boleh, keadaan mereka yang menjalankan tugas di pondok polis itu pun tidak seronok - maaf, ini cakap terus terang. Kalau boleh tubuhkan satu yang baik supaya semua, polis Sabah dan polis Sarawak sama-sama bertugas dalam satu pejabat. Baru keadaan tidak tegang.

Saya memang faham kita di Sarawak, sebetulnya mengawal keadaan keselamatan dan kemasukan pendatang tanpa izin di kawasan sempadan, tetapi jangan buat perkara seperti itu. Bila saya berhenti di pondok polis Sabah, berhenti di pondok polis Sarawak, memang orang Sarawak kenal saya - dia tengok, saya Ahli Parlimen Bukit Mas, dia terus benarkan. Tetapi untuk rakyat lain, mereka 'stop' - berhenti 15 minit, pergi sebelah 15 minit. Sebetulnya, pihak polis pun tidak mahu bertugas dalam keadaan seperti itu, kalau boleh, keadaan pondok polis di kawasan Marapok dan kawasan Sidumin diperbaiki dan dibuat dengan selesa - apa salahnya? Dengan izin, give them air-condition room.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Pasukan Polis Hutan, saya ingin bertanya soalan yang spesifik kerana saya pernah melawat dua tempat saudara-mara saya dan keadaan bangunan kediaman Pasukan Polis Hutan di Limbang, Miri dan Kuching, saya rasa perlu diambil kira. Kalau boleh, bina semula, dengan izin, build the new one for them. Oleh kerana mereka ini selepas bertugas 8 jam atau 10 jam, balik ke rumah kediaman, kalau tidak selesa, mereka bangun besok pagi, susah lagi. Bayangkan, dengan izin, if that is our condition. Maksud saya di sini, kalau boleh, saya ingin bertanya adakah perancangan untuk membina semula ataupun kita tengok di sini ada peruntukan RM25,850,000, adakah ini diperuntukkan untuk seluruh negara ataupun berapakah untuk negeri Sarawak untuk tahun hadapan?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya gulung. Akhir sekali ialah mengenai Jabatan Imigresen B.37 - Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman, Butiran 00100. Ini juga saya ingin bertanya mengenai apakah perkembangan pembangunan untuk kawasan sempadan di Sabah dan Sarawak iaitu di Merapuk dan Sidumin? Saya berterima kasih kerana masa dahulu kementerian mengatakan akan merancang untuk membina - ini untuk Jabatan Imigresen dan di Tedongan dan di Pendam, di kawasan Brunei/Limbang - saya ingin bertanya adakah perancangan untuk membina supaya dapat mengawal kemasukan pendatang-pendatang atau pun pelancong tempatan dari negara jiran?

Tuan Pengerusi, sekian sahaja dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Pilah.

6.55 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di sini izinkan saya menyentuh mengenai B.36 - Pasukan Polis DiRaja Malaysia, di bawah Butiran 010200 - Pentadbiran Am dan Perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan, melalui Dewan yang mulia ini, dalam masa yang seberapa singkatnya, agar tabung pahlawan yang dinikmati oleh kumpulan pasukan atau pun bekas-bekas anggota tentera Malaysia, wajar diberi pertimbangan yang sewajarnya dan seadil-adilnya supaya ia juga melibatkan dan meliputi anggota-anggota polis dan bekas-bekas Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekarang ini kita semua sedia maklum, bahawa semenjak dahulunya, semenjak pemerintahan penjajah lagi, telah wujud satu tabung yang dinamakan "Poppy Day" atau pun "Tabung Pahlawan". Malangnya, apabila perubahan berlaku dan Polis DiRaja Malaysia di wujudkan, di waktu pemerintahan selepas merdeka, tabung ini tidak meliputi anggota-anggota Polis DiRaja Malaysia, keadaannya terhadap kepada angkatan tentera Malaysia sahaja. Sebagai salah seorang pegawai polis yang

telah lama berkhidmat di dalam pasukan polis, saya berpendapat, kerana pengorbanan Polis DiRaja Malaysia, kalau diambil dari segi statistiknya, semenjak Polis DiRaja menghadapi semasa darurat dahulu, menentang segala keadaan dan peranan Polis Di Raja sebagai pramilitari di negara ini, sama ada Polis Hutan, Laut dan Udara, jelas sekali, Pasukan Polis memainkan peranan yang begitu aktif dari segi keselamatan.

Kita tidak mahu mengusik dari segi peranan sahabat kita di dalam angkata tentera, tetapi jelas sekali, statistik menunjukkan pengorbanan yang begitu banyak, yang mati pun banyak berlaku di kalangan Polis DiRaja Malaysia. Apakah salahnya definisi istilah pahlawan itu meliputi Polis DiRaja juga? Saya ingin menyarankan.

Tuan Pengerusi, kedua, melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin menyarankan juga supaya Polis DiRaja Malaysia perlu membuat kajian serius supaya mewujudkan satu perubahan skim perkhidmatan dan tangga gaji yang baru, sesuai dengan keadaan dan kecanggihan teknologi moden sekarang ini. Kita semua sedia maklum bahawa dahulunya, dengan keadaan pasukan polis ini tidak begitu diminati oleh ramai orang untuk menganggotainya, tetapi sekarang ini keadaan dan tanggungjawab polis sebagai satu badan yang bertanggungjawab dari segi keselamatan dan ketenteraman awam, maka perlu dipertingkatkan, maksud saya tadi, kelulusan memasuki Polis DiRaja Malaysia, kalau dahulunya, sebagai seorang konstabel hanya berkelulusan Darjah 6 ataupun LCE pun sudah boleh menjadi seorang konstabel, tetapi sekarang ini keadaan telah berubah dan sejajar dengan keadaan semasa, kelulusan sebagai konstabel dinaikkan ke taraf SPM ke atas dan kemasukan inspektor, saya cadangkan, daripada kelulusan Diploma pengajian/pendidikan dan ke atas.

Begitu juga bagi kadet ASP ataupun kadet Penolong Penguasa Polis, kalau dahulunya, sesiapa yang berkelulusan General Degree pun boleh masuk, awal-awalnya Sijil Tinggi Persekolah pun boleh, tetapi sekarang ini, kerana keadaan sudah berubah,

wajar juga dipertingkatkan daripada kelulusan Hons. Degree ke atas. Ini apabila dapat diwujudkan dari segi skim perkhidmatan dan tangga gaji yang baru, barulah menampakkan kecanggihan dan kehebatan Pasukan Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, saterusnya, saya juga ingin menarik perhatian kepada keadaan pangkat-pangkat dalam Polis DiRaja Malaysia. Dari segi kumpulan rank and file, Konstabel, Koperal, Sarjan, Sarjan Mejar dan Sub-Inspektor. Bagi pegawai-pegawai kanannya pula, daripada Inspektor sampailah ke Commissioner level. Saya menyarankan, kalau boleh pasukan Polis DiRaja, dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan kelulusan kerajaan mewujudkan satu, yang dipanggil berkelompokan pangkat atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, bending of rank. Maksudnya di sini, Pasukan Polis DiRaja Malaysia, untuk membolehkan seberapa ramai anggotanya, sebagai contoh, dari kumpulan konstabel, Lans Koperal dan Koperal, tidak perlu diadakah satu temuduga (interview) untuk naik pangkat.

Bagi kumpulan konstabel, Lans Koperal ini, adakan advancement of rank sahaja. Ini membolehkan mereka, dengan persetujuan jabatan di tiap-tiap komponen pasukan polis itu memberi satu cadangan dan persetujuan untuk mereka dinaikkan pangkat ke tahap itu dengan gaji sekian-kian. Ini untuk membolehkan bagi seseorang konstabel itu - mula-mula dia masuk sebagai mata-mata, sampai mati pun mata-mata, saya fikir tidak wajar juga - setidak-tidaknya mereka ini dinaikkan ke Koperal sebagai advancement sahaja. Begitu juga dengan kumpulan Sarjan Mejar. Begitu juga dengan Sub-Inspektor itu - dia memang ada, hanya sekumpulan kecil sahaja yang menjawat jawatan sebagai sub-inspektor.

Bagi kumpulan Inspector pula, dia ada dua kategori, satu inspector dan Ketua Inspector. Kenaikan Inspector ke Ketua Inspector sebagai advancement dan begitu juga ASP sampai ke commissioner level. Di sini untuk memberi satu insentif dan galakan

untuk menarik lebih ramai lagi anggota tanpa mengira races dan sebagainya menyertai Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya ingin menyentuh dari segi kedudukan 010200 berkenaan adanya

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, izinkan sedikit sahaja lagi!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak, Hulu Langat bangun.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Ya, ya, silakan.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya amat berminat dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah tentang kenaikan pangkat. Saya hendak bertanya, apa pandangan Ahli Yang Berhormat, adakah Ahli Yang Berhormat juga hendak mencadangkan supaya mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang bagus ini diberilah tempat yang bagus juga. Saya ada satu contoh, di mana seorang pegawai polis yang mempunyai Ph.D, dua masters dan dua BA sekarang ini masih lagi timbalan penguasa polis sahaja. Adakah Ahli Yang Berhormat juga hendak mencadangkan supaya pegawai begini diberikan tempat yang lebih wajar?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Ahli Yang Berhormat pun begitu prihatin dengan keadaan anggota Polis DiRaja Malaysia. Saya sangat bersetuju kerana hari ini dalam pasukan polis, begitu hebat dari segi semangat dan penyertaan lebih ramai pegawai untuk mencari dan mempertingkatkan ilmu mereka. Sebaik-baik mereka mencapai ke ilmu yang begitu

tinggi ataupun mendapat kelulusan yang lebih baik, sudah sewajarnya mereka ini diberi kenaikan pangkat atau jawatan yang lebih bertanggungjawab. Kerana kita hari ini bukan persoalan dari segi lamanya mereka itu berkhidmat, kebolehan dan keupayaan mereka itu perlu juga diambil kira.

Dan kalau kita lihat sekarang ini, boleh juga kita memberi peluang kepada anggota di peringkat bawah juga untuk menggalakkan mereka ini untuk terus mencari ilmu, jangan dihalang mereka ini untuk pergi melanjutkan pelajaran mereka ke universiti dan sebagainya. Kerana ini akan memberi satu insentif, satu imej baik kepada pasukan polis.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh dari segi 010200 - Pentadbiran Am. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada lebih kurang 40 ke 50 anggota pegawai kanan Polis DiRaja Malaysia yang berpangkat ASP sampai ke Superintendent. Perkara ini sudah perkara lama. Tetapi malangnya, mereka ini ialah kumpulan pegawai berdisiplin, tidak ada tempat hendak mengadu. Saya ingin menyarankan melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan di sini, kumpulan ini adalah kumpulan kalau difikirkan tidak logik sekali. Katalah mereka pegawai yang berpangkat ASP lebih efisien, lebih begitu bertanggungjawab, naik pangkat lebih awal, mendapat gaji lebih bawah daripada pegawai yang tidak naik pangkat, masuk bekerja sama, berpangkat Chief Inspector, ekoran daripada pengubahsuaian Suffian Report kepada Cabinet Report.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah diperakui dan dipersetujui, anamoli ini diakui oleh pihak JPA, tetapi JPA tidak buat apa-apa dan keadaan ini telah berterusan dialami kerugiannya oleh sekumpulan 40 ke 70 orang anggota pegawai yang hari ini menjawat jawatan sebagai superintendent, commissioner dan sebagainya.

Apakah salahnya, Kementerian Dalam Negeri, JPA dan kerajaan memberi balik apa yang mereka berhak, kerana kalau dibawa ke mana-mana sekalipun, tak patut sekalilah, kalau pegawai lebih berpangkat tinggi mendapat gaji yang lebih bawah

daripada yang pangkat rendah. Di sini, saya ingin menarik perhatian supaya tak payahlah kalau sekiranya pihak JPA menyatakan: “It is unfortunate case”. Ini tidak unfortunate, ini kesilapan yang perlu kita perbetulkan.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya ingin menarik perhatian kepada Maksud B.35, Program 031100 - peranan dan tanggungjawab Penubuhan Pasukan Petugas Pekerja Asing.

Tuan Pengerusi, sekarang ini kita semua sedia maklum, negara kita begitu membangun, begitu baik ekonominya, orang luar begitu berminat datang ke negara kita. Dan kita telah wujudkan satu pegawai petugas. Saya ingin mengesyorkan melalui Dewan yang mulia ini, supaya setiap anggota dan pegawai yang dipertanggungjawabkan tentang pekerja asing perlulah betul-betul menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, ikhlas dan jujur. Janganlah di antaranya bekerja sebagai kata pepatah Melayu, *‘harapkan pagar tetapi pagar makan padi, harapan sokong, sokong membawa runtuh’*. Andainya berlaku di mana-mana pihak pegawai atau anggota yang diberi tanggungjawab ini menjalankan sesuatu kesilapan dan penyelewengan, sudah sewajarnya saya sarankan, tindakan tegas undang-undang patut diambil terhadap mereka.

Tuan Pengerusi, kerana sekarang ini, masalah pendatang asing ke negara kita, bukan satu perkara kecil. Mereka ini telah mengambil kesempatan dan telah pun mendapatkan jawatan yang tak sepatutnya diberi kepada mereka dan telah mengambil kesempatan untuk warganegara kita menjawatnya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Maksud B.35.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: Ya?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa Yang Berhormat sudah suntuk!

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Kerana masa tidak mengizinkan, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kluang.

7.05 mlm.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Pengerusi, secara ringkasnya, saya ingin menyentuh perkara Maksud B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara, di bawah Program 020200 - Kad Pengenalan dan 020300 - Kewarganegaraan dan Maksud P.37 - Jabatan Imigresen di bawah Program 00100 - Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman.

Tuan Pengerusi, mengenai penukaran kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru ataupun KPT, saya tidak tahu keadaan di negeri Sabah, tetapi di Semenanjung, pada keseluruhannya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendaftaran Negara sejak pengumuman dan komitmen pada 28hb. Jun, 1995, JPN telah pun mengambil tindakan yang berkesan supaya back log yang begitu lama dapat diselesaikan dan tempoh untuk mengeluarkan kad pengenalan telah dapat dipercepatkan prosesnya daripada sembilan bulan kepada enam bulan atau kepada masa yang lebih pendek lagi. Cuma saya masih menerima rungutan orang ramai di mana terdapat permohonan yang memakan masa yang agak lama kerana terdapatnya query dalaman jabatan.

Oleh yang demikian, saya berharap JPN dapat mengambil langkah yang lebih efektif bagi mengelakkan perkara ini yang telah memakan masa yang begitu lama.

Tuan Pengerusi, mengenai permohonan kewarganegaraan, saya ingin tahu sehingga tempoh 31hb. Oktober, 1996 ini, berapa jumlah permohonan kewarganegaraan yang melalui Borang A, Borang E dan Borang G, yang masih dalam pertimbangan kementerian dan selama ini berapa permohonan telah pun diluluskan oleh kementerian? Kerana saya sering mendapat aduan yang mengatakan permohonan kewarganegaraan

harus menunggu masa lima tahun, kadang-kadang lapan tahun dan ada yang lebih dari sepuluh tahun. Jadi, pada 28hb. Jun, tahun lepas, kementerian telah pun berjanji akan mempercepatkan lagi proses ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sudahkah pendaftar besar warganegara memberi jawapan kepada semua pemohon yang mengemukakan permohonan mereka yang lebih dari tiga tahun ini. Dan saya ingin juga mendapat penjelasan mengikut praktis ataupun dasar kementerian sekarang, bagi satu permohonan baru, berapa lama untuk memproseskan dokumen ini, dan sekurang-kurangnya dalam tempoh berapa lamakah akan memberi jawapan kepada mereka?

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya difahamkan bahawa semua jenis borang permohonan kewarganegaraan yang baru, sudah sedia untuk menggantikan borang yang lama. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilakah borang baru ini akan diedarkan ke semua pejabat Pendaftaran Negara dan apakah perbezaan antara borang lama dan borang baru ini?

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya, saya amat simpati dengan pemohon yang sudah memohon kadang-kadang dua kali, kadang-kadang tiga kali, ada yang sampai empat kali, lima kali yang memakan masa lapan tahun, sepuluh tahun, ada yang lima belas tahun. Jadi, di antara mereka, saya diberitahu ada yang sudah mempunyai anak dan cucu dan keluarga mereka memang taat setia dan juga memberi banyak sumbangan kepada negara kita.

Mereka akan tetap tinggal selama-lamanya ataupun sepanjang hayat mereka di negara kita ini. Jadi, saya ingin merayu kepada pihak kementerian, supaya golongan yang seperti ini haruslah diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, mengenai Imigresen setelah meminda Akta Pasport 1966, kerajaan akan menaikkan penalti kepada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang membuat dokumen dan pasport palsu, demi menjaga keselamatan negara. Jadi, dalam

konteks ini, saya menyokong 100% tindakan kementerian atas perkara ini. Tetapi, kementerian harus memberi pertimbangan yang sewajarnya tentang pengeluaran pasport baru atas kes-kes seperti kehilangan dan kes-kes seperti yang ditahan apabila mereka balik dari luar negara.

Saya pernah menerima aduan daripada orang ramai, mereka terpaksa menunggu beberapa tahun, kadang-kadang 4 tahun, kadang-kadang 5 tahun bagi membolehkan mereka mendapat semula pasport yang telah hilang sama ada dicuri, dirompak ataupun terbakar. Dan juga, yang ditahan oleh pihak berkuasa apabila mereka balik dari luar negara.

Tuan Pengerusi, bagi pemohon yang kehilangan pasport, bukan kerana kecuaiannya mereka dan pemohon yang pasport mereka ditahan apabila mereka balik dari luar negara, saya ingin meminta pihak kementerian agar dapat mempertimbangkan permohonan mereka untuk mendapatkan semula dalam masa yang dikatakan tidak melebihi 2 tahun, jika didapati mereka tidak melakukan sebarang jenayah di luar negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang Pejabat Imigresen di Daerah Kluang ini, iaitu di kawasan saya. Jabatan Imigresen telah pun menempatkan Pejabat Bergerak ataupun 'Mobile Service' di Daerah Kluang selama 2 hari seminggu. Saya pernah bangkitkan perkara ini, tetapi nampaknya keadaan masih tidak berubah kerana keadaan seperti ini memang menyusahkan penduduk di Daerah Kluang. Bukan sahaja mereka harus menunggu begitu lama sebab pegawai yang bertugas datang dari Johor Bahru, dan kalau kenderaan mereka rosak semasa perjalanan, keadaan ini akan bertambah teruk lagi. Perkhidmatan yang diberi cuma permohonan pasport terhadap Malaysia sahaja. Jadi, memandangkan penduduk Kluang kian bertambah ramai dan Majlis Daerah Kluang Utara akan naik taraf sebagai majlis perbandaran, jadi saya amat berharap kementerian

boleh memberitahu saya, bilakah sebuah Pejabat Imigresen kekal ataupun 'permanent office' akan ditubuhkan di Daerah Kluang?

Tuan Pengerusi, ini sahajalah beberapa perkara yang dapat saya sampaikan, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

7.12 mlm.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. B.35, Program 031100 - Penubuhan Pasukan Petugas Pekerja Asing.

Tuan Pengerusi, majikan sekarang dibenarkan untuk mendaftar sekali sahaja untuk satu bilangan pekerja yang mereka perolehi mulai bulan Julai hingga Disember tahun ini. Saya ingin bertanya di sini, sekiranya seorang kontraktor binaan beliau mempunyai 30 orang pekerja asing dalam tangannya sendiri sekarang dan beliau terus mendaftarkan pekerja beliau sekarang. Apa akan jadi kalau akhir bulan November, atau pada Disember ataupun Januari tahun hadapan, beliau mendapat satu lagi projek dan beliau memerlukan satu kumpulan pekerja yang berasingan untuk menjalankan kerja baru ini? Kerana dari segi peraturan, satu syarikat hanya dibenarkan mendaftarkan pekerja asingnya sekali sahaja dan jikalau ada pekerja-pekerja yang lain, mereka tidak dibenarkan mendaftar. Di sini, saya ingin bertanya jikalau mereka dapat satu kontrak atau satu kerja baru di mana mereka akan mendapatkan orang-orangnya?

Satu perkara berkenaan dengan kesalahan menggaji orang asing. Memang masa sekarang, semua kontraktor utama, iaitu 'main contractor', mereka ada mengambil langkah-langkah untuk menasihati sub-subkontraktor mereka supaya jangan menggaji orang asing tanpa permit. Jikalau ada, mereka akan dinasihati untuk mendaftarkan mereka sebelum tamat tempohnya pada akhir bulan ini. Jikalau satu perkara berlaku, iaitu selepas habis tempoh Disember ini, ada pekerja-pekerja tanpa izin bekerja di satu tapak,

dan Pasukan Penguatkuasa mengambil tindakan untuk menangkap mereka dan majikan akan dihukum atau mungkin akan dipenjarakan dan kontraktor utama atau 'main contractor' telah berkali-kali berbincang dengan subkontraktor supaya jangan mengupah mereka dan walaupun agreement secara bertulis ada dibuat, siapa yang akan bertanggungjawab ke atas kesalahan ini?

Tuan Pengerusi, pada fikiran saya, patut majikan yang terus menggaji orang-orang asing ini dipertanggungjawabkan supaya 'main contractor' tidak disalahkan sama sekali.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin bertanya, mengapa kerajaan negara kita tidak membenarkan pekerja-pekerja dari negeri China bekerja di Malaysia kerana kita boleh membenarkan orang-orang dari Indonesia, Thailand, Myanmar, Nepal dan Bangladesh bekerja di Malaysia. Kenapa ramai orang China, dari negara China, mereka mahir dalam bidang-bidang perusahaan, mereka mahir dalam pelbagai bidang, mereka ingin datang ke Malaysia untuk bekerja dan gaji mereka pun sangat rendah kalau dibanding dengan negara-negara lain. Pada fikiran saya, kalau orang-orang dari negara China ini dibenarkan masuk, maka sebilangan masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan negara kita dapat ditangani.

Tuan Pengerusi, walaupun kerajaan membenarkan pendaftaran orang-orang asing atau pekerja-pekerja tanpa izin sehingga akhir tahun ini, tetapi masih ada operasi atau 'road block' dijalankan oleh pihak polis ataupun pihak Imigresen untuk menangkap orang-orang tanpa izin ini. Saya sendiri nampak di jalan, dalam dua, tiga hari yang lalu, dua, tiga pasukan polis sedang menyoyal siasat tuan punya kereta ataupun pembawa kereta berkenaan dengan orang-orang asing yang beliau bawa. Dalam hal ini, pada fikiran saya kalau kerajaan telah melonggarkan pendaftarannya sehingga had tempoh akhir bulan ini, maka pada masa ini mereka tidak perlulah menjalankan operasi untuk menangkap mereka yang didapati tidak ada permit yang sah.

Tuan Pengerusi, maksud Bekalan 36 iaitu PDRM. Penyiasatan Jenayah Perdagangan iaitu di bawah Program 030300.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang kesalahan jenayah perdagangan sangat berleluasa. Misalnya, tidak mengaku penerimaan barang-barang yang sepatutnya telah diterima tetapi tidak mengaku. Cek-cek yang tidak laku atau 'poke cheque', di Pulau Pinang sahaja, Tuan Pengerusi, perkara ini berlaku bukan di pulau sahaja, di sebelah tanah besar, di Seberang Perai pun berlaku, di mana-mana tempat sahaja pun berlaku dan mereka perlu pergi ke Ibu Pejabat Polis DiRaja iaitu Kontijen Polis di Pulau Pinang sahaja supaya membuat laporan berkenaan dengan jenayah ini. Saya berharaplah, memandangkan perkembangan perdagangan, memandangkan berlakunya kesalahan jenayah perdagangan yang begitu berleluasa, saya berharap kerajaan dapat menubuhkan cawangan polis seperti ini di semua daerah di merata tempat.

Tuan Pengerusi, Butiran 060900 - Penyelenggaran Bangunan Kediaman. Di Pulau Pinang, mungkin adalah nasib yang lebih baik kerana semua quarters atau kediaman polis semua dibina dengan pangsapuri bukan sahaja flet, pangsapuri yang mewah untuk anggota-anggota polis ini. Tetapi satu kelengkapan yang tidak mencukupi iaitu alat-alat sampingan seperti mesin potong rumput, pembesar suara dan kipas yang digunakan untuk ahli yang ramai di kalangan polis ini. Mereka tidak dapat diperuntukkan, walaupun kerajaan telah berbelanja berjuta-juta ringgit untuk membangunkan bangunan atau kediaman untuk mereka, tetapi alat-alat sampingan ini pun patut diberi sama sekali, kerana mereka kadang-kadang meminta kami wakil rakyat untuk membekalkan. Malangnya sebagai seorang wakil rakyat pembangkang kita tidak berdaya atau tidak mampu memberikan - ini bukan masalah saya, ini bukan salah pembangkang. Ini adalah kerana polisi kerajaan yang tidak memberi kuasa kepada wakil rakyat pembangkang untuk memberi apa-apa peruntukan secara wang atau secara alat-alat untuk mereka.

Tuan Pengerusi, Butiran 062000 - Pendaftaran Saman Trafik Melalui Pos Berdaftar. Sekarang JPJ dan polis adalah 'on-line' dalam komputer dan sebarang pembaharuan lesen atau road tax, jikalau didapati ada saman-saman yang belum dijelaskan, mereka perlu menjelaskan sebelum mereka membaharui lesen. Tetapi ada satu masalah Tuan Pengerusi, iaitu ada sebilangan dari mereka telah membayar kompaun beberapa tahun dahulu dan resit yang mereka bayar kompaun ini telah tercicir atau tidak tahu di mana disimpan. Sekarang ini mereka balik ke sana dan dikatakan belum menjelaskan lagi. Mereka tidak ada jalan lain, mereka terpaksa untuk membayar sekali lagi. Saya berharap dalam hal ini, jikalau pasukan polis atau bahagian polis boleh membuat satu soal-siasat atau selidik, jikalau mendapati dalam perbualan mereka ini adalah tulen dan betul pernah membayar atau menjelaskan kompaun boleh dilepaskan. Jikalau tidak ada mereka tidak boleh memperbaharui dan terpaksa membayar satu kali lagi untuk kompaun mereka...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Lagi sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Mengenai Bekalan B.37 iaitu Jabatan Imigresen, Butiran 020400 - Pasport.

Telah banyak kali Ahli-ahli Parlimen membangkitkan di sini bahawa pasport yang betul-betul hilang, pasport yang telah terbakar, rosak oleh banjir atau dirompak, mereka perlulah ditimbang untuk mendapatkan pasport mereka yang baru dan bukan pada masa sekarang hanya diberi untuk tempoh satu tahun sahaja.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Maksud Bekalan B.38 - Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Butiran 010000 - Pendaftaran Pertubuhan.

Tuan Pengerusi, dua tiga tahun yang dahulu kementerian telah memerintahkan supaya semua tokong Cina mesti mendaftar dengan kementerian ini, tetapi sehingga ini banyak lagi tokong yang telah memohon untuk pendaftaran belum mendapat kelulusan.

Dalam hal ini saya menyeru kepada kementerian supaya boleh mempercepatkan proses permohonan untuk kelulusan pendaftaran tokong-tokong Cina ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sipitang.

7.25 mlm.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di bawah Maksud B.36, Butiran 010200 - Pentadbiran Am.

Kita tahu bahawa pada masa ini peranan pasukan keselamatan iaitu polis begitu penting terhadap kestabilan sesuatu daerah. Ramai kakitangan polis di daerah ini adalah mereka yang datang merantau daripada jauh, misalnya di Parlimen saya kebanyakan anggota polis itu adalah datang daripada Semenanjung. Ini memang sesuai dengan tugas mereka yang mana saya rasa ada baiknya bahawa polis ini bertugas bukan di kampung sendiri, kerana kalau di kampung sendiri ada kesukaran juga untuk menjalankan tugas yang lebih tegas. Oleh kerana, keadaan mereka jauh dari kampung, tugas mereka yang begitu mencabar - kita mengucapkan terima kasih kepada kesungguhan kementerian atas keprihatinan terhadap tempat tinggal pasukan polis di beberapa daerah telah pun ditingkatkan. Walau bagaimanapun, banyak lagi daerah di kawasan luar bandar yang tempat kediaman polis ini begitu daif dan tidak begitu selesa. Ini membuatkan mereka mungkin bertugas dalam keadaan tidak selesa dan konsentrasi mereka kurang.

Mengenai dengan pentadbiran - keadaan pejabat begitu kurang sesuai, bila saya melihat tempat-tempat di mana kemudahan-kemudahan pejabat iaitu ruang pejabat yang cukup, peralatan yang ketinggalan zaman dan sistem rekod yang agak lama. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri bilakah pentadbiran polis ini ditadbir secara moden iaitu maksud saya, secara komputer di mana informasi-informasi di peringkat daerah dapat sampai ke ibu pejabat apabila dimasukkan ke dalam komputer? Apakah rancangan kerajaan untuk melaksanakan sistem rekod secara komputer seperti di negara-negara maju dan kalau dirancang bilakah ia akan dilaksanakan untuk perkara ini? Saya berharap perkara ini dapat dipercepatkan demi untuk memperbaiki sistem pentadbiran dan kecekapan, kerana terdapat banyak masalah di mana rekod-rekod penjenayah lambat

disampaikan dari satu daerah ke satu daerah dan kordinasi tidak begitu cekap dalam hal-hal ini. Jadi, saya mohon perkara ini patut dipertingkatkan.

Mengenai dengan Butiran 050300 - Merin. Pada masa ini terutama sekali di Sabah kejadian-kejadian rompak, kejadian-kejadian penyeludupan senjata haram, bahan letupan dan sebagainya tidak begitu terkawal. Pada masa ini kita menghadapi masalah di mana banyak bot-bot asing ataupun kapal-kapal kecil yang berkeliaran di perairan Sabah. Sebenarnya mereka ini tidak ada pukat, tidak ada peralatan untuk menangkap ikan, tetapi mereka ini berkeliaran dan salah satu cara mereka menangkap ikan ialah dengan menggunakan bahan letupan iaitu bom. Mereka ini mengganggu nelayan-nelayan pesisir pantai terutama sekali yang ada unjam-unjam iaitu nelayan-nelayan yang menggunakan unjam untuk menangkap ikan dan sering unjam-unjam ini mereka ganggu dengan menggunakan bahan letupan ataupun dipasang bom dan diambil semua ikan.

Pernah satu ketika di kawasan saya, di mana beberapa bot nelayan menghampiri kapal-kapal ini dan apabila mereka dekat dengan kapal nelayan ini, mereka dilempar bom ke sampan mereka. Nasib baik tidak ada yang maut. Ini menunjukkan bahawa mereka itu walaupun berjalan, tetapi mereka itu menyimpan bahan letupan.

Jadi, saya merasakan bahawa perkara ini patut dironda lebih kerap. Di Sabah, misalnya di pekan-pekan, kebanyakan pekan adalah pesisiran pantai. Apakah pada masa ini, saya ingin minta penjelasan dari Timbalan Menteri, apakah pada masa ini kelengkapan atau pasukan-pasukan merin laut ini mencukupi untuk daerah-daerah pesisiran pantai di Sabah? Banyak pekan ini hidup dengan nelayan-nelayan pesisiran pantai.

Jadi, apakah rancangan kerajaan? Saya rasa di Sipitang belum ada pasukan polis merin. Cuma dikawal dari Labuan yang akan mengambil masa lebih kurang setengah jam ke satu jam baru sampai. Jikalau ada kejadian kes di kawasan Sipitang, memang sudah agak terlambat. Jadi, apakah rancangan kerajaan untuk menubuhkan pasukan polis merin ini, di tiap-tiap daerah pesisiran pantai di Sabah. Jadi, inilah saya merayu supaya ia boleh dipercepatkan.

Mengenai perkara B.37 - Jabatan Imigresen. Pada masa ini buku-buku pasport atau pasport, muka suratnya agak terhad dan ia agak mahal. Terdapat beberapa masalah, sungutan-sungutan terutama sekali peniaga-peniaga di kawasan Parlimen saya iaitu mereka yang berurusan dengan Brunei. Mereka kadang-kadang terpaksa ke Brunei sehari dua kali dan pasport ini dicop tidak kurang daripada lapan kali dan muka surat ini cepat habis. Bukan semua orang yang terlibat tetapi sebilangan besar. Terdapat lebih kurang 40 peniaga sayur di kawasan Parlimen saya yang berurusan di Brunei Darussalam dan melibatkan lebih kurang 100 orang dan mereka ini mempunyai masalah. Masalahnya ialah muka surat pasport ini cepat habis, ini oleh kerana saiz cop yang digunakan begitu besar. Bolehkah kementerian, ini masalah kecil, mencadangkan supaya cop pasport ini dibuat secara kecil ala kadar supaya nampak tidaklah satu kali cop setengah muka. Macam pasport saya pun kalau cop setengah muka. Jadi, muka surat cepat habis.

Mengenai dengan pemeriksaan imigresen di sempadan Sabah, Sarawak dan Brunei, di mana kesukaran untuk mereka berurusan dengan Brunei Darussalam untuk mengecop pasport. Pada masa ini, jalan Trans-Borneo telah hampir siap dan kereta-kereta boleh berjalan terus daripada Sabah hingga ke Pontianak melalui Brunei. Tetapi masalahnya sekarang ini bahawa pemeriksaan imigresen di sempadan ini tidak mencukupi, maksud saya dari segi kakitangan. Oleh kerana kakitangan begitu kurang kadang-kadang seorang sahaja satu pondok seorang kakitangan, pelancong-pelancong atau pengunjung-pengunjung yang ingin melalui jalan ini terpaksa queue atau berbaris, kadang-kadang dua jam hingga tiga jam untuk mendapat pasport mereka dicop dan barulah mereka boleh melintasi sempadan.

Jadi, saya mohon kepada kementerian supaya melihat perkara ini, apakah kementerian sedar keadaan ini sedang berlaku di sempadan Sabah, Sarawak dan Brunei, iaitu melalui Trans-Borneo? Apakah rancangan kerajaan untuk menambah kakitangan di

kawasan ini kerana masalah ini semakin hari semakin popular dilalui oleh pengunjung-pengunjung daripada Sabah, Sarawak, Brunei dan juga Indonesia yang melancong.

Jadi, kalau perkara ini tidak diatasi, banyak rungutan apabila mereka menunggu sampai tiga jam dalam keadaan panas di atas kereta, inilah masalah yang kita hadapi. Saya sekali lagi merayu kepada kementerian supaya menambah kakitangan dan menambah keupayaan di sempadan-sempadan Sabah, Sarawak dan juga Brunei Darussalam.

Untuk B.36, Program 050600 - Unit Pencegah Penyeledupan, saya mohonlah supaya perkara ini dipertingkatkan. Terutama sekali banyak kes penyeledupan membawa barang-barang daripada Labuan, pelabuhan bebas ke negeri Sabah yang mana terlepas. Memang ada sindiket sekarang ini membawa minuman keras, rokok dan juga bahan-bahan lain yang mungkin terlepas. Jadi, saya mohon supaya perkara ini dapat diawasi dan mengurangkan penyeledupan di antara Labuan dan juga tanah besar Sabah. Jadi, dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

7.35 mlm.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, B.35, Program 020200 - Imigresen dan Pendaftaran, saya ingin bertanya pihak Kementerian Dalam Negeri, apakah kriteria seseorang itu ingin menukar nama? Kriteria apa mereka menukar nama? Berapakah jumlah mereka yang menukar nama kerana menukar agama, terutama sekali jumlah orang-orang yang menganut agama Islam memohon kepada Pejabat Pendaftaran untuk menukar nama mereka setelah mereka menganut agama lain atau ingin menganut agama lain?

Apakah tindakan pegawai pendaftaran bila menerima permohonan seseorang yang beragama Islam ingin menukar nama kerana mereka hendak masuk agama lain atau telah

tukar ke agama lain? Apakah terus dipersetujui sahaja atau pegawai pendaftaran ini merujuk seseorang itu ke pusat Islam atau ke Jabatan Agama Islam Negeri yang berkenaan? Apakah jenis nasihat yang diberi kepada orang Islam yang memohon untuk menukar agama, ke nama lain setelah mereka keluar dari agama Islam untuk masuk ke agama lain?

Berapa jumlah sejak merdeka, orang Melayu yang menukar nama ke Pejabat Pendaftaran kerana memohon tukar agama dan berapa jumlah, orang yang dahulunya bukan Islam memeluk agama Islam kemudian kembali kepada agama mereka atau menukar ke agama lain yang memohon untuk ditukarkan nama mereka kepada selain daripada Islam?

Saya juga ingin tahu tindakan pegawai-pegawai terhadap mereka yang memohon untuk menukar agama tersebut dan semenjak merdeka ini, berapa orang Islam asal iaitu Melayu dan orang yang baru memeluk agama Islam yang kembali ke agama mereka atau agama lain yang memohon melalui Pejabat Pendaftaran selain daripada deklarasi di mahkamah untuk mereka menukar agama.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh B.35, Program 020500 - Agensi Dadah Kebangsaan dan tajuk-tajuk yang lain yang bersangkutan paut dengan dadah. Dadah adalah satu ancaman yang cukup serius, daripada dadah lahirnya AIDS - 78 peratus. AIDS berpunca daripada dadah. Inilah kajian yang dibuat oleh para doktor dan para pensyarah kita di universiti.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan setiap hari 12 orang penghidap AIDS baru bertambah. Penghidap ini bertambah mengikut arithematic bukan hari ini dua belas, besok dua belas, lusa dua belas, dia mungkin berkembang dengan kadar yang begitu cepat dan setengah penganalisa mengatakan menjelang tahun 2000, penghidap AIDS di Malaysia melebihi 60,000 orang.

Memerangi dadah di bawah Kementerian Dalam Negeri dan peruntukan yang banyakkah diberi kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk memerangi dadah, rawatan dan pemulihan dadah - RM67 juta. Pasukan Petugas Khas Anti-Dadah dekat RM5 juta, kemudian Agensi Dadah Kebangsaan lebih daripada RM73 juta. Oleh kerana 78 atau 80 peratus AIDS berpunca daripada dadah, kenapa memerangi AIDS dan dadah itu tidak disekalikan, disepadukan. Iaitu diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri supaya petugas-petugas yang menyedarkan rakyat tentang AIDS ini, bersama dengan pasukan anti-dadah sama ada PEMADAM ataupun Agensi Dadah Kebangsaan yang lain,

mereka bergabung tenaga untuk memerangi dadah dan AIDS secara serentak kerana 80 peratus punca AIDS adalah dadah.

Tuan Pengerusi, kerajaan juga hendaklah memerangi dadah dan AIDS ini seperti mereka memerangi fahaman komunis dahulu iaitu digerakkan seluruh jentera masyarakat daripada penghulu kampung sampailah ke Perdana Menteri. Kalau mereka berucap, satu ucapan tidak menyentuh masalah komunis, seolah-olah tidak sah. Itulah program kita memerangi komunis daripada tahun kemerdekaan 1957 sampailah kepada tahun 1975, sampailah kepada sehingga jatuhnya gerakan komunis yang hebat di Vietnam dan Thailand dan surrendernya Perjanjian Damai antara Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan Malaysia yang membuat perjanjian di Hadyai kira-kira 5, 6 tahun yang dahulu.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Soalnya kenapa kita tidak mengambil sikap memerangi dadah dan AIDS seperti kita memerangi fahaman komunis iaitu ditekankan di semua peringkat. Setiap penghulu, setiap imam, setiap pegawai daerah, setiap wakil rakyat atau setiap menteri yang berucap jangan lupa selitkan masalah musuh negara yang paling dahsyat sekarang iaitu dadah dan AIDS yang sedang melanda kita. Yang saya hendak tekankan di sini iaitu perkara menentang AIDS hendaklah disekalikan dengan dadah iaitu Yayasan AIDS dan sebagainya yang diberi peruntukan RM10 juta sepatutnya berada di bawah Kementerian Dalam Negeri barulah dapat diperangi secara bersepadu antara AIDS dan dadah.

Seterusnya saya ingin menyentuh 030300 - Jenayah Perdagangan. Tahun ini diperuntukkan RM5,940,000, tahun dahulu RM6,898,000, kurang sejuta, sedangkan menurut Presiden UMNO juga Perdana Menteri, jenayah perdagangan ini meningkat dengan begitu besar tetapi peruntukan untuk memerangi jenayah perdagangan kurang

sejuta. Sudah tentu menjadi kehairanan saya juga kalau tidak diberi penjelasan. Kenapa peruntukan kurang sedangkan jenayah itu meningkat?

Kursus kepada pegawai polis untuk memerangi jenayah perdagangan itu sepatutnya dipergiatkan, diperbanyakkan dan ditambahkan pegawai, tetapi sebaliknya peruntukan pula dikurang sampai sejuta ringgit untuk memerangi jenayah perdagangan. Kenapa boleh berlaku begini? Sedangkan Perdana Menteri sendiri menjadikan agenda yang akan datang ialah memerangi rasuah termasuk rasuah golongan kolar putih dan pihak polis mesti dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, kursus-kursus yang lebih intensif untuk mereka memerangi jenayah perdagangan ataupun jenayah yang melibatkan kolar putih. Kenapa peruntukan dikurangkan, sepatutnya ditambah? Dan pegawai-pegawai juga ditambah, elaun-elaun mereka dinaikkan untuk mereka bertugas dengan lebih hebat memerangi jenayah terutama sekali jenayah perdagangan. Semua ini kita harap memerlukan penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri. Sekian.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

7.44 mlm.

Tuan Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.36 berkaitan dengan Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, Bukit Mertajam adalah satu bandar yang pesat pembangunannya dan taman-taman perumahan telah bertambah dengan begitu cepat. Oleh kerana Balai Polis Daerah Bukit Mertajam sekarang juga mengambil alih tugas menjaga kawasan Seberang Jaya dan juga Prai sebagai satu kawasan tambahan, jadi dalam satu dialog yang saya adakan bersama-sama dengan Ketua Polis Daerah Bukit Mertajam baru-baru ini, saya dapati bahawa kereta-kereta ronda untuk Balai Polis Daerah Bukit Mertajam itu memang tidak mencukupi dan saya mendapati bahawa ada juga sebahagian daripada kereta-kereta itu bukan dalam keadaan yang boleh digunakan.

Oleh sebab itu, saya rasa pada masa ini apabila kadar jenayah nampaknya meningkat sedikit di kawasan Seberang Prai Tengah, saya ingin menyarankan supaya peruntukan perlu diberikan untuk Balai Polis Daerah Bukit Mertajam untuk membeli lagi beberapa buah kereta ronda untuk membantu pihak polis di daerah ini untuk menjalankan tugas peronda supaya memastikan bahawa jenayah tidak dilakukan pada waktu malam ataupun apabila cuaca tidak baik. Berkaitan dengan perkara itu juga saya difahamkan bahawa kakitangan-kakitangan polis di daerah Bukit Mertajam ini tidak mencukupi juga dan kita perlu mengambil perhatian berkaitan dengan bahagian itu.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang menarik perhatian saya ialah keadaan pondok-pondok polis di kampung-kampung baru di kawasan Parlimen saya Bukit Mertajam. Ada sebuah kampung baru yang dinamakan Permatang Tinggi yang ada sebuah pondok polis yang cuma ada dua orang anggota polis. Pada suatu masa apabila berlaku kejadian orang gila atau tidak siuman di Permatang Tinggi dan orang kampung di sana cuba menghubungi polis untuk meminta bantuan. Diberitahu seorang polis itu ada tugas luar dan seorang lagi sudah ambil cuti. Jadi, pondok polis itu sebetulnya pada ketika itu tidak mempunyai sebarang anggota polis, hanya ada seorang isteri polis dalam asrama bersama dengan pondok polis itu sahaja.

Jadi, saya dapati bahawa keadaan begitu tidak memuaskan langsung kerana kalau ada apa-apa yang dahsyat berlaku pada ketika itu, tidak ada sesiapa untuk membantu orang kampung. Jadi, saya minta Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian berkaitan dengan bilangan anggota polis yang ada pada sesebuah pondok polis yang ada dalam kampung-kampung baru. Jangan sampai keadaan di mana tidak ada seorang pun anggota polis yang bertugas pada satu-satu masa.

Tuan Pengerusi, selepas itu saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan Maksud B.37 - Jabatan Imigresen. Dalam bahagian itu, saya ingin menyentuh satu

perkara berkaitan dengan visa melawat ataupun tinggal dalam Malaysia untuk isteri-isteri daripada Republic of China (ROC). Ini telah menjadi satu masalah dan apabila saya berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri saya telah diberitahu bahawa ini memanglah masalah dasar kerajaan kita tidak menggalakkan lelaki warganegara Malaysia berkahwin dengan perempuan dari Republic of China. Tetapi, jika ada orang yang berkahwin dengan perempuan yang berasal dari Republic of China, proses mendapatkan kebenaran ataupun visa untuk isteri itu memasuki Malaysia adalah satu proses yang sangat panjang. Selepas isteri itu masuk, selepas satu bulan beliau perlu memohon semula - membaharui visa melawat itu. Sebulan, sebulan kemudian tiga bulan, tiga bulan dan tiap-tiap kali kita minta, kita perlu rujuk balik kepada pejabat Menteri Dalam Negeri untuk kebenaran khas ataupun kelulusan khas itu.

Oleh kerana ini adalah satu masalah dasar kerajaan, bolehkah kita minta Kementerian Dalam Negeri menyemak semula polisi ini memandangkan sekarang ini negara kita ada satu perhubungan yang boleh dikatakan baik dengan negara Republik Rakyat Cina dalam bidang-bidang perniagaan, diplomatik dan sebagainya? Atas asas-asas itu, bolehkah kita semka semula polisi kita berkaitan dengan permohonan visa masuk ke Malaysia oleh isteri-isteri yang datang daripada Republik Rakyat Cina ataupun negara-negara lain yang mempunyai ideologi komunisme di dalam dunia ini secara am?

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Maksud B.39, saya ingin membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Butiran 010300 - Sistem Maklumat Prosesan Data Elektronik, dan juga 020000 - Rekod Pendaftaran Penduduk. Pada masalah sekarang banyak maklumat, rekod-rekod penting adalah dalam bentuk hard copy ataupun dalam bentuk kertas dan buku dan sebagainya. Apa-apa sesuatu dokumen yang kehilangan seperti kad pengenalan, orang yang hilang kad pengenalan itu akan membuat laporan di balai polis dan beliau akan mendapat sekeping resit sementara yang menunjukkan beliau

sudah membuat laporan kehilangan kad pengenalnya. Tetapi selepas itu, beliau perlu memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan satu salinan kad pengenalan ataupun dokumen lain yang baru.

Apabila dia pegang polisi sementara itu yang menunjukkan laporan kehilangan kad pengenalan, dan beliau perlu menggunakan dokumen untuk membuat pasport antarabangsa, beliau tidak dapat berbuat demikian. Bila beliau perlu menggunakan dokumen itu untuk menuntut wang daripada bank-bank, beliau pun tidak boleh berbuat demikian. Jadi, apabila ini berlaku beliau perlu meminta pegawai daripada Jabatan Pendaftaran Negara di Petaling Jaya sahaja yang boleh mengesahkan bahawa kertas laporan itu memang ada satu yang betul, yang sah. Jadi, kalau seseorang itu datang dari Perlis ataupun Johor Bahru ataupun Kuantan, beliau perlu datang ke Petaling Jaya juga, datang ke Wisma Pendaftaran untuk membuat pengesahan. Ini sangat-sangat menyusahkan orang ramai yang terlibat dalam kes seperti ini.

Saya berharap melalui Sistem Maklumat Prosesan Data Elektronik dan Rekod Pendaftaran Kelahiran dan Kematian dan semuanya itu secara komputer, secara on-the-line, kita boleh tolong orang-orang ini supaya maklumat itu boleh tunjuk dalam komputer di Pulau Pinang, Butterworth, Jitra ataupun Ipoh, Perak dan mana-mana pun di mana orang itu datang ke Jabatan Pendaftaran Negara. Di mana-mana pun dia dapat pengesahan bahawa butiran di dalam resit sementara laporan kehilangan dokumen itu adalah sah. Dengan cara itu, kita boleh jimatkan banyak masa untuk orang ramai.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Chong Keng: Ya, satu perkara lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pendekkan, ya.

Dr. Tan Chong Keng: Saya ingin menyentuh Butiran 020300 - Kewarganegaraan. Kerana bahawa ini adalah yang memberikan kebimbangan kepada

ramai orang-orang pemegang kad pengenalan merah ataupun permanent resident sahaja. Ada ramai orang yang sudah dilahirkan di Malaysia sebelum kemerdekaan Malaya. Jadi, saya ingin membuat satu permintaan dalam Dewan yang mulia ini kepada Kementerian Dalam Negeri supaya memberikan satu pertimbangan khas untuk orang-orang yang dilahirkan di Malaya sebelum kemerdekaan Malaya dan masih ada di sini untuk dipertimbangkan, untuk dijadikan warganegara. Untuk orang-orang ini, ramai sudah lulus dalam ujian Bahasa Malaysia dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun, mereka masih belum dapat kewarganegaraan mereka. Walaupun mereka sudah tinggal dalam negara ini selama ini dan mereka pun sudah menyumbang kepada pembangunan negara ini melalui aktiviti-aktiviti seperti membuat kerja sambilan dan sebagainya. Mereka tidak boleh mempunyai harta milik ataupun apa-apa pun. Tetapi Walau bagaimanapun, mereka sudi tinggal dalam negara selama ini. Ini sudah menunjukkan setia mereka kepada negara kita ini. Saya harap Kementerian Dalam Negeri boleh memberikan satu pertimbangan yang sangat khas untuk orang-orang dalam golongan ini.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya memohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Jelebu. Lepas itu, kementerian menjawab.

7.56 mlm.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebui]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.35, KDN, di bawah Butiran 020000, bagi program 020400 - Relat. Kita mengucapkan tahniah dan syabas di atas sumbangan anggota Relat yang selama ini dapat memberikan kerjasama kepada kerajaan selaku mata dan telinga kepada kerajaan, mereka telah dapat membantu untuk menyatupadukan masyarakat dan mengawal keselamatan masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar dan juga pekan-pekan kecil. Apa yang masih perlu kita lihat, saya berharap kementerian akan dapat melihat semula kuasa yang diberikan kepada anggota Relat yang mana terhad kepada soal-

soal mengawasi dan mengawal kampung dan sebagainya, kalau boleh ditambah untuk membantu kerajaan bagi menguatkuasakan undang-undang pihak pendatang asing dan sebagainya.

Di samping itu, Tuan Pengerusi Pejabat Rela Daerah dan juga pejabat-pejabat di kawasan-kawasan di mana anggota Rela didapati begitu uzur, malah di kawasan-kawasan di luar Pejabat Rela Daerah tidak dibekalkan peruntukan untuk membuat bangunan pejabat bagi kawalan dan juga urusan pentadbiran. Di samping pejabat, kakitangan tidak begitu mencukupi dan kedudukan mereka hanya menumpang di pejabat-pejabat daerah dan sebagainya dan menampakkan bahawa imej anggota Rela ini tidak begitu diambil perhatian dan diambil berat. Di samping itu, pakaian, kalau tidak silap, saya dapati hanya sepasang dalam setahun. Kalau boleh kita beri sepasang atau dua pasang ataupun tiga pasang, kerana mereka ini akan meminta bantuan daripada wakil-wakil rakyat dan juga orang-orang yang tertentu untuk membeli dan menggunakan peruntukan itu untuk membeli pakaian. Di samping itu, elaun setakat hari ini saya difahamkan tidak ada elaun yang khusus diberikan kepada anggota Rela, walaupun mereka mengabdikan masa mereka secara sukarela bagi menjaga dan membantu keselamatan di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya, tetapi tidak ada elaun yang diberikan sebagai galakan kepada mereka untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Saya ingin bertanya setakat hari ini berapakah keseluruhan anggota Rela yang ada di seluruh Malaysia dan berapa orangkah yang telah dibekalkan dengan senjata api? Kalau tidak meliputi seluruh bilangan anggota Rela, mengapakah senjata api ini tidak dibekalkan kepada mereka, dan bagaimanakah mereka akan menjalankan tugas dan tanggungjawab di masa-masa kecemasan dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai dengan Butiran 030000 di bawah dasar baru bagi program 030300 - Peralatan Pusat-pusat Serenti.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan alat-alat kelengkapan di pusat-pusat serenti yang kebanyakannya, sebagaimana yang disentuh oleh rakan-rakan yang lain, seperti mana juga yang disebutkan, yang selalu kita terima laporan-laporan daripada pejabat-pejabat komandan pusat-pusat serenti ini yang menampakkan bahawa peralatan yang ada tidak begitu berkualiti dan perlu diperbaiki dan diganti. Ini kerana, walaupun di dalam keadaan kita untuk melatih pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan di bawah Akta Dadah dan sebagainya, namun kita haruslah menyediakan tempat yang agak selesa bagi mereka supaya tidak dijangkiti penyakit dan sebagainya. Kalaulah tempat tidur mereka yang tidak begitu terurus, kebersihannya tidak dikawal dan sebagainya, lawatan-lawatan oleh pihak pusat kesihatan kecil dan hospital ke pusat-pusat tersebut jarang dilakukan dan dikuatkuasakan, saya tidak yakin hasrat untuk memulihkan keadaan fizikal masyarakat ini, ataupun pihak-pihak ini akan dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Kita dapati dengan keadaan kebingungan mereka akan mencari jalan untuk lari keluar dari pusat tahanan dan sebagainya kerana tidak banyak aktiviti-aktiviti yang boleh membentuk diri mereka. Saya berhasrat untuk selalu melawat dan menziarah mereka ini, tetapi oleh kerana tidak ada galakan yang diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan, makanya, kita seolah-oleh tidak begitu berminat untuk mengadakan lawatan dan kunjungan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya ingin bertanya, berapakah kemampuan Pusat Serenti di Jelevu sebenarnya dan berapakah pelatih-pelatih yang telah dimasukkan, kerana saya bimbang dengan kesesakan yang berlaku di kalangan pelatih-pelatih yang ada di Pusat Serenti Jelevu akan menimbulkan permasalahan yang telah berlaku selama ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu masalah garis panduan yang saya nyatakan dahulu. Apakah pusat serenti telah dibekalkan dengan garis panduan, cara pengurusan jenazah pesakit AIDS. Kerana baru-baru ini, sebagaimana yang saya sebutkan, dua kes telah

berlaku dan minggu lepas berlaku lagi satu kes di mana tidak ada sikap tanggungjawab yang dibuat atau pun dilakukan oleh pihak Pusat Serenti yang mana seolah-olah membiarkan dan melepaskan tugas dan tanggungjawab itu kepada pihak hospital.

Jadi, saya mahu keadaan ini dipulihkan. Kalau perkara ini telah dilaksanakan - Alhamdulillah, kalau belum, haruslah diambil tindakan yang bersesuaian kenapa ianya terjadi, kerana kita tidak mahu jenazah yang seharusnya diselesaikan dan diuruskan dengan cara Islam tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan akhirnya akan meninggalkan kesan yang tidak baik kepada masyarakat yang ada di sesuatu kawasan itu. Ini berlaku di Pusat Serenti Jelevu. Jadi, minta pihak yang berkenaan mengkaji dan memberikan jawapan yang konkrit kepada masalah berkenaan.

Tuan Pengerusi, di samping itu, B.36 - 010000 - mengenai dengan Pengurusan (Polis DiRaja Malaysia). Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian, khususnya PDRM di atas beberapa peningkatan imej dan juga cara mengurus pejabat-pejabat di peringkat daerah mahupun negeri dan banyak perkara yang harus kita lihat - mengenai dengan kelengkapan, peralatan yang ada di pejabat-pejabat.

Di samping itu, saya menyarankan tempoh perkhidmatan anggota-anggota di peringkat daerah akan dapat di kaji semula - tidak melebihi 5 tahun ke 12 tahun, kerana terdapat anggota-anggota yang bertugas di sesuatu kawasan itu melebihi 10 tahun. Jadi, cubalah kita bayangkan, sekiranya anggota biasa, mata-mata ataupun setakat koperal atau pun lans koperal bertugas lebih daripada 5 tahun sehingga 10 ke 12 tahun di sesuatu tempat, seolah-olah mereka tidak diperlukan untuk berkhidmat di tempat-tempat lain.

Seperkara lagi saya menyarankan sekiranya IPD ataupun IPK tidak dibekalkan dengan peruntukan dan kemudahan-kemudahan untuk mereka mewujudkan kelab-kelab rekreasi di pejabat-pejabat mereka, saya mencadangkan supaya sedikit sebanyak peruntukan diberikan kepada mereka supaya sekurang-kurangnya apabila kelab-kelab

diwujudkan di pejabat IPD atau pun di IPK, masalah pengawalan ke atas pergerakan kakitangan apabila selesai bertugas ataupun di masa-masa lapang dapat terkawal dengan baik.

Tuan Pengerusi, di samping itu, syarat-syarat di mana setakat hari ini kita percaya dan kita ketahui bahawa anggota polis ini begitu terkawal aktiviti mereka ataupun pergerakan mereka untuk memiliki harta. Misal katanya untuk memiliki kereta. Apabila seseorang anggota polis itu hendak memiliki kereta banyak sangat prosedur dan proses tapisannya yang hendak dibuat. Satu perkara yang tidak logik, apakah seseorang anggota koperal tidak mampu untuk memiliki sebuah kereta yang berharga RM5,000 ke RM10,000. Kenapakah banyak sangat tapisan-tapisan yang harus dilalui, yang harus dijawab dan sebagainya.

Begitu juga untuk berkahwin dua (berpoligami), kenapakah anggota polis tidak dibenarkan untuk berpoligami? Apakah ini satu peraturan yang selaras dengan undang-undang Islam? Kita harus kaji semula. Apakah boleh kita menahan kehendak dan kemampuan seseorang anggota polis itu untuk berkahwin lebih daripada satu? Apakah undang-undang yang dibuat oleh manusia atau oleh jabatan boleh mengatasi peraturan yang ada di dalam agama kita? Kita kena fikirkan semula. Kalau boleh kita kaji logiknya, mengapakah kita kekalkan undang-undang dan peraturan sedemikian. Jika ada kes yang berlaku, anggota akan diambil tindakan dan sebagainya.

Jadi, untuk mengatasi masalah ini saya mintalah pihak kementerian, khususnya, PDRM akan dapat mengkaji. Begitu juga prosedur memiliki kereta, harta dan sebagainya. Dinyatakan bahawa seseorang anggota untuk memiliki kereta Volvo itu adalah menyalahi, daripada seseorang itu untuk memiliki Mercedes dan seumpamanya, kerana Volvo itu berapa ribu sahaja sekarang ini? RM7,000 atau RM8,000 pun dapat kita beli. Tetapi kenapakah masalah untuk mendapatkan ataupun memiliki harta ini begitu ketat diadakan kawalan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi.....

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sekejap lagi Tuan Pengerusi. Untuk trafik, Butiran 050000, Program 050500 - Trafik.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak sentuh mengenai dengan kemudahan-kemudahan anggota trafik yang ada pada hari ini. Kita mengucapkan syabas kepada anggota trafik yang saban hari, saban ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk melaksanakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 tanpa mengira masalah-masalah bahaya dan sebagainya.

Kita perlu melihat akan kesesuaian tugas yang dijalankan dan pulangan hasil kepada kerajaan. Di atas sumbangan mereka, kita perlulah melihat masalah kebajikan mereka, kenderaan yang digunakan, elaun-elaun tambahan, harus dipertingkatkan, elaun kesihatan ataupun pernafasan di mana mereka terdedah kepada masalah pollution dan sebagainya, masalah keselamatan, dan di samping itu, ingin saya bertanya, apakah sistem rondaan ataupun mobile system itu dan sistem pemeriksaan secara statik itu masih dikuatkuasakan? Ini kerana kita lihat masih terdapat di kalangan anggota trafik yang membuat sekatan jalan tanpa papan pemeriksaan, kun keselamatan dan sebagainya, hanya duduk di tepi jalan, memberhentikan kenderaan dan memeriksa kenderaan tanpa amaran-amaran yang lain. Jadi, saya ingin bertanya, adakah ini dibolehkan ataupun sebaliknya?

Tuan Pengerusi, satu perkara yang terakhir, tentang Sistem Saman Dan Rayuan. Kita mengucapkan tahniah kepada Polis Trafik kerana membenarkan sesuatu saman itu dijelaskan di sesuatu stesen trafik yang lain ataupun Traffic Corp. di daerah yang lain, tetapi tidak dibolehkan untuk seseorang pesalah itu merayu bagi kes yang hendak diselesaikan saman ataupun kompaunnya.

Jadi, saya menyarankan supaya KDN ataupun Polis DiRaja Malaysia mengkaji semula masalah ini. Sekiranya, seseorang pesalah melakukan kesalahan di daerah Jelebu, ia juga boleh membayar saman dan merayu di daerah Seremban ataupun di daerah Port Dickson. Tidak hanya dimestikan seseorang pesalah itu boleh merayu di daerah Jelebu,

di mana tempat kesalahan itu berlaku. Jadi, saya menyarankan supaya perkara ini dapat dikaji semula dan saya berterima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh anggota keselamatan selama ini bagi keselamatan negara dan juga tambahan hasil kepada kerajaan. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Diminta kementerian menjawab.

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Saya telah membuat keputusan tadi, Yang Berhormat tak ada!

7.11 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan terutamanya mereka telah membangkitkan banyak perkara, cadangan yang membina untuk dirujuk dan dikaji oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah menyentuh tentang tindakan Kementerian Dalam Negeri dalam membanteras atau mencegah kegiatan mengedar, menjual dan aktiviti yang berkaitan dengan bahan-bahan lucu seperti buku, video lucu dan sebagainya. Memang benar, Kementerian Dalam Negeri selama ini telah memandang serius tentang kegiatan yang sebegini dan baru-baru ini sebenarnya, Kementerian Dalam Negeri telah berjaya merampas kira-kira 2,000 pita video yang tidak ditapis di kawasan Johor Bahru. Ini merupakan satu contoh yang kita bertindak tegas.

Mengenai aduan penduduk-penduduk yang mengatakan ada banyak pusat hiburan, mesin permainan beroperasi tanpa lesen, pihak Polis DiRaja Malaysia memang dari semasa ke semasa mengadakan penguatkuasaan di seluruh negara terutamanya di tempat-tempat yang kita mendapat banyak aduan atau maklumat.

Gangsterisme di kalangan pelajar sekolah dan pil ecstasy ataupun dadah, semua itu adalah perkara yang memang menjadi perkara yang dipandang serius oleh pihak Polis DiRaja Malaysia dan juga pihak penguatkuasa yang lain.

Mengenai dakwaan bahawa kononnya ada pegawai polis yang terlibat dalam sindiket ataupun pusat permainan. Mesin-mesin permainan ini saya mengalu-alukan maklumat kalau sekiranya ada bukti, kita akan buat siasatan yang lebih tepat terhadap dakwaan itu dan Kementerian Dalam Negeri menjamin, kita tidak akan melepaskan sesiapa pun yang menyeleweng ataupun yang melibatkan diri di dalam kegiatan yang tidak diingini, lebih-lebih lagi ianya merupakan seperti yang sering kita katakan, '*seperti pagar makan padi*', kita tidak akan bertolak ansur.

Ahli Yang Berhormat dari Klang telah menyentuh tentang PPPA. Memang Pasukan Petugas Pekerja Asing (PPPA) ini kalau nampaknya seolah-olah macam satu petugas yang sementara. Saya rasa itu tidak ada apa yang tidak betul, kerana apa yang mereka uruskan ini semuanya hal-hal pendatang tanpa izin dan kita kira pendatang tanpa izin ini adalah satu perkara sementara.

Kalau sekiranya kita anggap itu satu masalah kekal yang tidak boleh dielakkan selama-lamanya, maka saya rasa harapan negara kita akan tidak cerah. Tetapi, apa yang boleh dijamin di sini ialah Kementerian Dalam Negeri sedang menjalankan dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan Pasukan Petugas Pekerja Asing, termasuk kita akan menggemblengkan tenaga, kita akan gunakan semua tenaga yang boleh terutamanya kita akan melibatkan lebih ramai lagi pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen dari seluruh negara membantu untuk memastikan Sistem Pemutihan Pekerja Tanpa Izin ini dapat dijalankan dengan licin sebelum tarikh tamat.

Dan mengapa pula Kementerian Sumber Manusia itu tidak diberikan tanggungjawab kerja ini? Sebenarnya PPPA menguruskan hal-hal yang mengenai pekerja asing ini, kebanyakannya ada berkaitan dengan keselamatan. Kerana kita lihat pendatang ataupun pekerja asing ini ada banyak hal yang kita kena tapis, kita kena semak, kita kena pastikan Akta Imigresen itu diikuti, kita kena pastikan masalah sosial semua terkawal, maka Kementerian Dalam Negerilah merupakan kementerian yang lebih sesuai. Akan tetapi, Kementerian Sumber Manusia juga memainkan peranan yang penting terutamanya di peringkat Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing, mereka memang ada wakil di dalam Jawatankuasa Kabinet dan juga Jawatankuasa Sepadu di peringkat kementerian. Dan apa-apa yang melibatkan dengan guna tenaga, maka kita sentiasa merujuk kepada Kementerian Sumber Manusia.

Peraturan-peraturan yang kadang-kadang berubah ini kerana mengikut keadaan semasa. Pada suatu ketika, kita tidak menjangka pekerja asing, pendatang tanpa izin itu telah membanjiri negara kita, kita rasa dengan cara memberikan peraturan untuk mereka ambil pekerja asing daripada luar secara teratur, kalau semua majikan bekerjasama dan semua mematuhi undang-undang, peraturan dari dahulu lagi memang tidak ada masalah.

Akan tetapi, selepas satu ketika, kita nampak peraturan-peraturan dahulu itu tidak dipatuhi sehingga ramai majikan tidak menghiraukan Akta Imigresen telah mengupahkan ramai pekerja tanpa izin. Dengan itu, negara kita telah dibanjiri oleh pekerja tanpa izin, maka kita terpaksa membuat 'pemutihan'. Pemutihan maknanya untuk orang yang sudah berada di sini, sudah bekerja, sudah masuk ke negara ini sebelum katakan Ogos dan mereka memang sudah ada majikan, kita beri peluang untuk pemutihan.

Maka untuk pemutihan, kita terpaksa menggunakan peraturan yang baru dan tidak boleh lagi menggunakan peraturan yang sebelum itu. Semua ini telah dibincang dengan

secara berhati-hati, bukan ditukar dengan sewenang-wenangnya. Talian telefon PPPA telah sebenarnya baru-baru ini sahaja ditambah

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat!

Tuan Ong Ka Ting: Nanti sekejap, saya habiskan ini dahulu. Talian telefon PPPA telah ditambah baru-baru ini sahaja daripada tiga talian kepada enam belas talian dan pihak PPPA juga sedang mengambil perhatian yang serius tentang segala teguran dari orang awam.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak mendapatkan penjelasan. Dalam usaha kerajaan untuk membuat proses pemutihan pendatang-pendatang asing ini dan pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh pihak tertentu, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membekukan pemberian PR atau pemastautin tetap ataupun kad merah kepada pemohon-pemohon.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sebenarnya kerajaan selain dari telah membekukan pengambilan pekerja asing dalam masa pemutihan ini, permohonan permit masuk itu sebenarnya satu perkara yang lain. Nampaknya ada satu gambaran yang tidak berapa tepat, ramai orang ingat pekerja asing itu boleh mendapat permit masuk. Saya ingin jelaskan di sini, Kementerian Dalam Negeri tidak menimbangkan langsung bagi sesiapa pekerja asing untuk memohon permit masuk dan kita akan tolak dengan sertamerta. Mungkin ada Ahli Yang Berhormat yang berkata, mengapa begitu ramai pekerja asing dalam tangannya ada kad pengenalan merah yang berbentuk plastik lama itu.

Kalau sekiranya, itu kad pengenalannya, Kementerian Dalam Negeri pun berminat hendak menyemak kad itu palsu atau saheh kerana ikut rekod Kementerian Dalam Negeri, dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kita tak pernah meluluskan permit masuk kepada pekerja asing. Permit masuk itu satu keistimewaan yang dikawal dengan ketat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri yang mempunyai kuasa

meluluskannya. Tidak ada sesiapa yang lain termasuk saya ataupun Timbalan Menteri Datuk Seri Megat Junid boleh meluluskannya. Itu adalah satu kuasa 'Menteri' dan beliau sentiasa mengguna dengan bijaksana dan mengguna dengan berhati-hati dan tidaklah dengan begitu mudah. Tetapi, kita akur ada sebilangan pekerja pendatang tanpa izin itu, mereka melalui sindiket beli kad-kad pengenalan yang palsu ataupun keluar secara menyeleweng. Itu sebabnya kita telah gunakan ISA menangkap begitu ramai, termasuk kakitangan kerajaan masuk ke dalam Kem Kamunting. Itu satu perkara yang kerajaan sangat pandang serius.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tenom dan beberapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain telah menyentuh beberapa perkara tentang kebajikan Polis Diraja Malaysia ataupun kebajikan anggota-anggota polis. Saya ucapkan terima kasih kerana begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun memberikan perhatian terhadap kebajikan anggota-anggota polis. Semua cadangan ataupun teguran mereka itu, memang kita peka dan ambil kira.

Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini Kementerian Dalam Negeri juga telah bersama-sama mementingkan kebajikan polis. Sebenarnya pada masa kini, kita telah usaha bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan telah pun mengadakan insentif-insentif yang tertentu kepada anggota-anggota polis dalam pelbagai bidang. Insentif seperti perumahan itu memang diutamakan. Kalau sekiranya seseorang anggota polis itu tidak ada tempat kediamannya, kita akan pastikan ada elaun perumahan dan di bandar-bandar besar, kita utamakan memberikan perumahan lebih daripada memberi elaun kerana elaun itu di bandar besar memang tidak cukup untuk mereka menyewa rumah. Selain daripada itu, ada imbuhan-imbuhan yang lain mengikut bidang masing-masing dan dari masa ke semasa, Kementerian Dalam Negeri akan mencadangkan juga kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mempertimbangkan elaun-elaun yang lain.

Tindakan bersepadu untuk mengawal keselamatan secara menyeluruh di jalan raya dan juga usaha-usaha ke arah itu, memang sentiasa diadakan. Beberapa perkara yang disentuh di Sabah juga, kementerian saya akan mengambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Tenom juga menyentuh tentang operasi pertukaran kad pengenalan. Angka yang telah saya berikan kepada Dewan ini yang terkini bukan lagi 1 juta, 1 juta itu adalah pada satu ketika, sehingga 27hb. November, seramai 14,341,289 pemegang kad pengenalan sudah menukar kad pengenalan mereka. Maknanya, baki daripada sasaran kita sepatutnya ada kira-kira 658,000 lagi dan kadar pertukaran sekarang telah meningkat. Saya sentiasa membuat kiraan setiap hari, nampaknya sehari tambahan boleh sampai kira-kira 90,000 permohonan itu tiba di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara. Sekiranya semua rakyat yang bakinya, katakan 600,000 itu ambil ingatan dan juga 'treat that this is as a urgent job', dengan izin, mereka keluar cepat-cepat, kita masih boleh mencapai sasaran kita.

Ahli Yang Berhormat dari Tenom dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, kedua-duanya menyentuh satu perkara yang sama tetapi mereka mempunyai pendirian yang bercanggah. Ahli Yang Berhormat dari Tenom berkata, resit JPN 1/9, 1/11 ini kena kawal dengan betul-betul supaya pendatang tanpa izin ataupun mereka yang bukan warganegara salah guna. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam kata, jangan susah sangat, kalau hilang, JPN 1/11 itu, mahu pergi Petaling Jaya untuk disahkan susah sangat.

Saya rasa nampaknya dari dua sudut, kedua-dua Ahli Yang Berhormat dalam keadaan yang berlainan, satu dari Sabah dan satu dari Pulau Pinang. Maka, Kementerian Dalam Negeri memang sedar perkara ini, kita sentiasa ambilkira semua. Kita akan timbang masalah mereka yang cuba guna resit untuk memalsukan identiti mereka dan mereka yang genuine orang Malaysia, terlalu susah untuk mendapatkan gantian. Ini kita

selalunya, dengan izin, 'straight and ballance'. Apa yang penting ialah keselamatan negara itu perlu diutamakan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyentuh tentang 'environmentalist' iaitu Anderson Mutang Urut. Sebenarnya, kementerian saya setuju untuk membaharui pasport orang ini, tetapi setakat hari ini, beliau masih tidak menghubungi Pejabat Perwakilan kita. Kalau sekiranya beliau berhubung, kita akan mengambil tindakan dengan sewajarnya untuk membaharui pasportnya.

Peruntukan yang telah diagihkan kepada Rela di Sarawak pada tahun ini adalah RM1.2 juta, dan pada tahun 1997 kita akan ikut perancangan kegiatan yang akan diadakan, tetapi belum ditentukan. Yang Berhormat begitu berminat untuk mengadakan lebih banyak unit Rela, saya rasa pegawai Rela daerah akan kita arahkan untuk berbincang dengan Yang Berhormat untuk menubuhkan lebih unit RELA. Ini memang kita alu-alukan.

Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang penyelenggaraan bangunan PPH di Miri, Limbang dan kawasan Yang Berhormat, kita sentiasa memberi perhatian kepada perkara itu dan akan memberi pertimbangan. Kem PPH yang baru sedang kita timbangkan termasuk kita mencari tapak yang sesuai di situ.

Mengenai pondok sempadan dengan Sabah dan Sarawak, kita tidak dapat menyatukan kerana coverage mereka itu, di antara Sabah dan Sarawak, pondok-pondok itu tugasnya ada berbeza sedikit. Jadi, kita masih terpaksa adakan pondoknya masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah telah membangkitkan sekali lagi tentang Tabung Pahlawan. Perkara ini kita akan beri perhatian yang sewajarnya, ini bukan satu perkara yang boleh ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri sendiri kerana Tabung Pahlawan ini memang adalah satu tabung yang dikawal oleh pihak berkuasa yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah juga sekali lagi memberikan pandangan sebagai seorang bekas pegawai kanan polis yang bernas, saya sentiasa ambil kira apa yang telah beliau bangkitkan. Kita akan beri perhatian segala apa yang telah ditegur dan dicadangkan terhadap Skim Polis dan termasuk anomali yang dikatakan. Nampaknya Yang Berhormat begitu ambil tahu, ambil berat dan juga tahu apa yang sedang berlaku. Kementerian akan memberi perhatian terhadap semua teguran itu.

Memang masa kini, kerajaan memberikan tekanan kepada anggota polis yang berkebolehan dan berkeupayaan untuk meningkatkan kerjaya mereka. Kita memang beri peluang kepada mereka yang berkebolehan, berkeupayaan memang selalunya boleh dapat peluang naik pangkat atau menjawat jawatan yang lebih tinggi, yang lebih sesuai dengan kebolehan mereka.

Mengenai PPH yang dibangkitkan semula, saya telah jawab secara ringkasnya, iaitu Kementerian Dalam Negeri sedang memperbaiki apa-apa kelemahan kalau sekiranya terdapat dan kita pastikan rungutan, dakwaan, teguran itu semua kita ambil perhatian dengan serius.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat merupakan seorang yang telah memerhatikan Jabatan Pendaftaran Negara memang telah berjaya meningkatkan keberkesanan terutamanya dalam operasi menukar kad pengenalan. Saya sendiri pun sentiasa hendak ucapkan syabas kepada Jabatan Pendaftaran Negara kerana dalam operasi ini telah mendapat bukan sahaja membaiki keberkesanan perkhidmatan kaunter bahkan mereka boleh menjalankan satu beban kerja yang begitu berat, yang begitu besar walaupun terdapat batasan-batasan yang tertentu.

Mengenai permohonan warganegara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kluang dan Bukit Mertajam, memang Kementerian Dalam Negeri

dan Jabatan Pendaftaran Negara juga mengambil perhatian tentang adanya orang, terutamanya penduduk tetap Malaysia yang telah berada di sini. Ada di antara mereka ini berada di sini sebelum merdeka, anak cucu pun sudah besar, mereka ini memang sudah menetap di sini, tidak ada apa-apa pilihan yang lain. Dalam pada itu, kita akan menimbang semua faktor itu diambil kira apabila mereka memohon kewarganegaraan. Akan tetapi, oleh kerana kewarganegaraan ini merupakan satu perkara yang kita kena berhati-hati, kita sentiasa memproses, menapis dengan baik supaya tidak ada pihak-pihak yang lain itu mengambil kesempatan.

Angka-angka yang dipohon itu saya perlu notis sedikit, kerana ianya agak spesifik iaitu Yang Berhormat dari Kluang telah meminta angka-angkanya, saya akan semakkan angka yang terkini dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan kemudian saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat.

Mengenai borang yang baru. Borang yang baru telah pun diluluskan oleh pihak yang berkuasa dan dalam proses untuk mencetak, mudah-mudahan kita boleh menggunakan pada awal tahun depan. Perbezaan antara borang lama dengan borang baru ialah, borang baru semua artikel itu akan merupakan borang yang lebih ringkas dan lebih senang untuk diisi kalau banding dengan dahulu, borang dahulu banyak perkara kena diisi, tetapi sekarang telah diringkaskan.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah kes-kes kehilangan passport, kes-kes tahanan passport. Perkara ini juga telah sampai kepada perhatian ibu pejabat Imigresen dan juga Kementerian Dalam Negeri. Dan kita telah pun mengadakan garis panduan-garis panduan yang tertentu untuk melicinkan lagi pemerosesan permohonan passport yang hilang.

Mengenai passport-pasport yang ditahan kerana tinggal lebih masa. Dalam satu tahun ini kita telah pun kemas kinikan garis panduannya dan penahanan itu tidak akan

menjadi satu masalah yang rumit lagi. Walau bagaimanapun, kedua-dua Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara setahu saya, kedua-dua pihak sentiasa mencari jalan dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki semua perkhidmatan kaunter di mana yang boleh mereka mencapai satu kecemerlangan. Saya nampak kedua-dua jabatan ini sudah ada banyak perubahan yang baik, kalau kita banding kedua-dua jabatan ini dengan tiga atau lima tahun dahulu. Pada hari ini kedua-dua jabatan ini memang sudah ada banyak perubahan.

Saya rasa apabila kita menegur, kita juga harus akur dan mengiktirafkan apa yang mereka telah buat. Apa yang baik kita kena puji, apa yang lemah kita tegur dan pada masa yang sama kita membuat cadangan yang membina.

Saya amat berterima kasih pada ramai Ahli Yang Berhormat di sini, yang sentiasa memberi cadangan yang membina dan kadang-kadang cadangan itu kita guna untuk dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, pejabat Imigresen di seluruh negara kita dari masa ke semasa akan memperluaskan perkhidmatan lagi. Kita akan tambah mengikut kemampuan kewangan dan mengikut perancangan, juga mengikut kemudahan di sekeliling. Perancangan itu kena dibuat secara menyeluruh.

Saya tidak dapat memberi satu jaminan di sini, bilakah Kluang akan ada satu pejabat Imigresen, tetapi seperti daerah-daerah lain, kita terpaksa melalui satu perancangan yang menyeluruh.

Yang Berhormat dari Bagan telah menyentuh juga perkerja asing. Nampaknya perspektif Yang Berhormat itu agak lain sedikit. Penguatkuasaan perlu diadakan supaya negara kita tidak dibanjiri oleh pendatang-pendatang asing. Boleh kita katakan di sini, kita adakan satu 'pemutihan'. Ini bermakna negara kita longgar, sesiapa sahaja boleh datang kerana masa itu kita membuat 'pemutihan'. Kalau kita tidak tangkap, tidak

periksa, tidak semak, maka saya rasa mungkin dua kali ganda lagi pendatang asing itu akan datang. Walau bagaimanapun dalam masa penguatkuasaan ini dijalankan, pihak penguatkuasa sentiasa mengambil perhatian terhadap pekerja-pekerja tulen, yang betul-betul ada majikan. Dalam pada itu memang kadangkala kita beri mengikut budi bicara bagi majikan yang betul, tunjuk bukti dan bawa mereka pergi buat 'pemutihan', jadi mereka itu boleh dikembalikan kepada majikan. Tetapi ada juga pendatang-pendatang tanpa izin yang tidak layak langsung untuk didaftar. Kita akan tangkap, kita terus akan mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi, pekerja dari mana-mana negara pun kita sudah beku, tidak kira dia dari negara mana. Jadi, soalnya tidak timbul lagi sama ada negara China atau sebagainya, itu tidak perlu timbang, kerana sekarang negara Bangladesh pun kita tidak beri - sudah dibekukan semua. Soalan ini saya rasa tidak payah kita bahaskan lagi.

Mengenai operasi dan penguatkuasaan, kita masih teruskan dan semua teguran ataupun cadangan terhadap PDRM saya telah sebut dan beberapa orang Yang Berhormat telah pun menyentuh, kita akan ambil perhatian kerana banyak perkara yang dibangkitkan itu sangat spesifik.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Ong Ka Ting: Saya ingat tidak payahlah, saya hendak bereskan pada hari ini, sebab banyak perkara yang dibangkitkan itu sangat spesifik, saya rasa perkara ini akan dicatat semuanya dan diberi perhatian. Kalau saya hendak jawab satu persatu perkara sangat spesifik, itu akan mengambil masa yang sangat lama. Saya rasa elok kita bincang perkara yang lebih besar daripada perkara-perkara individu yang spesifik.

Yang Berhormat dari Sipitang juga menyentuh perkara-perkara mengenai polis. Perkara ini seperti mana saya kata, kebanyakan perkara yang spesifik itu kita akan

memberi perhatian termasuk masalah yang dihadapi oleh nelayan dan keselamatan pantai-pantai di Sabah.

Mengenai kekuatan polis merin memang kita berhasrat untuk tambah dengan dibantu oleh Pasukan Polis Hutan (PPH). Perkara ini telah pun kita pertingkatkan di Eastern Corridor di Sabah. Memang Sabah dalam perhatian Kerajaan Pusat, di mana kita berhasrat untuk memastikan keselamatan di situ terkawal.

Mengenai muka surat pasport cepat habis. Kalau orang keluar-masuk negara dengan kerapnya, memang pasport itu cepat habis. Dan cop itu memang standard, semua negara saiz copnya macam itu. Kalau kita cuba hendak kecilkan kerana hendak jimatkan muka surat, mungkin itu bukan satu keutamaan. Tetapi bagi orang yang keluar-masuk itu dia bolehlah menggunakan pasport yang lebih tebal. Beliau kena membayarliah harganya kerana dia selalu keluar-masuk negara.

Cadangan mengenai sempadan, Trans-Borneo, tambahan kakitangan Imigresen dan sebagainya, semua itu akan diberi perhatian. Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah bertanya mengenai mereka yang menukar nama. Saya rasa Yang Berhormat telah emphasis ataupun apa Yang Berhormat ingin tekankan ialah terutamanya mereka yang murtad iaitu keluar dari agama Islam. Dalam pada itu Jabatan Pendaftaran Negara tidak membuat keputusan sendiri, ini adalah perkara yang penting. Kita kena rujuk kepada Jabatan Agama Islam iaitu di bawah kuasa kerajaan negeri. Jabatan Agama Islam perlu memberi pengesahan sebelum Jabatan Pendaftaran Negara boleh bertindak. Kita tidak sewenang-wenangnya memberi mengikut pemerhatian kita, sebab ini adalah perkara yang serius. Jabatan Agama Islam perlu mengesahkan dahulu. Mengenai angka yang spesifik itu pun saya tidak ada di sini, ini saya perlukan sedikit masa untuk menyemak.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan dadah, AIDS.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ong Ka Ting: Sudahlah saya rasa ada sedikit sahaja masa.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya minta beri jawapan secara bertulis bolehkah mengenai angka yang saya sebut itu?

Tuan Ong Ka Ting: Ya, saya cuba.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Beri secara bertulis.

Tuan Ong Ka Ting: Saya cuba. Dadah dan AIDS semua itu, sebenarnya kerajaan telah banyak kali terangkan di sini, kita adakan Majlis Dadah Kebangsaan, kita adakan agensi dadah kebangsaan. Kita menekankan bukan sahaja masalah dadah, masalah kesesakan pusat serenti, masalah AIDS, telah banyak kali saya tekankan di sini dan saya tidak hendak tambah dengan panjang lebar di sini.

Peruntukan yang telah kurang kerana penjenayah perdagangan itu, kita tidak boleh gunakan peruntukan itu untuk mengukur sama ada kalau peruntukan banyak maknanya keberkesanan bagus. Kalau peruntukan kurang maknanya tidak penting, saya rasa itu bukan caranya sebab Polis Diraja Malaysia (PDRM) memang sudah dalam masa-masa yang lalu ini telah melatih pegawai yang mahir, profesional yang cukup untuk memerangi jenayah kolar putih. Tidak bermakna kerana peruntukan itu nampak tidak begitu banyak, kita tidak pentingkan masalah ini. Sebenarnya kita masih pentingkan masalah ini tetapi sistem penyiasatan itu memang sudah ada.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga telah bangkitkan hal-hal mengenai kelengkapan polis setempat, itu akan kita berikan perhatian. Mengenai isteri-isteri daripada RRC, memang bukan sahaja isteri-isteri dari RRC, kalau kita kahwin dengan rakyat asing ia ada prosedur-prosedur tertentu. Terpulang kepada rakyat itu dari negara mana dan setiap negara ada dia punya sebab-sebab kita perlukan sesuatu prosedur dari segi pertimbangan keselamatan, pertalian diplomatiknya dan sebagainya. Itu semua kita kena buat dengan berhati-hati. Kadangkala kita berpura-pura, kata eloklah kahwin

dengan warganegara kita sendirilah, mengapa susah pergi cari kecuali kes-kes yang tidak dapat dielakkan.

Memang kita hormatilah perkahwinan yang telah dijalankan tetapi kita tidak galak orang keluar beramai-ramai kerana senang sangat hendak bawa orang asing balik untuk kahwin. Jadi, macam manapun kita kena tengok cara case by case.

Kementerian Dalam Negeri memang dalam proses berusaha dengan jabatan-jabatan seperti Polis, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen untuk mengkomputerkan semua perkhidmatan. Kalau pengkomputeran itu dapat kita lengkap maka banyak masalah atau perkhidmatan itu boleh ditingkatkan dengan cepat. Tidak payah kita pergi jauh-jauh kerana komputer sudah on-line tidak kira Polis, KDN.

Pada masa itu kalau kita beroperasi tukar kad pengenalan sudah lengkap semua, kalau hilang kad pengenalan pun kerana butiran yang sah itu sudah ada dalam komputer. Nak semak pun cepat. Pada masa itu kehilangan kad pengenalan mungkin dapat diurus dengan cepat. Sekarang masih hendak mencari fail secara manual, itu sebabnya kita hendak setiap rakyat cepat-cepat tukar kad pengenalan. Jangan tunggu lagi, jangan minta masa banyak-banyak. Lagi cepat kita habiskan operasi ini, lagi banyak sistem pengkomputeran ini lagi awal kita boleh laksanakan.

Tuan Pengerusi, akhirnya Jelebu ada juga membangkitkan beberapa perkara yang spesifik seperti Rela, memang perkara-perkara mengenai Rela kita akan terus mengambil perhatian. Pusat Serenti, Jelebu pun, perkara-perkara itu saya sebenarnya sudah beri perhatian cuma pihak berkuasa sedang menyemak keadaan seperti garis panduan AIDS dan sebagainya. PDRM pun seperti saya katakan, kita akan terus memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berbangkit mengenai Polis DiRaja Malaysia.

Anggota polis kalau mereka nampak public impression bawa kereta besar, ramai kahwin dua, saya rasa itu bukan satu imej yang menyakinkan. Bukan imej yang

menyakinkan tetapi kalau sekiranya ada, kadangkala ada kes itu berlaku. Ini merupakan satu uniform berdisiplin, kita memang tidak mahu anggota itu telah beri satu gambaran begitu berkebolehan tetapi teguran Yang Berhormat itu dari segi hak individu itu, kita akan beri perhatian.

Tuan Pengerusi, begitulah perkara-perkara sejauh mana dapat saya jawab. Ada banyak perkara yang sangat spesifik, saya beri jaminan Kementerian Dalam Negeri terus akan memberi perhatian dan akan melaksanakan kalau sekiranya praktikal dan kalau tidak kita terus ambil ingatan. Itu sahaja dapat saya jawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM161,973,500 untuk Maksud B.35; RM1,851,432,000 untuk Maksud B.36; RM106,068,900 untuk Maksud B.37; RM7,311,300 untuk Maksud B.38; RM75,822,700 untuk Maksud B.39, RM176,563,400 untuk Maksud B.40 dan RM10,719,100 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM161,973,500 untuk Maksud B.35; RM1,851,432,000 untuk Maksud B.36; RM106,068,900 untuk Maksud B.37; RM7,311,300 untuk Maksud B.38; RM75,822,700 untuk Maksud B.39, RM176,563,400 untuk Maksud B.40 dan RM10,719,100 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM64,389,000 untuk Maksud P.35; RM337,230,000 untuk Maksud P.36; RM107,528,000 untuk Maksud P.37; RM61,364,800 untuk Maksud P.39 dan RM73,788,600 untuk Maksud P.40 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM64,389,000 untuk Maksud P.35; RM337,230,000 untuk Maksud P.36; RM107,528,000 untuk Maksud P.37; RM61,364,800 untuk Maksud P.39 dan RM73,788,600 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.